JUZU' KE-24

SURAH GHAAFIR

SURAH KE

40

سُورَةُ غَافِرٍ

SURAH GHAAFIR

Surah Yang Maha Pengampun

(Makkiyah)

JUMLAH AYAT

85

Dengan nama Allah
Yang Maha Penyayang dan Maha Pengasih

(Kumpulan ayat-ayat 1 - 20)

حمٓ ﴿١﴾

تَنزِيلُ ٱلْكِتَٰبِ مِنَ ٱللَّهِ ٱلْعَزِيزِ ٱلْعَلِيمِ ﴿٢﴾

غَافِرِ ٱلذَّنۢبِ وَقَابِلِ ٱلتَّوْبِ شَدِيدِ ٱلْعِقَابِ ذِى ٱلطَّوْلِ

لَآ إِلَٰهَ إِلَّا هُوَ إِلَيْهِ ٱلْمَصِيرُ ﴿٣﴾

مَا يُجَٰدِلُ فِىٓ ءَايَٰتِ ٱللَّهِ إِلَّا ٱلَّذِينَ كَفَرُوا۟ فَلَا يَغْرُرْكَ

تَقَلُّبُهُمْ فِى ٱلْبِلَٰدِ ﴿٤﴾

كَذَّبَتْ قَبْلَهُمْ قَوْمُ نُوحٍ وَٱلْأَحْزَابُ مِنۢ بَعْدِهِمْ

وَهَمَّتْ كُلُّ أُمَّةٍۭ بِرَسُولِهِمْ لِيَأْخُذُوهُ

وَجَٰدَلُوا۟ بِٱلْبَٰطِلِ لِيُدْحِضُوا۟ بِهِ ٱلْحَقَّ فَأَخَذْتُهُمْ

فَكَيْفَ كَانَ عِقَابِ ﴿٥﴾

وَكَذَٰلِكَ حَقَّتْ كَلِمَتُ رَبِّكَ عَلَى ٱلَّذِينَ كَفَرُوٓا۟

أَنَّهُمْ أَصْحَٰبُ ٱلنَّارِ ﴿٦﴾

"Haa. Miim (1). Kitab Al-Qur'an diturunkan daripada Allah Yang Maha Perkasa dan Maha Mengetahui (2). Yang mengampuni dosa dan penerima taubat, yang amat berat balasan-Nya dan melimpah kurnia-Nya. Tiada Tuhan melainkan Dia dan kepada-Nya kembali (seluruh manusia) (3). Tiada siapa yang membantah ayat-ayat Allah melainkan orang-orang yang kafir. Oleh itu janganlah engkau tertipu oleh kemewahan kehidupan mereka di dalam negeri-negeri (4). Sebelum mereka, kaum Nuh telah mendustakan (rasul-rasul-Nya) juga golongan-golongan (penentang rasul) selepas mereka, dan setiap umat ini bermaksud (jahat) terhadap rasul mereka untuk membinasakannya dan mereka membantah dengan alasan yang batil untuk melenyapkan kebenaran, lalu Aku binasakan mereka, dan lihatlah bagaimana dahsyatnya balasan-Ku itu? (5) Demikianlah telah ditetapkan keputusan 'azab daripada Tuhan engkau terhadap orang-orang kafir. Sesungguhnya mereka adalah penghuni-penghuni Neraka." (6).

ٱلَّذِينَ يَحْمِلُونَ ٱلْعَرْشَ وَمَنْ حَوْلَهُۥ يُسَبِّحُونَ بِحَمْدِ

رَبِّهِمْ وَيُؤْمِنُونَ بِهِۦ وَيَسْتَغْفِرُونَ لِلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ رَبَّنَا

وَسِعْتَ كُلَّ شَىْءٍ رَّحْمَةً وَعِلْمًا فَٱغْفِرْ لِلَّذِينَ

تَابُوا۟ وَٱتَّبَعُوا۟ سَبِيلَكَ وَقِهِمْ عَذَابَ ٱلْجَحِيمِ ﴿٧﴾

رَبَّنَا وَأَدْخِلْهُمْ جَنَّٰتِ عَدْنٍ ٱلَّتِى وَعَدتَّهُمْ وَمَن

صَلَحَ مِنْ ءَابَآئِهِمْ وَأَزْوَٰجِهِمْ وَذُرِّيَّٰتِهِمْ إِنَّكَ

أَنتَ ٱلْعَزِيزُ ٱلْحَكِيمُ ﴿٨﴾

وَقِهِمُ ٱلسَّيِّـَٔاتِ وَمَن تَقِ ٱلسَّيِّـَٔاتِ يَوْمَئِذٍ

فَقَدْ رَحِمْتَهُۥ وَذَٰلِكَ هُوَ ٱلْفَوْزُ ٱلْعَظِيمُ ﴿٩﴾

إِنَّ ٱلَّذِينَ كَفَرُوا۟ يُنَادَوْنَ لَمَقْتُ ٱللَّهِ أَكْبَرُ

مِن مَّقْتِكُمْ أَنفُسَكُمْ إِذْ تُدْعَوْنَ إِلَى ٱلْإِيمَٰنِ

فَتَكْفُرُونَ ﴿١٠﴾

قَالُوا۟ رَبَّنَآ أَمَتَّنَا ٱثْنَتَيْنِ وَأَحْيَيْتَنَا ٱثْنَتَيْنِ فَٱعْتَرَفْنَا

بِذُنُوبِنَا فَهَلْ إِلَىٰ خُرُوجٍ مِّن سَبِيلٍ ﴿١١﴾

ذَٰلِكُم بِأَنَّهُۥٓ إِذَا دُعِىَ ٱللَّهُ وَحْدَهُۥ كَفَرْتُمْ

وَإِن يُشْرَكْ بِهِۦ تُؤْمِنُوا۟ فَٱلْحُكْمُ لِلَّهِ ٱلْعَلِىِّ

ٱلْكَبِيرِ ﴿١٢﴾

"Malaikat-malaikat yang menanggung 'Arasy dan malaikat-malaikat yang berada di sekelilingnya adalah bertasbih memuji Tuhan mereka dan beriman kepada-Nya, dan mereka memohon keampunan untuk orang-orang yang

beriman (dengan do'a): Wahai Tuhan kami! Rahmat dan ilmu-Mu meliputi segala sesuatu. Oleh itu kurniakanlah keampunan kepada orang-orang yang bertaubat dan mengikut jalan-Mu dan lindungilah mereka dari 'azab Neraka (7). Wahai Tuhan kami! Masukkanlah mereka ke dalam Syurga-syurga 'Adni yang Engkau telah janjikan kepada mereka dan masukkan bersama mereka orang-orang yang soleh dari ibubapa-ibubapa mereka dan isteri-isteri mereka dan zuriat keturunan mereka. Sesungguhnya Engkau Maha Perkasa dan Maha Bijaksana (8). Dan lindungilah mereka dari kejahatan-kejahatan, dan barang siapa yang Engkau peliharakannya dari kejahatan-kejahatan pada hari itu, maka sesungguhnya Engkau telah mengurniakan rahmat kepadanya, dan itulah keberuntungan yang amat besar (9). Sesungguhnya orang-orang kafir diseru (pada hari Qiamat): Sesungguhnya kebencian Allah itu lebih besar dari kebencian kamu terhadap diri kamu sendiri kerana kamu diseru kepada keimanan lalu kamu ingkarkannya (10). Mereka berkata: Wahai Tuhan kami! Engkau telah mematikan kami dua kali dan menghidupkan kami dua kali, dan kami telah akui dosa-dosa kami. Oleh itu adakah jalan keluar (dari Neraka)? (11) Balasan yang sedemikian ialah kerana apabila disebut Allah Yang Tunggal sahaja kamu ingkarkannya, dan apabila disekutukannya kamu beriman. Oleh itu hukuman adalah terpulang kepada Allah Yang Maha Tinggi dan Maha Besar." (12).

هُوَ ٱلَّذِى يُرِيكُمْ ءَايَٰتِهِۦ وَيُنَزِّلُ لَكُم مِّنَ ٱلسَّمَآءِ رِزْقًا ۚ
وَمَا يَتَذَكَّرُ إِلَّا مَن يُنِيبُ ﴿١٣﴾
فَٱدْعُوا۟ ٱللَّهَ مُخْلِصِينَ لَهُ ٱلدِّينَ وَلَوْ كَرِهَ
ٱلْكَٰفِرُونَ ﴿١٤﴾
رَفِيعُ ٱلدَّرَجَٰتِ ذُو ٱلْعَرْشِ يُلْقِى ٱلرُّوحَ مِنْ أَمْرِهِۦ
عَلَىٰ مَن يَشَآءُ مِنْ عِبَادِهِۦ لِيُنذِرَ يَوْمَ ٱلتَّلَاقِ ﴿١٥﴾
يَوْمَ هُم بَٰرِزُونَ ۖ لَا يَخْفَىٰ عَلَى ٱللَّهِ مِنْهُمْ شَىْءٌ ۚ لِّمَنِ ٱلْمُلْكُ
ٱلْيَوْمَ ۖ لِلَّهِ ٱلْوَٰحِدِ ٱلْقَهَّارِ ﴿١٦﴾
وَأَنذِرْهُمْ يَوْمَ ٱلْءَازِفَةِ إِذِ ٱلْقُلُوبُ لَدَى ٱلْحَنَاجِرِ
كَٰظِمِينَ ۚ مَا لِلظَّٰلِمِينَ مِنْ حَمِيمٍ وَلَا شَفِيعٍ
يُطَاعُ ﴿١٨﴾
يَعْلَمُ خَآئِنَةَ ٱلْأَعْيُنِ وَمَا تُخْفِى ٱلصُّدُورُ ﴿١٩﴾
وَٱللَّهُ يَقْضِى بِٱلْحَقِّ ۖ وَٱلَّذِينَ يَدْعُونَ مِن دُونِهِۦ
لَا يَقْضُونَ بِشَىْءٍ ۗ إِنَّ ٱللَّهَ هُوَ ٱلسَّمِيعُ ٱلْبَصِيرُ ﴿٢٠﴾

"Dialah yang memperlihatkan kepada kamu bukti-bukti kekuasaan-Nya dan menurunkan rezeki untuk kamu dari langit. Dan tiada yang mengingati (ni'mat-Nya) melainkan orang yang kembali (kepada Allah) (13). Oleh itu sembahkanlah Allah dengan mentuluskan keta'atan kepada-Nya walaupun dibenci oleh orang-orang kafir (14). Dialah Yang Maha Tinggi darjat-Nya dan yang mempunyai 'Arasy. Dia menurunkan wahyu dari urusan-Nya kepada siapa yang dikehendaki-Nya dari antara hamba-hamba-Nya untuk mengingatkan (manusia) tentang Hari Pertemuan (Qiamat) (15). Iaitu pada hari mereka muncul dengan begitu nyata. Tiada satu pun dari keadaan mereka tersembunyi dari (ilmu) Allah. Siapakah yang memiliki kerajaan pada hari ini? Ia dimiliki Allah Yang Maha Esa dan Maha Besar (16). Pada hari ini setiap orang dibalas dengan amalan yang diusahakannya. Tiada sebarang penganiayaan pada hari ini. Sesungguhnya Allah amat pantas hisab-Nya (17). Dan berilah amaran kepada mereka tentang hari Qiamat yang hampir tiba ketika hati-hati manusia sebak hingga ke kerongkong kerana menahan perasaan duka nestapa dan menyesal. Orang-orang yang zalim tidak akan mendapat seorang pun sahabat setia dan tidak pula akan mendapat sebarang pemberi syafa'at yang diterima syafa'atnya (18). Dia mengetahui jelingan mata yang serong dan segala rahsia yang disembunyikan di dalam dada (19). Dan Allahlah sahaja yang memutuskan hukuman dengan adil, sedangkan sembahan-sembahan yang mereka sembah selain Allah tidak memutuskan sesuatu hukuman pun. Sesungguhnya Allah Maha Mendengar dan Maha Melihat."(20)

(Latar belakang dan pokok pembicaraan)

Surah ini membicarakan persoalan kebenaran dan kebatilan, persoalan keimanan dan kekufuran, persoalan da'wah dan pendustaan terhadap da'wah. Dan pada akhirnya ia membicarakan persoalan berlagak angkuh dan sewenang-wenang di muka bumi tanpa alasan yang benar di samping menerangkan 'azab keseksaan Allah yang menimpa orang-orang yang angkuh dan sewenang-wenang. Dan di celah-celah persoalan ini ia memperkatakan tentang kedudukan orang-orang yang beriman, yang menerima hidayat dan ta'at, yang mendapat pertolongan dari Allah, mendapat istighfar dari malaikat, mendapat pengabulan do'a dari Allah di samping menerangkan ni'mat-ni'mat yang menunggu mereka di Akhirat.

Oleh kerana itu keseluruhan suasana surah ini seolah-olah suasana pertempuran, iaitu pertempuran di antara kebenaran dan kebatilan, di antara keimanan dan keterlaluan, di antara orang-orang yang angkuh dan sewenang-wenang di bumi dengan 'azab Allah yang membinasakan mereka. Dan di celah-celah suasana itu terdapat hembusan bayu-bayu rahmat dan keredhaan Ilahi ketika disebut para Mu'minin.

Suasana itu jelas tergambar ketika dibentangkan kisah kebinasaan orang-orang yang dahulu kala dan ketika ditayangkan pemandangan-pemandangan Qiamat. Kisah-kisah itu disebut dengan jelas berulang-ulang di sana sini di dalam surah ini dan ditayangkan dengan gambaran yang dahsyat dan ngeri sesuai dengan suasana keseluruhan surah yang membawa ciri-ciri dahsyat dan ngeri.

Sesuai dengan ciri ini, surah ini dibuka dengan kata-kata yang mempunyai nada-nada yang istimewa:

غَافِرِ ٱلذَّنۢبِ وَقَابِلِ ٱلتَّوۡبِ شَدِيدِ ٱلۡعِقَابِ ذِي ٱلطَّوۡلِۖ لَآ إِلَٰهَ إِلَّا هُوَۖ إِلَيۡهِ ٱلۡمَصِيرُ ٣

"Yang mengampuni dosa dan menerima taubat, yang amat berat balasan-Nya dan melimpah kurnia-Nya. Tiada Tuhan melainkan Dia dan kepada-Nya kembali (seluruh manusia)."(3)

Nada ayat-ayat ini seolah-olah ketukan-ketukan tukul yang teratur dan tetap, sedangkan makna dari kata-kata ayat ini juga menolong menguatkan paluan nada-nada itu.

Begitu juga kata-kata 'azab (لبأسا), 'azab Allah (بأس الله) dan 'azab Kami (بأسنا) disebut berulang-ulang dan di berbagai-bagai tempat dalam surah ini. Dan di sana terdapat kata-kata dahsyat dan ngeri yang lain lagi sama ada dari segi sebutan atau dari segi maknanya.

* * * * * *

Pada umumnya seluruh surah ini seolah-olah merupakan tukul-tukul yang mengetuk hati manusia dan mempengaruhinya dengan keras ketika ditayangkan pemandangan-pemandangan Qiamat dan kisah-kisah kebinasaan orang yang dahulu kala. Kadang-kadang ketukan itu berubah kepada sentuhan-sentuhan dan paluan-paluan yang lembut ketika ia menayangkan pemandangan malaikat-malaikat yang menjunjung 'Arasy dan malaikat-malaikat yang berada di sekelilingnya yang berdo'a kepada Allah supaya mengurniakan keampunan kepada hamba-hamba-Nya yang Mu'min atau ketika ia ditayangkan bukti-bukti kekuasaan Allah yang terdapat pada alam buana dan pada diri manusia.

Di sini kami kemukakan beberapa contoh yang menggambarkan suasana dan bayangannya dari kedua-dua bukti itu.

Di antara contoh yang menayangkan kisah kebinasaan orang-orang yang dahulu kala ialah :

كَذَّبَتۡ قَبۡلَهُمۡ قَوۡمُ نُوحٖ وَٱلۡأَحۡزَابُ مِنۢ بَعۡدِهِمۡۖ وَهَمَّتۡ كُلُّ أُمَّةِۭ بِرَسُولِهِمۡ لِيَأۡخُذُوهُۖ وَجَٰدَلُواْ بِٱلۡبَٰطِلِ لِيُدۡحِضُواْ بِهِ ٱلۡحَقَّ فَأَخَذۡتُهُمۡۖ فَكَيۡفَ كَانَ عِقَابِ ٥

"Sebelum mereka, kaum Nuh telah mendustakan (rasul-rasul-Nya) juga golongan-golongan (penentang rasul) selepas mereka, dan setiap umat ini bermaksud (jahat) terhadap rasul mereka untuk membinasakannya, dan mereka membantah dengan alasan yang batil untuk melenyapkan kebenaran, lalu Aku binasakan mereka dan lihatlah bagaimana dahsyatnya balasan-Ku itu?"(5)

أَوَلَمۡ يَسِيرُواْ فِي ٱلۡأَرۡضِ فَيَنظُرُواْ كَيۡفَ كَانَ عَٰقِبَةُ ٱلَّذِينَ كَانُواْ مِن قَبۡلِهِمۡۚ كَانُواْ هُمۡ أَشَدَّ مِنۡهُمۡ قُوَّةٗ وَءَاثَارٗا فِي ٱلۡأَرۡضِ فَأَخَذَهُمُ ٱللَّهُ بِذُنُوبِهِمۡ وَمَا كَانَ لَهُم مِّنَ ٱللَّهِ مِن وَاقٖ ٢١

ذَٰلِكَ بِأَنَّهُمۡ كَانَت تَّأۡتِيهِمۡ رُسُلُهُم بِٱلۡبَيِّنَٰتِ فَكَفَرُواْ فَأَخَذَهُمُ ٱللَّهُۚ إِنَّهُۥ قَوِيّٞ شَدِيدُ ٱلۡعِقَابِ ٢٢

"Tidakkah mereka menjelajah di muka bumi dan memperhatikan bagaimana akibat yang menimpa orang-orang (kafir) yang terdahulu dari mereka? Mereka itu adalah lebih kuat dari mereka dari segi kekuatan dan kesan-kesan peninggalan mereka di bumi. Allah telah membinasakan mereka dengan sebab dosa-dosa mereka dan tiada siapa pun yang dapat melindungkan mereka dari 'azab Allah (21). Balasan yang demikian kerana rasul-rasul telah datang kepada mereka membawa bukti-bukti yang jelas tetapi mereka ingkarkannya, lalu Allah binasakan mereka. Sesungguhnya Dia Maha Kuat dan amat berat balasan-Nya."(22)

Di antara contoh yang menayangkan pemandangan-pemandangan Qiamat ialah:

وَأَنذِرۡهُمۡ يَوۡمَ ٱلۡأٓزِفَةِ إِذِ ٱلۡقُلُوبُ لَدَى ٱلۡحَنَاجِرِ كَٰظِمِينَۚ مَا لِلظَّٰلِمِينَ مِنۡ حَمِيمٖ وَلَا شَفِيعٖ يُطَاعُ ١٨

"Dan berilah amaran kepada mereka tentang hari Qiamat yang hampir tiba ketika hati-hati manusia sebak hingga ke kerongkong kerana menahan perasaan duka nestapa dan menyesal. Orang-orang yang zalim tidak akan mendapat seorang pun sahabat setia dan tidak pula akan mendapat sebarang pemberi syafa'at yang diterima syafa'atnya (18).

ٱلَّذِينَ كَذَّبُواْ بِٱلۡكِتَٰبِ وَبِمَآ أَرۡسَلۡنَا بِهِۦ رُسُلَنَاۖ فَسَوۡفَ يَعۡلَمُونَ ٧٠ إِذِ ٱلۡأَغۡلَٰلُ فِيٓ أَعۡنَٰقِهِمۡ وَٱلسَّلَٰسِلُ يُسۡحَبُونَ ٧١ فِي ٱلۡحَمِيمِ ثُمَّ فِي ٱلنَّارِ يُسۡجَرُونَ ٧٢

"Iaitu orang-orang yang telah mendustakan kitab Al-Qur'an dan perutusan-perutusan yang Kami kirimkannya kepada rasul-rasul Kami. Oleh itu kelak mereka akan mengetahui (70). Ketika belenggu-belenggu dan rantai-rantai dipasang di leher mereka lalu mereka diseret (71). Ke dalam air yang amat panas kemudian mereka dibakar di dalam Neraka."(72)

Di antara contoh sentuhan-sentuhan yang lembut ialah pemandangan malaikat-malaikat penanggung 'Arasy yang berdo'a dengan khusyu' :

ٱلَّذِينَ يَحْمِلُونَ ٱلْعَرْشَ وَمَنْ حَوْلَهُۥ يُسَبِّحُونَ بِحَمْدِ رَبِّهِمْ وَيُؤْمِنُونَ بِهِۦ وَيَسْتَغْفِرُونَ لِلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ رَبَّنَا وَسِعْتَ كُلَّ شَىْءٍ رَّحْمَةً وَعِلْمًا فَٱغْفِرْ لِلَّذِينَ تَابُوا۟ وَٱتَّبَعُوا۟ سَبِيلَكَ وَقِهِمْ عَذَابَ ٱلْجَحِيمِ ﴿٧﴾ رَبَّنَا وَأَدْخِلْهُمْ جَنَّٰتِ عَدْنٍ ٱلَّتِى وَعَدتَّهُمْ وَمَن صَلَحَ مِنْ ءَابَآئِهِمْ وَأَزْوَٰجِهِمْ وَذُرِّيَّٰتِهِمْ ۚ إِنَّكَ أَنتَ ٱلْعَزِيزُ ٱلْحَكِيمُ ﴿٨﴾ وَقِهِمُ ٱلسَّيِّـَٔاتِ ۚ وَمَن تَقِ ٱلسَّيِّـَٔاتِ يَوْمَئِذٍ فَقَدْ رَحِمْتَهُۥ ۚ وَذَٰلِكَ هُوَ ٱلْفَوْزُ ٱلْعَظِيمُ ﴿٩﴾

"Malaikat-malaikat yang menanggung 'Arasy dan malaikat-malaikat yang berada di sekelilingnya adalah bertasbih memuji Tuhan mereka dan beriman kepada-Nya, dan mereka memohon keampunan untuk orang-orang yang beriman (dengan do'a): Wahai Tuhan kami! Rahmat dan ilmu-Mu meliputi segala sesuatu. Oleh itu kurniakanlah keampunan kepada orang-orang yang bertaubat dan mengikut jalan-Mu dan lindungilah mereka dari 'azab Neraka (7). Wahai Tuhan kami! Masukkanlah mereka ke dalam Syurga-syurga 'Adni yang Engkau telah janjikan kepada mereka dan masukkan bersama mereka orang-orang yang soleh dari ibubapa-ibubapa mereka dan isteri-isteri mereka dan zuriat keturunan mereka. Sesungguhnya Engkau Maha Perkasa dan Maha Bijaksana (8). Dan lindungilah mereka dari kejahatan-kejahatan, dan barang siapa yang Engkau peliharakannya dari kejahatan-kejahatan pada hari itu, maka sesungguhnya Engkau telah mengurniakan rahmat kepadanya, dan itulah keberuntungan yang amat besar."(9)

Di antara sentuhan-sentuhan yang menarik ialah pembentangan bukti-bukti kekuasaan Allah pada kejadian diri manusia dan pada kejadian alam buana ialah:

هُوَ ٱلَّذِى خَلَقَكُم مِّن تُرَابٍ ثُمَّ مِن نُّطْفَةٍ ثُمَّ مِنْ عَلَقَةٍ ثُمَّ يُخْرِجُكُمْ طِفْلًا ثُمَّ لِتَبْلُغُوٓا۟ أَشُدَّكُمْ ثُمَّ لِتَكُونُوا۟ شُيُوخًا ۚ وَمِنكُم مَّن يُتَوَفَّىٰ مِن قَبْلُ ۖ وَلِتَبْلُغُوٓا۟ أَجَلًا مُّسَمًّى وَلَعَلَّكُمْ تَعْقِلُونَ ﴿٦٧﴾

"Dialah yang telah menciptakan kamu dari tanah kemudian dari nutfah kemudian dari segumpal darah kemudian kamu dilahirkan sebagai seorang kanak-kanak kemudian kamu (terus dibesarkan) supaya kamu sampai ke usia dewasa kemudian supaya kamu sampai ke usia orang-orang yang tua, dan di antara kamu ada yang diwafatkan sebelum usia itu, dan seterusnya supaya kamu sampai kepada ajal yang telah ditentukan dan supaya kamu berfikir."(67)

هُوَ ٱلَّذِى يُحْىِۦ وَيُمِيتُ ۖ فَإِذَا قَضَىٰٓ أَمْرًا فَإِنَّمَا يَقُولُ لَهُۥ كُن فَيَكُونُ ﴿٦٨﴾

"Dialah yang menghidup dan mematikan. Dan apabila Dia telah menetapkan kewujudan sesuatu, maka Dia hanya berkata kepadanya: Jadilah! Maka ia terus jadi."(68)

ٱللَّهُ ٱلَّذِى جَعَلَ لَكُمُ ٱلَّيْلَ لِتَسْكُنُوا۟ فِيهِ وَٱلنَّهَارَ مُبْصِرًا ۚ إِنَّ ٱللَّهَ لَذُو فَضْلٍ عَلَى ٱلنَّاسِ وَلَٰكِنَّ أَكْثَرَ ٱلنَّاسِ لَا يَشْكُرُونَ ﴿٦١﴾ ذَٰلِكُمُ ٱللَّهُ رَبُّكُمْ خَٰلِقُ كُلِّ شَىْءٍ لَّآ إِلَٰهَ إِلَّا هُوَ ۖ فَأَنَّىٰ تُؤْفَكُونَ ﴿٦٢﴾

"Allah yang telah menjadikan malam untuk kamu beristirehat padanya dan menjadikan siang itu terang benderang. Sesungguhnya Allah mempunyai kurnia yang melimpah-limpah atas manusia, tetapi kebanyakan manusia tidak bersyukur."(61)"Itulah Allah Tuhan kamu Pencipta segala sesuatu. Tiada Tuhan melainkan Dia. Bagaimanakah kamu dapat dipesongkan?"(62)

ٱللَّهُ ٱلَّذِى جَعَلَ لَكُمُ ٱلْأَرْضَ قَرَارًا وَٱلسَّمَآءَ بِنَآءً وَصَوَّرَكُمْ فَأَحْسَنَ صُوَرَكُمْ وَرَزَقَكُم مِّنَ ٱلطَّيِّبَٰتِ ۚ ذَٰلِكُمُ ٱللَّهُ رَبُّكُمْ ۖ فَتَبَارَكَ ٱللَّهُ رَبُّ ٱلْعَٰلَمِينَ ﴿٦٤﴾

"Allahlah yang telah menciptakan bumi untuk kamu sebagai tempat kediaman dan langit sebagai binaan yang kukuh, dan Dialah yang membentuk rupa kamu dan mengelokkan rupa paras kamu serta memberi rezeki kepada kamu dari benda-benda yang baik. Itulah Allah Tuhan kamu. Maha Tinggilah Tuhan semesta alam."(64)

Inilah contoh-contoh yang menggambarkan suasana surah dan melukiskan bayangannya yang selaras dengan maudhu' dan cirinya.

* * * * * *

Surah ini mengolahkan maudhu'-maudhu' pembicaraannya dalam empat pusingan yang berbeza.

Pusingan pertama dimulakan dengan pembukaan surah dengan huruf-huruf potongan:

حمٓ ﴿١﴾ تَنزِيلُ ٱلْكِتَٰبِ مِنَ ٱللَّهِ ٱلْعَزِيزِ ٱلْعَلِيمِ ﴿٢﴾

"Haa. Miim (1). Kitab Al-Qur'an diturunkan daripada Allah Yang Maha Perkasa dan Maha Mengetahui."(2)

Kemudian diiringi dengan nada-nada pernyataan yang teguh dan kukuh:

غَافِرِ ٱلذَّنۢبِ وَقَابِلِ ٱلتَّوۡبِ شَدِيدِ ٱلۡعِقَابِ ذِى ٱلطَّوۡلِۖ لَآ إِلَٰهَ إِلَّا هُوَۖ إِلَيۡهِ ٱلۡمَصِيرُ ﴿٣﴾

"Yang mengampunkan dosa dan menerima taubat, yang amat berat balasan-Nya dan melimpah kurnia-Nya. Tiada Tuhan melainkan Dia dan kepada-Nya kembali (seluruh makhluk)."(3)

Kemudian ia menjelaskan bahawa seluruh makhluk itu menyerah diri kepada Allah dan tiada yang menyangkal ayat-ayat Allah kecuali orang-orang yang kafir. Mereka memencilkan diri mereka dari seluruh makhluk yang lain dengan sangkalan ini. Kerana itu mereka tidak wajar dihiraukan oleh Rasulullah s.a.w. biarpun bagaimana mewahnya kehidupan mereka, kerana mereka sekalian sedang menuju ke arah kebinasaan yang telah menimpa golongan-golongan pendusta sebelum mereka yang telah diazab Allah dengan 'azab yang wajar dikagumkan. Dan di samping 'azab dunia, mereka ditunggu pula oleh 'azab di Akhirat. Sementara itu para malaikat yang menjunjung 'Arasy dan malaikat yang berada di sekelilingnya mengumumkan keimanan mereka kepada Allah dan menumpukan ibadat mereka kepada-Nya dan memohon keampunan untuk orang-orang yang beriman di bumi dan dalam waktu yang sama ditayangkan pemandangan orang-orang kafir pada hari Qiamat yang diseru oleh seluruh makhluk yang beriman:

إِنَّ ٱلَّذِينَ كَفَرُواْ يُنَادَوۡنَ لَمَقۡتُ ٱللَّهِ أَكۡبَرُ مِن مَّقۡتِكُمۡ أَنفُسَكُمۡ إِذۡ تُدۡعَوۡنَ إِلَى ٱلۡإِيمَٰنِ فَتَكۡفُرُونَ ﴿١٠﴾

"Sesungguhnya orang-orang kafir diseru (pada hari Qiamat): Sesungguhnya kebencian Allah itu lebih besar dari kebencian kamu terhadap diri kamu sendiri kerana kamu diseru kepada keimanan lalu kamu ingkarkannya."(10)

Mereka berada dalam kedudukan yang hina dan kecewa setelah mereka berlagak angkuh dan sombong. Mereka mengakui dosa-dosa mereka dan mengakui Uluhiyah Allah, tetapi pengakuan itu tidak lagi berguna kepada mereka, malah perbuatan syirik dan sifat angkuh mereka terus disebut-sebut.

Dan dari situasi berada di hadapan Allah pada hari Akhirat, Al-Qur'an kembali pula membawa manusia kepada Allah di dunia:

هُوَ ٱلَّذِى يُرِيكُمۡ ءَايَٰتِهِۦ وَيُنَزِّلُ لَكُم مِّنَ ٱلسَّمَآءِ رِزۡقٗاۚ وَمَا يَتَذَكَّرُ إِلَّا مَن يُنِيبُ ﴿١٣﴾

"Dialah yang memperlihatkan kepada kamu bukti-bukti kekuasaan-Nya dan menurunkan rezeki untuk kamu dari langit. Dan tiada yang mengingati (ni'mat-Nya) melainkan orang yang kembali (kepada Allah)."(13)

Dan mengingatkan mereka supaya mereka kembali kepada Allah dan mentauhidkan-Nya:

فَٱدۡعُواْ ٱللَّهَ مُخۡلِصِينَ لَهُ ٱلدِّينَ وَلَوۡ كَرِهَ ٱلۡكَٰفِرُونَ ﴿١٤﴾

"Oleh itu sembahkanlah Allah dengan mentuluskan keta'atan kepada-Nya walaupun dibenci oleh orang-orang kafir."(14)

Kemudian ia menyebut tentang wahyu dan amaran dengan hari yang amat gawat itu kemudian terus menayangkan pemandangan mereka pada hari Qiamat:

يَوۡمَ هُم بَٰرِزُونَۖ

"Iaitu pada hari mereka muncul dengan begitu nyata."(16)

di mana lenyapnya manusia-manusia yang sewenang-wenang, angkuh dan suka membantah.

لِّمَنِ ٱلۡمُلۡكُ ٱلۡيَوۡمَۖ لِلَّهِ ٱلۡوَٰحِدِ ٱلۡقَهَّارِ ﴿١٦﴾

"Siapakah yang memiliki kerajaan pada hari ini? Ia dimiliki Allah Yang Maha Esa dan Maha Besar."(16)

Kemudian ia terus menayangkan pemandangan hari Qiamat, di mana hanya Allah sahaja yang berkuasa menjatuhkan hukuman pada hari itu, dan seluruh tuhan-tuhan yang disembah mereka semuanya hilang lenyap seperti lenyapnya manusia-manusia pelampau dan manusia-manusia yang zalim.

Pusingan yang kedua dimulakan dengan kisah kebinasaan umat yang dahulu kala sebelum mereka sebagai pendahuluan untuk mengemukakan sebahagian dari kisah Musa a.s. bersama Fir'aun, Haman dan Qarun, iaitu kisah yang menggambarkan sikap-sikap zalim dan sewenang-wenang terhadap da'wah agama yang benar. Dan di dalam kisah ini dibentangkan satu babak baru yang belum pernah diceritakan sebelum ini di dalam kisah Musa. Ia tidak diceritakan melainkan hanya di dalam surah ini sahaja. Babak itu ialah kisah kemunculan seorang lelaki yang Mu'min dari keluarga Fir'aun yang menyembunyikan keimanannya. Orang ini telah mempertahankan Musa ketika mereka merancang untuk membunuhnya. Mula-mula ia mengisytiharkan 'aqidah yang benar dan keimanannya itu dengan cara sembunyi-sembunyi dan berhati-hati, setelah itu dia mengumumkannya dengan terus terang dan jelas. Orang ini juga telah mengemukakan hujah-hujah yang benar dan alasan-alasan yang kuat dalam percakapannya dengan Fir'aun. Dia mengingatkan baginda dengan hari Qiamat dan menayangkan beberapa pemandangannya dengan uslub yang berkesan. Ia mengingatkan dengan pendirian mereka dan pendirian generasi-generasi umat sebelum mereka terhadap Yusuf a.s. dan kerasulannya. Kemudian Al-Qur'an meneruskan kisah itu sehingga ke hujungnya iaitu sampai di Akhirat. Tiba-tiba mereka berada di sana. Mereka bertengkar di dalam Neraka...dan tiba-

tiba berlangsunglah satu dialog di antara pengikut-pengikut yang lemah dan pemimpin-pemimpin yang angkuh. Juga dialog mereka dengan pengawal-pengawal Neraka Jahanam untuk mencari keselamatan, tetapi malangnya mereka tidak akan dapat melepaskan diri. Kemudian dalam bayangan pemandangan ini Allah mengarahkan Rasulullah s.a.w. supaya bersabar dan yakin kepada janji Allah yang benar dan bertawajjuh kepada-Nya dengan tasbih, tahmid dan istighfar.

Pusingan yang ketiga pula dimulakan dengan satu penjelasan iaitu orang-orang yang menyangkal ayat-ayat Allah tanpa hujah dan bukti adalah didorong oleh keangkuhan mereka terhadap kebenaran, sedangkan mereka terlalu kecil dan kerdil untuk berlagak takbur. Al-Qur'an juga menarik hati mereka supaya memandang alam buana yang besar yang telah diciptakan Allah itu, iaitu alam buana yang, lebih besar dari seluruh manusia dengan harapan supaya orang-orang yang takbur itu merasa kecil di hadapan keagungan penciptaan Allah dan supaya mata hati mereka tidak lagi buta:

وَمَا يَسْتَوِى ٱلْأَعْمَىٰ وَٱلْبَصِيرُ وَٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ وَعَمِلُوا۟ ٱلصَّـٰلِحَـٰتِ وَلَا ٱلْمُسِىٓءُ ۚ قَلِيلًا مَّا تَتَذَكَّرُونَ ﴿٥٨﴾

"Dan tiada sama si buta dengan si celik dan tidak pula sama orang-orang yang beriman dan mengerjakan amalan-amalan yang soleh dengan orang yang melakukan kejahatan. Amat sedikit kamu mengambil pengajaran."(58)

Kemudian Al-Qur'an mengingatkan mereka dengan kedatangan hari Qiamat dan menyuruh mereka supaya berdo'a kepada Allah yang memperkenankan do'a. Adapun orang-orang yang takbur, mereka akan memasuki Neraka dengan keadaan hina-dina. Dan di sini Al-Qur'an mengemukakan beberapa bukti kekuasaan Allah di dalam kejadian-kejadian alam yang mereka lalui dengan sikap yang lalai, iaitu kejadian malam sebagai waktu tenang untuk berehat dan waktu siang sebagai waktu yang terang benderang untuk berusaha, juga kejadian bumi sebagai tempat kediaman dan langit sebagai bangunan yang amat kukuh. Dan seterusnya Al-Qur'an mengingatkan mereka dengan diri mereka sendiri yang telah dijadikan Allah dengan sebaik-baik kejadian dan menyuruh mereka menyembah Allah dengan mentuluskan keta'atan kepada-Nya, juga mengajar Rasulullah s.a.w. supaya membersihkan diri dari ibadat mereka dan menyatakan bahawa Allah melarangnya dari menyembah tuhan-tuhan mereka dan menyuruhkannya supaya menyerah diri kepada Allah Tuhan semesta alam. Ia menyentuh hati mereka supaya sedar bahawa Allah Yang Maha Esa itu telah menciptakan mereka dari tanah kemudian dari nutfah dan Dialah yang menghidup dan mematikan. Setelah itu ia kembali menyatakan kehairanan kepada Rasulullah s.a.w. terhadap perbuatan orang-orang kafir yang menyangkal-kan Allah, dan memberi amaran kepada mereka dengan 'azab hari Qiamat menerusi satu pemandangan yang dahsyat:

إِذِ ٱلْأَغْلَـٰلُ فِىٓ أَعْنَـٰقِهِمْ وَٱلسَّلَـٰسِلُ يُسْحَبُونَ ﴿٧١﴾ فِى ٱلْحَمِيمِ ثُمَّ فِى ٱلنَّارِ يُسْجَرُونَ ﴿٧٢﴾

"Ketika belenggu-belenggu dan rantai-rantai dipasang di leher mereka lalu mereka diseret (71). Ke dalam air yang amat panas kemudian mereka dibakar di dalam Neraka."(72)

Ketika itu tuhan-tuhan yang disembah mereka berlepas diri dari mereka, malah mereka sendiri ingkarkan bahawa mereka menyembah sesuatu. Dan nasib mereka tetap berakhir di Neraka, dimana dikatakan mereka:

ٱدْخُلُوٓا۟ أَبْوَٰبَ جَهَنَّمَ خَـٰلِدِينَ فِيهَا ۖ فَبِئْسَ مَثْوَى ٱلْمُتَكَبِّرِينَ ﴿٧٦﴾

"Masuklah kamu pintu-pintu Neraka, di mana kamu tinggal kekal abadi. Itulah seburuk-buruk tempat kediaman bagi orang-orang yang takbur."(76)

Dalam sorotan pemandangan ini Allah menyuruh Rasul-Nya sekali lagi supaya bersabar dan yakin bahawa janji Allah itu tetap benar sama ada beliau sempat melihatnya atau beliau diwafatkan sebelum sempat melihatnya. Janji itu akan tetap terlaksana.

Pusingan yang akhir surah ini berhubung rapat dengan pusingan yang ketiga. Setelah mengarah Rasulullah s.a.w. supaya bersabar dan menunggu janji Allah, Al-Qur'an menyebut bahawa Allah telah pun mengutus ramai rasul-rasul sebelumnya:

وَلَقَدْ أَرْسَلْنَا رُسُلًا مِّن قَبْلِكَ مِنْهُم مَّن قَصَصْنَا عَلَيْكَ وَمِنْهُم مَّن لَّمْ نَقْصُصْ عَلَيْكَ ۗ وَمَا كَانَ لِرَسُولٍ أَن يَأْتِىَ بِـَٔايَةٍ إِلَّا بِإِذْنِ ٱللَّهِ ۚ

"Dan sesungguhnya Kami telah mengutuskan para rasul sebelummu, di antara mereka ada yang Kami telah ceritakan kisah mereka kepadamu dan ada pula di antara mereka yang belum lagi Kami ceritakan kisah mereka kepadamu. Dan seorang rasul tidak berkuasa membawa sesuatu mu'jizat kecuali dengan keizinan Allah."(78)

Di samping itu di sana terdapat berbagai-bagai bukti kekuasaan Allah di alam buana dan berbagai-bagai bukti yang dekat di hadapan mereka, tetapi mereka cuai dari memikirkannya dengan teliti. Lihatlah binatang-binatang ternakan siapakah yang menciptakannya? Lihatlah kapal-kapal yang mengangkut mereka, bukankah ia suatu bukti kekuasaan Allah yang dapat dilihat mereka? Lihatlah kisah-kisah kebinasaan umat-umat dahulu kala, tidakkah kisah mereka menimbulkan keinsafan dan taqwa di dalam hati mereka? Kemudian surah ini diakhiri dengan satu cerita kebinasaan para pendusta.

Apabila mereka melihat 'azab Allah mereka terus beriman:

فَلَمْ يَكُ يَنفَعُهُمْ إِيمَٰنُهُمْ لَمَّا رَأَوْا بَأْسَنَا ۖ سُنَّتَ ٱللَّهِ ٱلَّتِى قَدْ خَلَتْ فِى عِبَادِهِۦ ۖ وَخَسِرَ هُنَالِكَ ٱلْكَٰفِرُونَ ﴿٨٥﴾

"Maka sekali-kali tidaklah berguna kepada mereka iman mereka ketika melihat 'azab Kami itu. Itulah Sunnatullah yang telah berlaku ke atas hamba-hamba-Nya. Dan di sana rugilah orang-orang yang kafir."(85)

Ayat yang akhir ini menggambarkan kesudahan manusia-manusia yang takbur yang sesuai dengan suasana surah, bayangannya dan cirinya yang kuat.

Kini marilah kita membincangkan ayat-ayat surah ini dengan terperinci:

(Pentafsiran ayat-ayat 1 - 3)

حمٓ ﴿١﴾ تَنزِيلُ ٱلْكِتَٰبِ مِنَ ٱللَّهِ ٱلْعَزِيزِ ٱلْعَلِيمِ ﴿٢﴾ غَافِرِ ٱلذَّنۢبِ وَقَابِلِ ٱلتَّوْبِ شَدِيدِ ٱلْعِقَابِ ذِى ٱلطَّوْلِ ۖ لَآ إِلَٰهَ إِلَّا هُوَ ۖ إِلَيْهِ ٱلْمَصِيرُ ﴿٣﴾

"Haa. Miim (1). Kitab Al-Qur'an diturunkan daripada Allah Yang Maha Perkasa dan Maha Mengetahui (2). Yang mengampunkan dosa dan menerima taubat, yang amat berat balasan-Nya dan melimpah kurnia-Nya. Tiada Tuhan melainkan Dia dan kepada-Nya kembali (seluruh makhluk)."(3)

Surah ini merupakan permulaan dari tujuh surah yang dimulakan dengan dua huruf **"Haa. Miim"** termasuk satu surah yang disebut selepas dua huruf ini tiga huruf yang lain iaitu **"'Aiin. Siin Qaaf"**. Sebelum ini telah pun dijelaskan tentang maksud huruf-huruf potongan di awal surah, iaitu maksudnya ialah untuk menerangkan bahawa Al-Qur'an ini adalah digubah dari huruf-huruf tersebut, iaitu huruf-huruf bahasa mereka sendiri yang mereka gunakannya di dalam percakapan dan tulisan mereka. Kemudian diiringi dengan penjelasan mengenai turunnya Al-Qur'an, iaitu salah satu hakikat yang diterangkan berulang-ulang kali terutama di dalam surah-surah Makkiyah untuk membina dan menegakkan 'aqidah:

"Kitab Al-Qur'an diturunkan daripada Allah Yang Maha Perkasa dan Maha Mengetahui."(2)

Sifat-sifat Allah Yang Menguasai Kewujudan Dan Kehidupan Manusia

Ia merupakan semata-mata penjelasan sebagai titik tolak untuk memperkenalkan beberapa sifat Allah yang telah menurunkan kitab ini, iaitu sifat-sifat yang ada hubungan secara langsung dengan persoalan-persoalan yang dibicarakan oleh surah ini:

ٱلْعَزِيزِ ٱلْعَلِيمِ ﴿٢﴾ غَافِرِ ٱلذَّنۢبِ وَقَابِلِ ٱلتَّوْبِ شَدِيدِ ٱلْعِقَابِ ذِى ٱلطَّوْلِ ۖ لَآ إِلَٰهَ إِلَّا هُوَ ۖ إِلَيْهِ ٱلْمَصِيرُ ﴿٣﴾

"Yang Maha Perkasa dan Maha Mengetahui (2). Yang mengampunkan dosa dan menerima taubat, yang amat berat balasan-Nya dan melimpah-ruah kurnia-Nya. Tiada Tuhan melainkan Dia dan kepada-Nya kembali (seluruh manusia)."(3)

Allah bersifat dengan sifat ilmu, mengampun dosa, menerima taubat, mengenakan balasan yang berat, memberi kurnia dan ni'mat yang melimpah-ruah. Dialah satu-satunya Tuhan dan satu-satunya titik kembalinya seluruh makhluk.

Seluruh pembicaraan surah ini mempunyai hubungan dengan konsep sifat-sifat ini iaitu sifat-sifat yang disebut dipermulaan surah dengan nada-nada yang lantang dan struktur kata-kata yang kuat yang membayangkan kemantapan dan keteguhannya.

Allah S.W.T. memperkenalkan diri-Nya kepada manusia dengan sifat-sifat-Nya yang mempunyai kesan dalam kehidupan dan kewujudan mereka. Dia menyentuh hati dan perasaan mereka dengan sifat-sifat itu untuk membangkitkan harapan dan minat mereka terhadap-Nya di samping merangsangkan ketakutan dan menimbulkan kesedaran bahawa mereka sentiasa berada di dalam genggaman qudrat-Nya dan tidak dapat mengelakkan diri mereka dari tadbir-Nya. Di antara sifat-sifat ini ialah:

"Maha Perkasa" (العزيز) yakni Maha Kuat dan Maha Berkuasa, yang menguasai dan tidak dikuasai, yang mentadbir tanpa diganggu sesiapa.

"Yang Maha Mengetahui" (العليم) yakni yang mentadbir seluruh alam al-wujud dengan ilmu pengetahuan yang sempurna. Tiada suatu pun yang tersembunyi dan terkeluar dari ilmu pengetahuan-Nya.

"Yang mengampunkan dosa" (غافر الذنب) yakni mema'afkan dosa-dosa hamba-Nya yang diketahui-Nya wajar menerima keampunan dari-Nya.

"Yang menerima taubat" (وقابل التوب) yakni yang menerima taubat dari hamba-hamba-Nya yang melakukan maksiat. Dia menerima mereka kembali ke pangkuan-Nya dan membuka pintu-Nya tanpa pengawal.

"Yang amat berat balasan-Nya" (شديد العقاب) yakni yang membinasakan manusia-manusia yang angkuh dan menghukumkan manusia-manusia yang degil, tidak bertaubat dan tidak memohon keampunan.

"Yang melimpah-ruah kurnia-Nya" (ذي الطول) yakni Dia memberi dan mengurnia ni'mat-ni'mat yang

melimpah-ruah dan memberi balasan kebaikan yang berganda-ganda dan tanpa hisab.

"Tiada Tuhan melainkan Dia" (لا إله إلا هو) yakni sifat Uluhiyah itu hanya kepunyaan Allah sahaja, tiada sekutu dan tiada tolok banding baginya.

"Kepada-Nya kembali (seluruh makhluk)" (إليه المصير) yakni tiada siapa yang boleh mengelak dari hisab-Nya dan boleh lari dari pertemuan dengan-Nya. Semuanya kembali kepada-Nya.

Demikianlah jelasnya hubungan Allah dengan hamba-hamba-Nya dan hubungan hamba-hamba dengan-Nya, iaitu jelas dan ketara pada perasaan-perasaan, pemikiran-pemikiran dan tanggapan-tanggapan mereka. Oleh itu mereka mengetahui bagaimana mereka berinteraksi dengan Allah dengan penuh kesedaran dan kepekaan, dan dengan penuh pengetahuan terhadap segala apa yang menyebabkan kemurkaan Allah dan segala apa yang membawa kepada keredhaan-Nya.

Orang-orang yang menganut kepercayaan-kepercayaan dongeng yang karut hidup dalam keadaan bingung dengan tuhan-tuhan mereka. Mereka tidak mengetahui sifat-sifat yang tepat mengenai tuhan-tuhan itu. Mereka tidak tahu dengan jelas, apakah perkara-perkara yang menimbulkan kemurkaan kepada tuhan-tuhan itu dan apakah perkara-perkara yang membawa kepada keredhaan mereka? Menurut tanggapan mereka tuhan-tuhan itu mempunyai kemahuan-kemahuan yang berubah-ubah, kehendak-kehendak yang tidak menentu, arah-arah tujuan yang kabur dan emosi-emosi yang cepat meledak. Oleh sebab itulah mereka sentiasa hidup dalam kebimbangan dan kegelisahan untuk melayani kehendak tuhan-tuhan itu. Mereka mencari-cari jalan untuk mendapat keredhaan mereka dengan berbagai-bagai jampi mentera, azimat-azimat, korban-korban dan persembelihan-persembelihan, dan namun demikian mereka tidak juga pasti sama ada tuhan-tuhan itu murka atau suka kepada mereka melainkan secara agak-agak dan sangkaan-sangkaan sahaja.

Islam datang dengan penjelasan yang terang. Ia menghubungkan manusia dengan Tuhan mereka yang sebenar. Ia memperkenalkan kepada mereka segala sifat-sifat-Nya dan menerangkan kepada mereka segala kehendak dan kemahuan-Nya. Ia mengajar mereka bagaimana hendak mendampingkan diri kepada-Nya, bagaimana hendak mendapatkan rahmat-Nya dan mengelakkan 'azab-Nya. Semuanya diterangkan dengan jelas dan lurus.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 4 - 6)

مَا يُجَٰدِلُ فِيٓ ءَايَٰتِ ٱللَّهِ إِلَّا ٱلَّذِينَ كَفَرُواْ فَلَا يَغۡرُرۡكَ تَقَلُّبُهُمۡ فِي ٱلۡبِلَٰدِ ٤

كَذَّبَتۡ قَبۡلَهُمۡ قَوۡمُ نُوحٖ وَٱلۡأَحۡزَابُ مِنۢ بَعۡدِهِمۡۖ وَهَمَّتۡ كُلُّ أُمَّةِۭ بِرَسُولِهِمۡ لِيَأۡخُذُوهُۖ وَجَٰدَلُواْ بِٱلۡبَٰطِلِ لِيُدۡحِضُواْ بِهِ ٱلۡحَقَّ فَأَخَذۡتُهُمۡۖ فَكَيۡفَ كَانَ عِقَابِ ٥

وَكَذَٰلِكَ حَقَّتۡ كَلِمَتُ رَبِّكَ عَلَى ٱلَّذِينَ كَفَرُوٓاْ أَنَّهُمۡ أَصۡحَٰبُ ٱلنَّارِ ٦

"Tiada siapa yang membantah ayat-ayat Allah melainkan orang-orang yang kafir. Oleh itu janganlah engkau tertipu oleh kemewahan kehidupan mereka di dalam negeri-negeri (4). Sebelum mereka, kaum Nuh telah mendustakan (rasul-rasul-Nya) juga golongan-golongan (penentang rasul) selepas mereka, dan setiap umat ini bermaksud (jahat) terhadap rasul mereka untuk membinasakannya, dan mereka membantah dengan alasan yang batil untuk melenyapkan kebenaran, lalu Aku binasakan mereka, dan lihatlah bagaimana dahsyatnya balasan-Ku itu? (5) Demikianlah telah ditetapkan keputusan 'azab daripada Tuhan engkau terhadap orang-orang kafir. Sesungguhnya mereka adalah penghuni-penghuni Neraka."(6)

Jangan Terpesona Kepada Kemewahan Hidup Orang-orang Kafir

Setelah menjelaskan sifat-sifat Allah yang tinggi dan sifat Wahdaniyah-Nya, Al-Qur'an menjelaskan pula bahawa hakikat sifat-sifat itu adalah diterima dan diakui oleh seluruh makhluk di alam al-wujud ini. Fitrah alam al-wujud ini mempunyai hubungan secara langsung dengan hakikat-hakikat itu. Ia merupakan hakikat-hakikat yang tidak boleh dipertikaikan lagi. Seluruh makhluk alam al-wujud yakin dengan bukti-bukti yang menyaksikan hakikat Allah dan Wahdaniyah-Nya. Tiada siapa yang sanggup menyangkal bukti-bukti itu melainkan hanya orang-orang yang kafir sahaja. Merekalah golongan yang sumbang dan terpencil dari makhluk-makhluk di alam al-wujud:

مَا يُجَٰدِلُ فِيٓ ءَايَٰتِ ٱللَّهِ إِلَّا ٱلَّذِينَ كَفَرُواْ

"Tiada siapa yang membantah ayat-ayat Allah melainkan orang-orang yang kafir."(4)

Merekalah sahaja di antara makhluk-makhluk di alam yang besar ini yang terpencil dan sumbang. Merekalah sahaja di antara makhluk-makhluk besar yang menyeleweng, sedangkan mereka dibandingkan dengan alam buana ini - lebih lemah dan lebih kecil dari semut dibandingkan dengan bumi ini. Mereka berdiri dalam satu barisan menyangkalkan ayat-ayat Allah, sementara seluruh makhluk yang lain berdiri dalam satu barisan yang lain mengakui Allah sebagai Pencipta semesta alam dan bergantung kepada kekuatan-Nya Yang Maha Perkasa, namun demikian nasib kesudahan mereka telah pun ditetapkan Allah

walau segagah mana kekuatan mereka dan sejauh mana kekayaan, kebesaran dan kekuasaan mereka:

فَلَا يَغْرُرْكَ تَقَلُّبُهُمْ فِي الْبِلَادِ ﴿٤﴾

"Oleh itu janganlah engkau tertipu oleh kemewahan kehidupan mereka di dalam negeri-negeri."(4)

Yakni biar bagaimanapun mereka bergiat, bergerak, memiliki harta kekayaan dan meni'mati kesenangan hidup, namun mereka tetap menuju kepada keruntuhan, kebinasaan dan kemusnahan. Kesudahan perjuangan mereka telah pun diketahui andainya di sana ada perjuangan yang mungkin berlaku di antara kekuatan alam al-wujud dan Penciptanya dengan kekuatan manusia-manusia kafir yang lemah dan miskin itu.

Dahulu sebelum mereka telah pun ada kaum-kaum dan golongan-golongan seperti mereka yang menyarankan bahawa mereka telah menerima akibat setiap mereka yang menentang kekuatan alam yang dahsyat yang menimpa mereka yang mendedahkan diri kepada 'azab Allah:

كَذَّبَتْ قَبْلَهُمْ قَوْمُ نُوحٍ وَالْأَحْزَابُ مِن بَعْدِهِمْ ۖ وَهَمَّتْ كُلُّ أُمَّةٍ بِرَسُولِهِمْ لِيَأْخُذُوهُ ۖ وَجَادَلُوا بِالْبَاطِلِ لِيُدْحِضُوا بِهِ الْحَقَّ فَأَخَذْتُهُمْ ۖ فَكَيْفَ كَانَ عِقَابِ ﴿٥﴾

"Sebelum mereka, kaum Nuh telah mendustakan (rasul-rasul-Nya) juga golongan-golongan (penentang rasul) selepas mereka, dan setiap umat ini bermaksud (jahat) terhadap rasul mereka untuk membinasakannya, dan mereka membantah dengan alasan yang batil untuk melenyapkan kebenaran, lalu Aku binasakan mereka, dan lihatlah bagaimana dahsyatnya balasan-Ku itu?"(5)

Ini merupakan satu kisah lama sejak Nabi Nuh a.s. dan merupakan satu perjuangan yang serupa di setiap zaman. Ayat ini menggambarkan kisah ini iaitu kisah kerasulan, pendustaan dan kezaliman di sepanjang abad dan generasi, di samping menggambarkan akibat-akibatnya masing-masing.

Apabila muncul seorang rasul, maka didustakan oleh pelampau-pelampau kaumnya. Mereka tidak hanya sekadar menentang rasul itu dengan pertentangan hujah lawan hujah, malah mereka menggunakan logik kezaliman dan keterlaluan yang kasar. Mereka merancang untuk membunuh rasul itu. Mereka mengelirukan orang ramai dengan kebatilan untuk menghapuskan kebenaran. Di sinilah qudrat Ilahi yang dahsyat tampil campur tangan membinasakan mereka dengan 'azab siksa yang mena'jubkan iaitu 'azab seksa yang mewajarkan dita'jub dan dipamerkan:

فَكَيْفَ كَانَ عِقَابِ ﴿٥﴾

"Bagaimana dahsyat balasan-Ku itu?"(5)

Balasan itu adalah satu balasan menghancurleburkan, yang membinasa, dan amat dahsyat yang disaksikan oleh kebinasaan kaum itu di mana kesan-kesannya masih kekal dan dikisahkan oleh cerita-cerita dan riwayat-riwayat.

Perjuangan itu tidak terhenti setakat itu malah kesan-kesannya berlanjutan hingga ke Akhirat:

"Demikianlah telah ditetapkan keputusan 'azab daripada Tuhan engkau terhadap orang-orang kafir. Sesungguhnya mereka adalah penghuni-penghuni Neraka."(6)

Apabila keputusan Allah telah ditetapkan ke atas seseorang maka keputusan itu akan tetap berlaku dan selesailah urusan itu dan segala perdebatan tidak berguna lagi.

Demikianlah Al-Qur'an menggambarkan hakikat yang realistik iaitu hakikat konflik di antara keimanan dan kekufuran, di antara kebenaran dan kebatilan, di antara penda'wah kepada Allah Yang Tunggal dengan pelampau-pelampau yang berlagak takbur di bumi tanpa alasan yang benar. Dan demikianlah juga kita mengetahui bahawa konflik ini adalah satu konflik yang tua yang bermula sejak kelahiran manusia di bumi ini lagi. Dan medan konflik itu adalah lebih luas dari seluruh bumi ini lagi, kerana seluruh alam buana berdiri teguh beriman kepada Allah dan menyerah diri kepada-Nya kecuali golongan manusia yang kafir sahaja yang sumbang dan menyangkal ayat-ayat Allah tanpa disertai seluruh alam buana yang besar ini. Dan kita juga mengetahui kesudahan konflik yang tidak setanding di antara barisan kebenaran yang panjang dan besar dengan segelintir kumpulan kebatilan yang kecil dan kerdil, walau bagaimana mewahnya kehidupan mereka dalam negeri dan bagaimana hebat kekuatan, kuasa dan kesenangan mereka.

Inilah hakikat-hakikat konflik dan kekuatan-kekuatan yang menonjol di dalamnya juga medan konflik itu dalam ruangan zaman dan tempat - telah digambarkan oleh Al-Qur'an supaya tersemat di dalam hati dan supaya ia diketahui terutamanya oleh para penda'wah kebenaran dan keimanan di setiap zaman dan tempat agar mereka tidak gentar kepada kekuatan kebatilan yang lahir dalam masa yang terbatas pada suatu tempat sahaja kerana kekuatan itu bukanlah kekuatan haqiqi, malah kekuatan yang haqiqi ialah kekuatan yang digambarkan kitab Allah dan diterangkan firman Allah yang merupakan sebenar-benar yang berkata, Yang Maha Perkasa dan Maha Mengetahui.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 7 - 9)

Sehubungan dengan hakikat yang pertama itu ialah para malaikat yang menjunjung 'Arasy dan para malaikat yang mengelilingi di sekitarnya - yang merupakan salah satu dari kekuatan, yang beriman di alam al-wujud ini - sentiasa menyebut manusia-manusia yang beriman di sisi Allah, memohon keampunan untuk mereka dan memohon agar merealisasikan janji Allah terhadap mereka dengan berdasarkan wujudnya hubungan iman di antara para malaikat dengan para Mu'minin:

ٱلَّذِينَ يَحۡمِلُونَ ٱلۡعَرۡشَ وَمَنۡ حَوۡلَهُۥ يُسَبِّحُونَ بِحَمۡدِ رَبِّهِمۡ وَيُؤۡمِنُونَ بِهِۦ وَيَسۡتَغۡفِرُونَ لِلَّذِينَ ءَامَنُواْ رَبَّنَا وَسِعۡتَ كُلَّ شَيۡءٖ رَّحۡمَةٗ وَعِلۡمٗا فَٱغۡفِرۡ لِلَّذِينَ تَابُواْ وَٱتَّبَعُواْ سَبِيلَكَ وَقِهِمۡ عَذَابَ ٱلۡجَحِيمِ ٧ رَبَّنَا وَأَدۡخِلۡهُمۡ جَنَّٰتِ عَدۡنٍ ٱلَّتِي وَعَدتَّهُمۡ وَمَن صَلَحَ مِنۡ ءَابَآئِهِمۡ وَأَزۡوَٰجِهِمۡ وَذُرِّيَّٰتِهِمۡۚ إِنَّكَ أَنتَ ٱلۡعَزِيزُ ٱلۡحَكِيمُ ٨ وَقِهِمُ ٱلسَّيِّـَٔاتِۚ وَمَن تَقِ ٱلسَّيِّـَٔاتِ يَوۡمَئِذٖ فَقَدۡ رَحِمۡتَهُۥۚ وَذَٰلِكَ هُوَ ٱلۡفَوۡزُ ٱلۡعَظِيمُ ٩

"Malaikat-malaikat yang menanggung 'Arasy dan malaikat-malaikat yang berada di sekelilingnya adalah bertasbih memuji Tuhan mereka dan beriman kepada-Nya, dan mereka memohon keampunan untuk orang-orang yang beriman (dengan do'a): Wahai Tuhan kami! Rahmat dan ilmu-Mu meliputi segala sesuatu. Oleh itu kurniakanlah keampunan kepada orang-orang yang bertaubat dan mengikut jalan-Mu dan lindungilah mereka dari 'azab Neraka (7). Wahai Tuhan kami! Masukkanlah mereka ke dalam Syurga-syurga 'Adni yang Engkau telah janjikan kepada mereka dan masukkan bersama mereka orang-orang yang soleh dari ibubapa-ibubapa mereka dan isteri-isteri mereka dan zuriat keturunan mereka. Sesungguhnya Engkau Maha Perkasa dan Maha Bijaksana (8). Dan lindungilah mereka dari kejahatan-kejahatan, dan barang siapa yang Engkau peliharakannya dari kejahatan-kejahatan pada hari itu, maka sesungguhnya Engkau telah mengurniakan rahmat kepadanya, dan itulah keberuntungan yang amat besar."(9)

Hubungan Yang Rapat Di Antara Para Malaikat Dan Mu'minin

Kita tidak mengetahui hakikat 'Arasy dan bagaimana bentuk rupanya. Begitu juga kita tidak mengetahui bagaimana 'Arasy itu dijunjung oleh malaikat-malaikat penjunjungnya. Kita juga tidak mengetahui bagaimana malaikat-malaikat yang ada di sekeliling 'Arasy itu mengelilinginya. Tidak ada gunanya kita berlari di belakang gambaran-gambaran yang bukan dari tabi'at daya kefahaman manusia mengetahuinya. Tidak ada faedahnya kita berdebat mengenai kejadian-kejadian ghaib yang tidak pernah ditunjuk oleh Allah kepada mana-mana orang yang berdebat itu. Segala apa yang berhubung dengan hakikat yang dijelaskan oleh surah ini ialah di sana terdapat hamba-hamba Allah iaitu malaikat-malaikat yang hampir dengan Allah:

يُسَبِّحُونَ بِحَمۡدِ رَبِّهِمۡ وَيُؤۡمِنُونَ بِهِۦ

"Bertasbih memuji Tuhan mereka dan beriman kepada-Nya."(7)

Al-Qur'an dengan tegas menyebut keimanan para malaikat itu walaupun dapat dimengertikan secara langsung dengan tujuan untuk menunjukkan adanya tali hubungan yang mengikat mereka dengan manusia-manusia yang beriman. Malaikat-malaikat yang muqarrabin itu mendo'akan para Mu'minin selepas bertasbih memuji Allah dengan sebaik-baik do'a yang diucapkannya oleh Mu'min terhadap Mu'min yang lain.

Mereka mulakan do'a mereka dengan penuh adab sopan sebagai mengajar kita adab sopan berdo'a dan cara memohon kepada Allah. Mereka berkata:

رَبَّنَا وَسِعۡتَ كُلَّ شَيۡءٖ رَّحۡمَةٗ وَعِلۡمٗا

"Wahai Tuhan Kami! Rahmat dan ilmu-Mu meliputi segala sesuatu."(7)

Sebelum berdo'a mereka lebih dahulu menyebut bahawa dalam usaha memohon rahmat untuk manusia yang beriman ini mereka hanya mencedok dari rahmat Allah yang meliputi segala sesuatu dan mereka memulangkannya kepada ilmu Allah yang mengetahui segala sesuatu. Mereka tidak mengemukakan apa-apa di hadapan Allah, malah mereka hanya mencedok dari rahmat dan ilmu Allah semata-mata:

فَٱغۡفِرۡ لِلَّذِينَ تَابُواْ وَٱتَّبَعُواْ سَبِيلَكَ وَقِهِمۡ عَذَابَ ٱلۡجَحِيمِ ٧

"Oleh itu kurniakanlah keampunan kepada orang-orang yang bertaubat dan mengikut jalan-Mu dan lindungilah mereka dari 'azab Neraka."(7)

Menyebut keampunan dan taubat di sini adalah sesuai dengan sifat Allah yang disebut di permulaan surah ini iaitu:

غَافِرِ ٱلذَّنۢبِ وَقَابِلِ ٱلتَّوۡبِ

"Yang mengampuni dosa dan menerima taubat."(3)

Begitu juga menyebut 'azab Neraka di sini sesuai dengan sifatnya:

شَدِيدِ ٱلۡعِقَابِ

"Yang amat berat balasan-Nya."(3)

Kemudian mereka tingkatkan do'a mereka dari memohon keampunan dan perlindungan dari 'azab

kepada memohon Syurga dan meluluskan janji Allah kepada para hamba-Nya yang soleh:

رَبَّنَا وَأَدْخِلْهُمْ جَنَّٰتِ عَدْنٍ ٱلَّتِى وَعَدتَّهُمْ وَمَن صَلَحَ مِنْ ءَابَآئِهِمْ وَأَزْوَٰجِهِمْ وَذُرِّيَّٰتِهِمْ ۚ إِنَّكَ أَنتَ ٱلْعَزِيزُ ٱلْحَكِيمُ ﴿٨﴾

"Wahai Tuhan kami! Masukkanlah mereka ke dalam Syurga-syurga 'Adni yang Engkau telah janjikan kepada mereka dan masukkan bersama mereka orang-orang yang soleh dari ibubapa-ibubapa mereka dan isteri-isteri mereka dan zuriat keturunan mereka. Sesungguhnya Engkau Maha Perkasa dan Maha Bijaksana."(8)

Kemasukan dalam Syurga itu merupakan suatu ni'mat dan keberuntungan dan ditambahkan pula dengan ni'mat tinggal bersama dengan yang soleh dari ibubapa, isteri-isteri dan sekalian zuriat keturunan. Ini adalah satu ni'mat lain yang berasingan di samping merupakan lambang perpaduan di antara sekalian para Mu'minin kerana pada tali hubungan keimanan di sinilah titik pertemuan yang menghubungkan ibubapa, anak-anak, isteri-isteri dan suami-suami, dan tanpa tali hubungan ini, maka putuslah segala pertalian mereka:

Kata iringan do'a:

إِنَّكَ أَنتَ ٱلْعَزِيزُ ٱلْحَكِيمُ ﴿٨﴾

"Sesungguhnya Engkau Maha Perkasa dan Maha Bijaksana"(8)

Menunjukkan kepada kekuatan dan kekuasaan Ilahi di samping menunjukkan kepada hikmat kebijaksanaan-Nya, dan dengan sifat-sifat ini Allah membuat keputusan-keputusan terhadap urusan para hamba-Nya.

وَقِهِمُ ٱلسَّيِّـَٔاتِ ۚ وَمَن تَقِ ٱلسَّيِّـَٔاتِ يَوْمَئِذٍ فَقَدْ رَحِمْتَهُۥ ۚ وَذَٰلِكَ هُوَ ٱلْفَوْزُ ٱلْعَظِيمُ ﴿٩﴾

"Dan lindungilah mereka dari kejahatan-kejahatan, dan barang siapa yang Engkau peliharakannya dari kejahatan-kejahatan pada hari itu, maka sesungguhnya Engkau telah mengurniakan rahmat kepadanya, dan itulah keberuntungan yang amat besar."(9)

Do'a ini - selepas do'a supaya dimasukkan mereka ke dalam syurga 'Adni - menunjukkan kepada bekalan utama manusia pada hari Qiamat yang dahsyat itu, kerana kejahatan-kejahatan itulah yang membinasakan para pelakunya pada hari Akhirat dan membawa mereka ke tempat kebinasaan. Oleh itu apabila Allah memelihara hamba-hamba-Nya yang Mu'min dari kejahatan-kejahatan itu, maka bererti Dia telah memelihara mereka dari akibat-akibat dan balasan-balasan-Nya. Inilah rahmat pada hari itu dan inilah langkah pertama menuju kebahagiaan.

وَذَٰلِكَ هُوَ ٱلْفَوْزُ ٱلْعَظِيمُ ﴿٩﴾

Itulah keberuntungan yang amat besar."(9)

Oleh itu keselamatan dari kejahatan-kejahatan merupakan satu keni'matan yang paling besar.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 10 - 12)

Ketika para malaikat yang menjunjung dan mengelilingi 'Arasy itu bertawajjuh kepada Allah dengan do'a ini untuk saudara-saudara mereka dari manusia-manusia beriman, kita dapati pula orang-orang kafir dalam situasi di mana setiap orang mengharapkan pertolongan sedangkan pertolongan itu amat sukar, kita dapati orang-orang kafir yang telah putus hubungan mereka di antara segala makhluk di alam buana, tiba-tiba mereka diseru dari segenap tempat dengan seruan yang mengecam dan menghina dan di mana mereka berada dalam situasi hina-dina selepas mereka berlagak angkuh dan sombong dan dalam situasi mengharapkan keselamatan, tetapi masanya bukan lagi masa harapan:

إِنَّ ٱلَّذِينَ كَفَرُوا۟ يُنَادَوْنَ لَمَقْتُ ٱللَّهِ أَكْبَرُ مِن مَّقْتِكُمْ أَنفُسَكُمْ إِذْ تُدْعَوْنَ إِلَى ٱلْإِيمَٰنِ فَتَكْفُرُونَ ﴿١٠﴾

قَالُوا۟ رَبَّنَآ أَمَتَّنَا ٱثْنَتَيْنِ وَأَحْيَيْتَنَا ٱثْنَتَيْنِ فَٱعْتَرَفْنَا بِذُنُوبِنَا فَهَلْ إِلَىٰ خُرُوجٍ مِّن سَبِيلٍ ﴿١١﴾

ذَٰلِكُم بِأَنَّهُۥٓ إِذَا دُعِىَ ٱللَّهُ وَحْدَهُۥ كَفَرْتُمْ ۖ وَإِن يُشْرَكْ بِهِۦ تُؤْمِنُوا۟ ۚ فَٱلْحُكْمُ لِلَّهِ ٱلْعَلِىِّ ٱلْكَبِيرِ ﴿١٢﴾

"Sesungguhnya orang-orang kafir diseru (pada hari Qiamat): Sesungguhnya kebencian Allah itu lebih besar dari kebencian kamu terhadap diri kamu sendiri kerana kamu diseru kepada keimanan lalu kamu ingkarkannya (10). Mereka berkata: Wahai Tuhan kami! Engkau telah mematikan kami dua kali dan menghidupkan kami dua kali, dan kami telah akui dosa-dosa kami. Oleh itu adakah jalan keluar (dari Neraka)? (11) Balasan yang sedemikian ialah kerana apabila disebut Allah Yang Tunggal sahaja kamu ingkarkannya, dan apabila disekutukannya kamu beriman. Oleh itu hukuman adalah terpulang kepada Allah Yang Maha Tinggi dan Maha Besar."(12)

Kata "المقت" bermakna kebencian yang amat sangat. Mereka diseru dari segenap sudut bahawa kebencian Allah terhadap kamu pada hari kamu

diseru kepada iman lalu kamu ingkarkannya itu adalah lebih besar dari kebencian kamu terhadap diri kamu sendiri ketika kamu melihat pada hari ini akibat yang buruk dari perbuatan diri kamu yang menolak seruan iman itu sebelum luput waktunya. Alangkah pedihnya peringatan dan kecaman ini dalam situasi yang ngeri dan gawat itu!

Kini selaput yang selama ini mengeliru dan menyesatkan mereka telah pun gugur dari mereka dan mereka sedar bahawa hanya Allah sahaja tempat merayu dan memohon, lalu mereka pun merayu:

قَالُوا رَبَّنَآ أَمَتَّنَا ٱثْنَتَيْنِ وَأَحْيَيْتَنَا ٱثْنَتَيْنِ فَٱعْتَرَفْنَا بِذُنُوبِنَا فَهَلْ إِلَىٰ خُرُوجٍ مِّن سَبِيلٍ ﴿١١﴾

"Mereka berkata: Wahai Tuhan kami! Engkau telah mematikan kami dua kali dan menghidupkan kami dua kali, dan kami telah akui dosa-dosa kami. Oleh itu adakah jalan keluar (dari Neraka)?"(11)

Inilah ucapan orang-orang yang hina-dina dan putus asa:

رَبَّنَآ

"Wahai Tuhan kami!"(11)

Sedangkan duhulunya mereka kufur dan ingkarkan Allah. Engkau telah menghidupkan kami pada permulaan kali, lalu Engkau tiupkan roh pada yang mati lalu iapun hidup dan kami pun hidup, kemudian Engkau hidupkan kami sekali lagi selepas kami mati, lalu kami datang kepada-Mu. Sesungguhnya Engkaulah yang berkuasa mengeluarkan kami dari 'azab ini dan kami telah mengakui dosa-dosa kami.

فَهَلْ إِلَىٰ خُرُوجٍ مِّن سَبِيلٍ ﴿١١﴾

"Adakah jalan keluar?"(11)

Kata-kata "**سبيل**" di sini, disebut secara umum yang membayangkan perasaan cemas dan perasaan yang pahit.

Di sini - dalam bayangan situasi yang malang ini - Allah mengemukakan kepada mereka sebab mengapa mereka menerima kesudahan ini:

ذَٰلِكُم بِأَنَّهُۥٓ إِذَا دُعِىَ ٱللَّهُ وَحْدَهُۥ كَفَرْتُمْ ۖ وَإِن يُشْرَكْ بِهِۦ تُؤْمِنُوا ۚ فَٱلْحُكْمُ لِلَّهِ ٱلْعَلِىِّ ٱلْكَبِيرِ ﴿١٢﴾

"Balasan yang sedemikian ialah kerana apabila disebut Allah Yang Tunggal sahaja kamu ingkarkannya, dan apabila disekutukan-Nya kamu beriman. Oleh itu hukuman adalah terpulang kepada Allah Yang Maha Tinggi dan Maha Besar."(12)

Inilah sebab yang membawa kamu kepada situasi yang hina ini, iaitu kamu beriman kepada sekutu-sekutu dan kamu ingkarkan Allah Yang Maha Esa. Oleh itu hukuman itu terpulang kepada Allah Yang Maha Tinggi dan Maha Besar. Kedua-dua sifat ini yang sesuai dengan situasi menjatuhkan hukuman iaitu sifat ketinggian dan keunggulan yang mengatasi segala sesuatu dan sifat kebesaran yang mengatasi segala sesuatu, dalam situasi pengadilan yang terakhir.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 13 - 17)

Di dalam bayangan pemandangan ini Al-Qur'an menyebut sesuatu dari sifat Allah yang sesuai dengan situasi keunggulan dan ketinggian-Nya, kemudian Al-Qur'an menyarankan para Mu'minin di tempat ini supaya bertawajjuh kepada Allah dengan berdo'a kepada-Nya, mentauhidkan-Nya dan mentuluskan keta'atan kepada-Nya, di samping menyebut bahawa tujuan diturunkan wahyu itu untuk memberi amaran dan peringatan terhadap Hari Pertemuan, Hari Pengadilan dan Balasan, di mana hanya Allah sahaja yang berkuasa dan mempunyai kedudukan yang paling tinggi dan unggul:

هُوَ ٱلَّذِى يُرِيكُمْ ءَايَٰتِهِۦ وَيُنَزِّلُ لَكُم مِّنَ ٱلسَّمَآءِ رِزْقًا ۚ وَمَا يَتَذَكَّرُ إِلَّا مَن يُنِيبُ ﴿١٣﴾

فَٱدْعُوا ٱللَّهَ مُخْلِصِينَ لَهُ ٱلدِّينَ وَلَوْ كَرِهَ ٱلْكَٰفِرُونَ ﴿١٤﴾

رَفِيعُ ٱلدَّرَجَٰتِ ذُو ٱلْعَرْشِ يُلْقِى ٱلرُّوحَ مِنْ أَمْرِهِۦ عَلَىٰ مَن يَشَآءُ مِنْ عِبَادِهِۦ لِيُنذِرَ يَوْمَ ٱلتَّلَاقِ ﴿١٥﴾

يَوْمَ هُم بَٰرِزُونَ ۖ لَا يَخْفَىٰ عَلَى ٱللَّهِ مِنْهُمْ شَىْءٌ ۚ لِّمَنِ ٱلْمُلْكُ ٱلْيَوْمَ ۖ لِلَّهِ ٱلْوَٰحِدِ ٱلْقَهَّارِ ﴿١٦﴾

ٱلْيَوْمَ تُجْزَىٰ كُلُّ نَفْسٍۭ بِمَا كَسَبَتْ ۚ لَا ظُلْمَ ٱلْيَوْمَ ۚ إِنَّ ٱللَّهَ سَرِيعُ ٱلْحِسَابِ ﴿١٧﴾

"Dialah yang memperlihatkan kepada kamu bukti-bukti kekuasaan-Nya dan menurunkan rezeki untuk kamu dari langit. Dan tiada yang mengingati (ni'mat-Nya) melainkan orang yang kembali (kepada-Nya) (13). Oleh itu sembahkanlah Allah dengan mentuluskan keta'atan kepada-Nya walaupun dibenci oleh orang-orang kafir (14). Dialah Yang Maha Tinggi darjat-Nya dan yang mempunyai 'Arasy. Dia menurunkan wahyu dari perintah-Nya kepada siapa yang dikehendaki-Nya dari antara hamba-hamba-Nya untuk mengingatkan (manusia) tentang Hari Pertemuan (15). Iaitu pada hari mereka muncul dengan begitu nyata. Tiada satu pun dari keadaan mereka tersembunyi dari (ilmu) Allah. Siapakah yang memiliki kerajaan pada hari ini? Ia dimiliki Allah Yang Maha Esa dan Maha Gagah (16). Pada hari ini setiap orang dibalas dengan amalan yang diusahakannya.

Tiada sebarang penganiayaan pada hari ini. Sesungguhnya Allah amat pantas hisab-Nya."(17)

هُوَ ٱلَّذِى يُرِيكُمْ ءَايَٰتِهِۦ

"Dialah yang memperlihatkan kepada kamu bukti-bukti kekuasaan-Nya."(13)

Rezeki-rezeki Dari Kerja

Bukti-bukti kekuasaan Allah dapat dilihat pada setiap kejadian di alam ini sama ada pada kejadian-kejadian yang besar seperti matahari, bintang-bintang, malam, siang, hujan, petir dan guruh atau kejadian-kejadian yang kecil seperti atom, sel-sel daun dan bunga. Setiap kejadian itu merupakan suatu mu'jizat yang kebesarannya jelas kelihatan apabila manusia cuba menirunya apatah lagi hendak menciptakannya. Dan jauh sekali untuk membuat tiruan yang sempurna dan halus bagi sekecil-kecil kejadian yang diciptakan tangan qudrat Allah di alam ini.

وَيُنَزِّلُ لَكُم مِّنَ ٱلسَّمَآءِ رِزْقًا

"Dan menurunkan rezeki untuk kamu dari langit" (13)

Di antara rezeki yang diketahui manusia ialah air hujan. Ia merupakan punca hayat di bumi ini dan sumber makanan dan minuman. Selain dari air hujan terdapat banyak lagi jenis-jenis rezeki dari langit yang ditemui manusia sehari demi sehari. Di antaranya ialah radiasi-radiasi yang menghidupkan, tanpa radiasi-radiasi ini hayat tidak mungkin wujud di bumi ini. Mungkin juga termasuk dalam jenis rezeki yang diturunkan dari langit ialah agama-agama yang diturunkan Allah yang telah memimpin langkah-langkah umat manusia sejak zaman kebudakannya lagi dan memindahkan kaki-kaki mereka ke jalan yang lurus juga membimbing mereka kepada sistem hidup yang menghubungkan mereka dengan Allah dan dengan undang-undang-Nya yang lurus.

"Dan tiada yang mengingati (ni'mat-ni'mat-Nya) melainkan orang yang kembali (kepada Allah)"(13)

Hanya orang yang kembali kepada Allah sahaja yang mengenangkan ni'mat-ni'mat Allah dan limpah kurnia-Nya serta mengingati bukti-bukti kekuasaan-Nya yang dilupakannya hati-hati yang keras.

Setelah menyebut soal perkembalian kepada Allah yang menimbulkan kenangan dan menungan itu, Al-Qur'an mengarah para Mu'minin supaya menyembah Allah Yang Tunggal sahaja dengan mentuluskan keta'atan kepada-Nya tanpa menghiraukan kebencian orang-orang kafir:

فَٱدْعُوا۟ ٱللَّهَ مُخْلِصِينَ لَهُ ٱلدِّينَ وَلَوْ كَرِهَ ٱلْكَٰفِرُونَ ﴿١٤﴾

"Oleh itu sembahkanlah Allah dengan mentuluskan keta'atan kepada-Nya walaupun tidak disukai oleh orang-orang kafir."(14)

Orang-orang kafir memang tidak suka orang-orang Mu'min mentuluskan keta'atan mereka kepada Allah dan menyembahkan-Nya sahaja tanpa yang lain dari-Nya. Tiada harapan untuk mendapat persetujuan mereka walaupun mereka dilayan dengan baik dan saling damai oleh orang-orang Mu'min dan walaupun orang-orang Mu'min mencari persetujuan mereka dengan berbagai-bagai jalan. Oleh itu hendaklah orang-orang Mu'min mengikut haluan mereka sendiri dengan menyembah Allah Yang Tunggal sahaja dan membulatkan kepercayaan dan hati mereka kepada-Nya, tiada apa-apa kesalahan kepada mereka sama ada orang-orang kafir itu suka atau tidak sukakan mereka, kerana mereka tidak pernah suka dan bersetuju terhadap orang-orang Mu'min walau sehari pun.

Kemudian Al-Qur'an menyebut, beberapa sifat Allah di tempat ini, di mana ia mengarahkan orang-orang Mu'min supaya beribadat kepada Allah Yang Tunggal sahaja walaupun tidak disukai oleh orang-orang kafir. Di antara sifat-sifat itu ialah:

رَفِيعُ ٱلدَّرَجَٰتِ ذُو ٱلْعَرْشِ يُلْقِى ٱلرُّوحَ مِنْ أَمْرِهِۦ عَلَىٰ مَن يَشَآءُ مِنْ عِبَادِهِۦ لِيُنذِرَ يَوْمَ ٱلتَّلَاقِ ﴿١٥﴾

"Dialah Yang Maha Tinggi darjat-Nya dan yang mempunyai 'Arasy. Dia menurunkan wahyu dari perintah-Nya kepada siapa yang dikehendaki-Nya dari antara hamba-hamba-Nya untuk mengingatkan (manusia) tentang hari pertemuan."(15)

Tugas Utama Para Rasul Untuk Mengingatkan Hari Pertemuan

Allah S.W.T. sahaja yang mempunyai darjat dan maqam yang maha tinggi. Dialah yang memiliki 'Arasy dan menguasai segala-galanya. Dialah yang menurunkan perintah-Nya yang menghidupkan roh dan hati kepada hamba-hamba pilihan-Nya. "Roh"(الروح) dalam ayat ini dimaksudkan dengan wahyu dan risalah, tetapi pengungkapan wahyu dengan kata-kata roh itu adalah menjelaskan hakikat wahyu iaitu pertama: Wahyu itu merupakan roh dan hayat kepada manusia. Kedua: Wahyu itu turun dari langit yang tinggi kepada hamba-hamba yang terpilih, dan semuanya merupakan bayangan-bayangan yang sesuai dengan sifat Allah, Yang Maha tinggi dan Maha Besar (العلي الكبير).

Tugas yang jelas yang dipilihkan Allah untuk para hamba-Nya yang terpilih dengan menurunkan wahyu dari perintah-Nya ialah menyampaikan amaran:

"Untuk mengingatkan (manusia) tentang Hari Pertemuan."(15)

Pada hari ini seluruh manusia akan bertemu, di mana mereka akan bertemu dengan amalan-amalan yang dilakukan mereka dalam kehidupan dunia. Dan pada hari ini seluruh manusia, malaikat, jin dan makhluk-makhluk yang menyaksi hari yang amat besar itu akan bertemu, dan seluruh makhluk itu akan bertemu dengan Tuhannya di padang hisab dan itulah Hari Pertemuan dengan segala erti katanya yang sebenar.

Kemudian itulah hari di mana mereka muncul dengan begitu nyata tanpa sebarang tabir dan pelindung dan tanpa sebarang pemalsuan dan tipudaya:

يَوْمَ هُم بَٰرِزُونَ ۖ لَا يَخْفَىٰ عَلَى ٱللَّهِ مِنْهُمْ شَىْءٌ ۚ

"Iaitu pada hari mereka muncul dengan begitu nyata. Tiada suatu pun dari keadaan mereka tersembunyi dari (ilmu) Allah."(16)

Sememangnya tiada suatu pun dari keadaan mereka yang tersembunyi dari ilmu Allah pada setiap masa dan keadaan, tetapi pada waktu-waktu yang lain dari Hari Pertemuan ini kadang-kadang manusia menyangka diri mereka terlindung dari Allah, perbuatan-perbuatan dan gerak-geri mereka tersembunyi dari pengetahuan Allah. Adapun pada hari Qiamat ini mereka benar-benar merasa terdedah, terbuka tembelang dan berdiri bogel tanpa sebarang tabir walaupun tabir dari khayalan-khayalan.

Pada hari ini orang-orang yang takbur akan merasa kecil dan orang-orang yang zalim dan sewenang-wenang akan merasa kecut, seluruh alam buana berdiri khusyu' dan seluruh hamba berdiri dengan rendah diri. Hanya Allah Yang Maha Esa sahaja yang memiliki kerajaan langit bumi, Yang Maha Esa dan Maha Gagah Perkasa sahaja yang berkuasa pada hari ini. Sememangnya Allah S.W.T. sahaja yang berkuasa pada setiap waktu, tetapi pada hari ini hakikat itu begitu ketara kepada semua mata setelah ia ketara kepada semua hati. Hakikat itu akan dirasai oleh setiap orang yang ingkar dan setiap orang yang takbur. Seluruh suara akan diam dan segala gerak akan menyepi. Hanya satu suara sahaja yang lantang dan menakutkan. Suara itu kedengaran bertanya dan menjawab. Tiada satu makhluk pun pada hari itu yang bertanya dan menjawab selain dari suara itu:

لِّمَنِ ٱلْمُلْكُ ٱلْيَوْمَ ۖ لِلَّهِ ٱلْوَٰحِدِ ٱلْقَهَّارِ ﴿١٦﴾ ٱلْيَوْمَ تُجْزَىٰ كُلُّ نَفْسٍۭ بِمَا كَسَبَتْ ۚ لَا ظُلْمَ ٱلْيَوْمَ ۚ إِنَّ ٱللَّهَ سَرِيعُ ٱلْحِسَابِ ﴿١٧﴾

"Siapakah yang memiliki kerajaan pada hari ini?.... Ia dimiliki Allah Yang Maha Esa dan Maha Besar (16). Pada hari ini setiap orang dibalas dengan amalan yang diusahakannya. Tiada sebarang penganiayaan pada hari ini. Sesungguhnya Allah amat pantas hisab-Nya."(17)

Yakni hari ini ialah hari balasan yang sebenar, hari keadilan dan hari keputusan yang muktamad. Ia akan dilangsungkan tanpa tangguhan dan tanpa lewat.

Suasana Mahsyar diselubungi sunyi sepi, cemas, takut dan khusyu'. Seluruh makhluk yang hadir mendengar dengan khusyu'. Hukuman dijatuhkan dan buku-buku hisab pun ditutup.

Bayangan ini sesuai dengan firman-Nya mengenai orang-orang yang membantah ayat-ayat Allah di permulaan surah iaitu:

فَلَا يَغْرُرْكَ تَقَلُّبُهُمْ فِى ٱلْبِلَٰدِ ﴿٤﴾

"Janganlah engkau tertipu oleh kemewahan kehidupan mereka di dalam negeri-negeri."(4)

Kerana inilah penghabisan kemewahan kehidupan mereka di dunia dan penghabisan keangkuhan mereka tanpa alasan yang benar dan penghabisan kemaharajalelaan, kesombongan, kekayaan dan kesenangan mereka.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 18 - 20)

Hanya Allah Sahaja Yang Memegang Urusan Pengadilan Pada Hari Qiamat

Kemudian Al-Qur'an mengarah Rasulullah s.a.w. supaya mengingatkan kaum Musyrikin terhadap Hari Pertemuan itu dalam satu senario dari pemandangan-pemandangan Qiamat, di mana hanya Allah sahaja yang memegang kuasa pengadilan setelah ia kemukakannya dalam bentuk cerita tanpa menghadapkan firman kepada mereka:

وَأَنذِرْهُمْ يَوْمَ ٱلْءَازِفَةِ إِذِ ٱلْقُلُوبُ لَدَى ٱلْحَنَاجِرِ كَٰظِمِينَ ۚ مَا لِلظَّٰلِمِينَ مِنْ حَمِيمٍ وَلَا شَفِيعٍ يُطَاعُ ﴿١٨﴾ يَعْلَمُ خَآئِنَةَ ٱلْأَعْيُنِ وَمَا تُخْفِى ٱلصُّدُورُ ﴿١٩﴾ وَٱللَّهُ يَقْضِى بِٱلْحَقِّ ۖ وَٱلَّذِينَ يَدْعُونَ مِن دُونِهِۦ لَا يَقْضُونَ بِشَىْءٍ ۗ إِنَّ ٱللَّهَ هُوَ ٱلسَّمِيعُ ٱلْبَصِيرُ ﴿٢٠﴾

"Dan berilah amaran kepada mereka tentang hari Qiamat yang hampir tiba ketika hati-hati manusia sebak hingga ke kerongkong kerana menahan perasaan duka nestapa dan menyesal. Orang-orang yang zalim tidak akan mendapat seorang pun sahabat setia dan tidak pula akan mendapat sebarang pemberi syafa'at yang diterima syafa'atnya (18). Dia mengetahui jelingan mata yang serong dan segala rahsia yang disembunyikan di dalam dada (19). Dan Allahlah sahaja yang memutuskan hukuman dengan adil, sedangkan sembahan-sembahan yang mereka sembah selain Allah tidak memutuskan sesuatu hukuman pun. Sesungguhnya Allah Maha Mendengar dan Maha Melihat."(20)

Kata-kata: **"Hari Qiamat yang dekat"** (الآزفة) ...Kata-kata itu menggambarkan seolah-olah Qiamat sedang bergerak dekat dan semua makhluk bernafas cemas, dan seolah-olah jantung mereka yang mengah itu mencekik leher mereka ketika mereka menahankan nafas, perasaan sedih dan takut, perahan perasaan itu menyebabkan mereka merana dan menyebabkan dada mereka sebak.

Mereka tidak mendapati seorang sahabat pun yang bersimpati dengannya dan tiada siapa pun yang dapat memberi syafa'at yang diterima Allah di dalam situasi yang gawat dan sengsara itu!

Mereka muncul dengan begitu nyata pada hari ini dan tiada suatu pun dari keadaan mereka yang tersembunyi dari pengetahuan Allah pada hari itu walaupun sekilas pandangan mata mereka yang serong dan secebis rahsia mereka yang tersembunyi di dalam hati:

يَعْلَمُ خَائِنَةَ الْأَعْيُنِ وَمَا تُخْفِي الصُّدُورُ ﴿١٩﴾

"Dia mengetahui jelingan mata yang serong dan segala rahsia yang disembunyikan di dalam dada."(19)

Pandangan mata yang serong itu berusaha untuk melindungi keserongannya tetapi ia tidak terlindung dari Allah. Begitu juga rahsia-rahsia yang disembunyikan di dalam dada semuanya terdedah kepada ilmu Allah.

Allah sahaja yang menjatuhkan hukuman-Nya yang adil pada hari ini, sedangkan tuhan-tuhan mereka yang palsu tidak mempunyai apa-apa urusan dan tidak mengambil apa-apa bahagian dalam pengadilan.

وَاللَّهُ يَقْضِي بِالْحَقِّ ۖ وَالَّذِينَ يَدْعُونَ مِن دُونِهِ
لَا يَقْضُونَ بِشَيْءٍ

"Dan Allahlah sahaja yang memutuskan hukuman dengana adil, sedangkan sembahan-sembahan yang mereka sembah selain Allah tidak memutuskan sesuatu hukuman pun."(20)

Hanya Allah menghukumkan dengan adil berdasarkan ilmu-Nya, pendengaran-Nya dan penglihatan-Nya. Dia tidak menganiayai seseorang pun dan tidak lupa suatu apa pun.

إِنَّ اللَّهَ هُوَ السَّمِيعُ الْبَصِيرُ ﴿٢٠﴾

"Sesungguhnya Dia Maha Mendengar dan Maha Melihat."(20)

(Kumpulan ayat-ayat 21 - 55)

أَوَلَمْ يَسِيرُوا فِي الْأَرْضِ فَيَنظُرُوا كَيْفَ كَانَ عَاقِبَةُ
الَّذِينَ كَانُوا مِن قَبْلِهِمْ ۚ كَانُوا هُمْ أَشَدَّ مِنْهُمْ قُوَّةً
وَآثَارًا فِي الْأَرْضِ فَأَخَذَهُمُ اللَّهُ بِذُنُوبِهِمْ وَمَا
كَانَ لَهُم مِّنَ اللَّهِ مِن وَاقٍ ﴿٢١﴾
ذَٰلِكَ بِأَنَّهُمْ كَانَت تَّأْتِيهِمْ رُسُلُهُم بِالْبَيِّنَاتِ
فَكَفَرُوا فَأَخَذَهُمُ اللَّهُ ۚ إِنَّهُ قَوِيٌّ شَدِيدُ الْعِقَابِ ﴿٢٢﴾
وَلَقَدْ أَرْسَلْنَا مُوسَىٰ بِآيَاتِنَا وَسُلْطَانٍ مُّبِينٍ ﴿٢٣﴾
إِلَىٰ فِرْعَوْنَ وَهَامَانَ وَقَارُونَ فَقَالُوا سَاحِرٌ
كَذَّابٌ ﴿٢٤﴾
فَلَمَّا جَاءَهُم بِالْحَقِّ مِنْ عِندِنَا قَالُوا اقْتُلُوا
أَبْنَاءَ الَّذِينَ آمَنُوا مَعَهُ وَاسْتَحْيُوا نِسَاءَهُمْ ۚ
وَمَا كَيْدُ الْكَافِرِينَ إِلَّا فِي ضَلَالٍ ﴿٢٥﴾
وَقَالَ فِرْعَوْنُ ذَرُونِي أَقْتُلْ مُوسَىٰ وَلْيَدْعُ رَبَّهُ ۖ
إِنِّي أَخَافُ أَن يُبَدِّلَ دِينَكُمْ أَوْ أَن يُظْهِرَ فِي
الْأَرْضِ الْفَسَادَ ﴿٢٦﴾

"Tidakkah mereka menjelajah di muka bumi dan memperhatikan bagaimana akibat yang menimpa orang-orang (kafir) yang terdahulu dari mereka? Mereka adalah lebih hebat dari mereka dari segi kekuatan dan kesan-kesan peninggalan mereka di bumi. Allah telah membinasakan mereka dengan sebab dosa-dosa mereka dan tiada siapa pun yang dapat melindungkan mereka dari 'azab Allah (21). Balasan itu disebabkan kerana mereka telah didatangi rasul-rasul mereka membawa bukti-bukti yang jelas tetapi mereka mengingkarkannya, lalu Allah binasakan mereka. Sesungguhnya Dia Maha Kuat dan amat berat balasan-Nya (22). Sesungguhnya Kami telah utuskan Musa membawa ayat-ayat Kami dan hajat yang amat jelas (23). Kepada Fir'aun, Haman dan Qarun, lalu mereka berkata: Dia seorang tukang sihir yang pendusta (24). Dan apabila dia membawa kepada mereka pengajaran yang benar dari sisi Kami, mereka pun berkata: Bunuhlah anak-anak lelaki orang-orang yang beriman yang ada bersamanya dan biarkan anak-anak perempuan mereka sahaja yang hidup. Dan tiada tipu daya orang-orang yang kafir itu melainkan berada dalam kegagalan (25). Dan Fir'aun berkata: Biarkanlah aku sendiri membunuh Musa dan biarlah dia memohon (pertolongan) dari Tuhannya. Kerana sesungguhnya aku takut dia akan menukarkan agama kamu atau menimbulkan kerosakan (huru-hara) di bumi." (26).

وَقَالَ مُوسَىٰ إِنِّي عُذْتُ بِرَبِّي وَرَبِّكُم مِّن كُلِّ مُتَكَبِّرٍ
لَّا يُؤْمِنُ بِيَوْمِ الْحِسَابِ ﴿٢٧﴾
وَقَالَ رَجُلٌ مُّؤْمِنٌ مِّنْ آلِ فِرْعَوْنَ يَكْتُمُ إِيمَانَهُ

أَتَقْتُلُونَ رَجُلًا أَن يَقُولَ رَبِّيَ ٱللَّهُ وَقَدْ جَآءَكُم بِٱلْبَيِّنَٰتِ مِن رَّبِّكُمْ ۖ وَإِن يَكُ كَٰذِبًا فَعَلَيْهِ كَذِبُهُۥ ۖ وَإِن يَكُ صَادِقًا يُصِبْكُم بَعْضُ ٱلَّذِى يَعِدُكُمْ ۖ إِنَّ ٱللَّهَ لَا يَهْدِى مَنْ هُوَ مُسْرِفٌ كَذَّابٌ ﴿٢٨﴾

يَٰقَوْمِ لَكُمُ ٱلْمُلْكُ ٱلْيَوْمَ ظَٰهِرِينَ فِى ٱلْأَرْضِ فَمَن يَنصُرُنَا مِنۢ بَأْسِ ٱللَّهِ إِن جَآءَنَا ۚ قَالَ فِرْعَوْنُ مَآ أُرِيكُمْ إِلَّا مَآ أَرَىٰ وَمَآ أَهْدِيكُمْ إِلَّا سَبِيلَ ٱلرَّشَادِ ﴿٢٩﴾

وَقَالَ ٱلَّذِىٓ ءَامَنَ يَٰقَوْمِ إِنِّىٓ أَخَافُ عَلَيْكُم مِّثْلَ يَوْمِ ٱلْأَحْزَابِ ﴿٣٠﴾

مِثْلَ دَأْبِ قَوْمِ نُوحٍ وَعَادٍ وَثَمُودَ وَٱلَّذِينَ مِنۢ بَعْدِهِمْ ۚ وَمَا ٱللَّهُ يُرِيدُ ظُلْمًا لِّلْعِبَادِ ﴿٣١﴾

وَيَٰقَوْمِ إِنِّىٓ أَخَافُ عَلَيْكُمْ يَوْمَ ٱلتَّنَادِ ﴿٣٢﴾

يَوْمَ تُوَلُّونَ مُدْبِرِينَ مَا لَكُم مِّنَ ٱللَّهِ مِنْ عَاصِمٍ ۗ وَمَن يُضْلِلِ ٱللَّهُ فَمَا لَهُۥ مِنْ هَادٍ ﴿٣٣﴾

"Dan Musa berkata: Sesungguhnya aku berlindung pada Tuhanku dan Tuhan kamu dari setiap orang yang takbur yang tidak percaya kepada Hari Hisab (27). Lalu berkata seorang lelaki Mu'min dari keluarga Fir'aun yang menyembunyikan keimanannya: Apakah kamu hendak membunuh seorang yang berkata: Allah itu Tuhanku. Sedangkan dia telah membawa kepada kamu keterangan yang jelas dari Tuhan kamu. Jika dia bohong, maka dialah yang akan menanggung akibat pem-bohongannya, dan jika dia benar nescaya kamu akan ditimpa sebahagian 'azab yang diancamkannya kepada kamu. Sesungguhnya Allah tidak memberi hidayat kepada orang-orang yang pelampau lagi pendusta (28). Wahai kaumku! Kamulah yang memiliki kerajaan (Mesir) pada hari ini, kamulah yang terkemuka di dunia ini, tetapi siapakah yang dapat menolong kita dari 'azab Allah jika 'azab itu menimpa kita? Jawab Fir'aun: Aku tidak kemukakan fikiranku melainkan apa yang aku pandang baik dan aku tidak tunjukkan kepada kamu melainkan jalan yang benar (29). Lalu berkatalah lelaki yang beriman itu: Wahai kaumku! Aku takut kamu akan ditimpakan malapetaka seperti hari malapetaka yang menimpa golongan-golongan (yang menentang Rasul) (30). Seperti keadaan kaum Nuh, 'Ad dan Thamud dan orang selepas mereka. Dan Allah tidak sekali-kali berkehendak melakukan kezaliman terhadap hamba-hamba-Nya (31). Wahai kaumku! Aku takut kamu ditimpa 'azab pada Hari (Qiamat) yang penuh dengan seruan (32). Iaitu pada hari kamu berpaling ke belakang melarikan diri, sedangkan tiada siapa yang dapat melindungkan kamu dari 'azab Allah. Dan barang siapa yang disesatkan Allah, maka tiada siapa lagi yang dapat memberi hidayat kepada-Nya." (33).

وَلَقَدْ جَآءَكُمْ يُوسُفُ مِن قَبْلُ بِٱلْبَيِّنَٰتِ فَمَا زِلْتُمْ فِى شَكٍّ مِّمَّا جَآءَكُم بِهِۦ ۖ حَتَّىٰٓ إِذَا هَلَكَ قُلْتُمْ لَن يَبْعَثَ ٱللَّهُ مِنۢ بَعْدِهِۦ رَسُولًا ۚ كَذَٰلِكَ يُضِلُّ ٱللَّهُ مَنْ هُوَ مُسْرِفٌ مُّرْتَابٌ ﴿٣٤﴾

ٱلَّذِينَ يُجَٰدِلُونَ فِىٓ ءَايَٰتِ ٱللَّهِ بِغَيْرِ سُلْطَٰنٍ أَتَىٰهُمْ ۖ كَبُرَ مَقْتًا عِندَ ٱللَّهِ وَعِندَ ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ ۚ كَذَٰلِكَ يَطْبَعُ ٱللَّهُ عَلَىٰ كُلِّ قَلْبِ مُتَكَبِّرٍ جَبَّارٍ ﴿٣٥﴾

وَقَالَ فِرْعَوْنُ يَٰهَٰمَٰنُ ٱبْنِ لِى صَرْحًا لَّعَلِّىٓ أَبْلُغُ ٱلْأَسْبَٰبَ ﴿٣٦﴾

أَسْبَٰبَ ٱلسَّمَٰوَٰتِ فَأَطَّلِعَ إِلَىٰٓ إِلَٰهِ مُوسَىٰ وَإِنِّى لَأَظُنُّهُۥ كَٰذِبًا ۚ وَكَذَٰلِكَ زُيِّنَ لِفِرْعَوْنَ سُوٓءُ عَمَلِهِۦ وَصُدَّ عَنِ ٱلسَّبِيلِ ۚ وَمَا كَيْدُ فِرْعَوْنَ إِلَّا فِى تَبَابٍ ﴿٣٧﴾

وَقَالَ ٱلَّذِىٓ ءَامَنَ يَٰقَوْمِ ٱتَّبِعُونِ أَهْدِكُمْ سَبِيلَ ٱلرَّشَادِ ﴿٣٨﴾

يَٰقَوْمِ إِنَّمَا هَٰذِهِ ٱلْحَيَوٰةُ ٱلدُّنْيَا مَتَٰعٌ وَإِنَّ ٱلْءَاخِرَةَ هِىَ دَارُ ٱلْقَرَارِ ﴿٣٩﴾

مَنْ عَمِلَ سَيِّئَةً فَلَا يُجْزَىٰٓ إِلَّا مِثْلَهَا ۖ وَمَنْ عَمِلَ صَٰلِحًا مِّن ذَكَرٍ أَوْ أُنثَىٰ وَهُوَ مُؤْمِنٌ فَأُو۟لَٰٓئِكَ يَدْخُلُونَ ٱلْجَنَّةَ يُرْزَقُونَ فِيهَا بِغَيْرِ حِسَابٍ ﴿٤٠﴾

وَيَٰقَوْمِ مَا لِىٓ أَدْعُوكُمْ إِلَى ٱلنَّجَوٰةِ وَتَدْعُونَنِىٓ إِلَى

ٱلنَّارِ ﴿٤١﴾

تَدۡعُونَنِي لِأَكۡفُرَ بِٱللَّهِ وَأُشۡرِكَ بِهِۦ مَا لَيۡسَ لِي بِهِۦ عِلۡمٞ وَأَنَا۠ أَدۡعُوكُمۡ إِلَى ٱلۡعَزِيزِ ٱلۡغَفَّٰرِ ﴿٤٢﴾

لَا جَرَمَ أَنَّمَا تَدۡعُونَنِيٓ إِلَيۡهِ لَيۡسَ لَهُۥ دَعۡوَةٞ فِي ٱلدُّنۡيَا وَلَا فِي ٱلۡأٓخِرَةِ وَأَنَّ مَرَدَّنَآ إِلَى ٱللَّهِ وَأَنَّ ٱلۡمُسۡرِفِينَ هُمۡ أَصۡحَٰبُ ٱلنَّارِ ﴿٤٣﴾

فَسَتَذۡكُرُونَ مَآ أَقُولُ لَكُمۡۚ وَأُفَوِّضُ أَمۡرِيٓ إِلَى ٱللَّهِۚ إِنَّ ٱللَّهَ بَصِيرُۢ بِٱلۡعِبَادِ ﴿٤٤﴾

فَوَقَىٰهُ ٱللَّهُ سَيِّـَٔاتِ مَا مَكَرُواْۖ وَحَاقَ بِـَٔالِ فِرۡعَوۡنَ سُوٓءُ ٱلۡعَذَابِ ﴿٤٥﴾

ٱلنَّارُ يُعۡرَضُونَ عَلَيۡهَا غُدُوّٗا وَعَشِيّٗاۖ وَيَوۡمَ تَقُومُ ٱلسَّاعَةُ أَدۡخِلُوٓاْ ءَالَ فِرۡعَوۡنَ أَشَدَّ ٱلۡعَذَابِ ﴿٤٦﴾

"Dan sesungguhnya sebelum ini Yusuf telah datang kepada kamu membawa keterangan-keterangan yang jelas tetapi kamu masih berada di dalam keraguan terhadap ajaran yang dibawa olehnya kepada kamu sehingga apabila dia wafat kamu telah berkata: Allah tidak akan membangkitkan lagi seorang rasul selepasnya. Demikianlah Allah menyesatkan orang-orang yang pelampau dan ragu-ragu (34). Iaitu orang-orang yang menyangkal ayat-ayat Allah tanpa sebarang alasan yang sampai kepada mereka. Amat besarlah kemurkaan di sisi Allah dan di sisi orang-orang yang beriman. Demikianlah Allah menutupkan setiap hati yang takbur dan sewenang-wenang (35). Dan Fir'aun berkata: Wahai Haman! Binakan untukku sebuah bangunan yang tinggi semoga aku dapat sampai ke jalan-jalan (36). Iaitu jalan-jalan langit supaya aku dapat melihat Tuhan Musa dan sesungguhnya aku fikir dia seorang pendusta. Demikianlah didandan indah kepada Fir'aun segala perbuatannya yang buruk dan dia telah dihalangkan dari jalan (yang benar), dan tiadalah tipu daya Fir'aun itu melainkan musnah belaka (37). Dan berkatalah (lelaki) yang beriman itu: Wahai kaumku! Ikutilah aku nescaya aku membimbing kamu ke jalan yang benar (38). Wahai kaumku! Sesungguhnya kehidupan dunia hanya keni'matan (yang sebentar) sahaja dan sesungguhnya Akhirat itulah negeri yang kekal (39). Barang siapa yang mengerjakan kejahatan, maka dia tidak akan dibalas melainkan dengan balasan yang setanding dengannya dan barang siapa yang mengerjakan amalan yang soleh sama ada lelaki atau perempuan, sedangkan dia beriman, maka merekalah orang-orang yang akan memasuki Syurga di mana mereka dikurniakan rezeki tanpa hisab (40). Wahai kaumku! Bagaimana? Aku menyeru kamu kepada keselamatan, sedangkan kamu menyeruku ke Neraka (41). Kamu menyeruku supaya ingkarkan Allah dan mempersekutukan-Nya dengan sembahan-sembahan yang aku tidak mengetahui sedikit pun (mengenai ketuhanannya) sedangkan aku menyeru kamu beriman kepada Tuhan Yang maha Perkasa dan Maha Pengampun (42). Tidak syak lagi bahawa tuhan palsu yang kamu seru aku beriman kepadanya, tidak mempunyai sebarang da'wah di dunia dan di Akhirat. Dan sesungguhnya kepulangan kita ialah kepada Allah dan sesungguhnya orang-orang yang pelampau itulah penghuni-penghuni Neraka (43). Kelak kamu akan ingat (kebenaran) apa yang aku katakan kepada kamu, dan aku menyerahkan urusanku kepada Allah. Sesungguhnya Allah Maha Melihat akan hamba-hamba-Nya (44). Lalu Allah melindunginya dari kejahatan-kejahatan tipu daya yang dirancangkan mereka, dan keluarga Fir'aun telah ditimpa 'azab yang amat dahsyat (45). Api Neraka didedahkan ke atas mereka pagi dan petang. Dan pada hari berlakunya Qiamat (diperintahkan kepada malaikat) masukkanlah Fir'aun dan keluarganya ke dalam 'azab yang paling dahsyat." (46).*

وَإِذۡ يَتَحَآجُّونَ فِي ٱلنَّارِ فَيَقُولُ ٱلضُّعَفَٰٓؤُاْ لِلَّذِينَ ٱسۡتَكۡبَرُوٓاْ إِنَّا كُنَّا لَكُمۡ تَبَعٗا فَهَلۡ أَنتُم مُّغۡنُونَ عَنَّا نَصِيبٗا مِّنَ ٱلنَّارِ ﴿٤٧﴾

قَالَ ٱلَّذِينَ ٱسۡتَكۡبَرُوٓاْ إِنَّا كُلّٞ فِيهَآ إِنَّ ٱللَّهَ قَدۡ حَكَمَ بَيۡنَ ٱلۡعِبَادِ ﴿٤٨﴾

وَقَالَ ٱلَّذِينَ فِي ٱلنَّارِ لِخَزَنَةِ جَهَنَّمَ ٱدۡعُواْ رَبَّكُمۡ يُخَفِّفۡ عَنَّا يَوۡمٗا مِّنَ ٱلۡعَذَابِ ﴿٤٩﴾

قَالُوٓاْ أَوَلَمۡ تَكُ تَأۡتِيكُمۡ رُسُلُكُم بِٱلۡبَيِّنَٰتِۖ قَالُواْ بَلَىٰۚ قَالُواْ فَٱدۡعُواْۗ وَمَا دُعَٰٓؤُاْ ٱلۡكَٰفِرِينَ إِلَّا فِي ضَلَٰلٍ ﴿٥٠﴾

إِنَّا لَنَنصُرُ رُسُلَنَا وَٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ فِي ٱلۡحَيَوٰةِ ٱلدُّنۡيَا وَيَوۡمَ يَقُومُ ٱلۡأَشۡهَٰدُ ﴿٥١﴾

يَوۡمَ لَا يَنفَعُ ٱلظَّٰلِمِينَ مَعۡذِرَتُهُمۡۖ وَلَهُمُ ٱللَّعۡنَةُ وَلَهُمۡ سُوٓءُ ٱلدَّارِ ﴿٥٢﴾

وَلَقَدۡ ءَاتَيۡنَا مُوسَى ٱلۡهُدَىٰ وَأَوۡرَثۡنَا بَنِيٓ إِسۡرَٰٓءِيلَ ٱلۡكِتَٰبَ ﴿٥٣﴾

هُدًى وَذِكْرَىٰ لِأُولِي الْأَلْبَابِ ﴿٥٤﴾
فَاصْبِرْ إِنَّ وَعْدَ اللَّهِ حَقٌّ وَاسْتَغْفِرْ لِذَنبِكَ
وَسَبِّحْ بِحَمْدِ رَبِّكَ بِالْعَشِيِّ وَالْإِبْكَارِ ﴿٥٥﴾

"Dan (kenangilah) ketika mereka berbantah-bantah di dalam Neraka, lalu berkatalah orang-orang yang lemah dari mereka kepada orang-orang yang telah berlagak angkuh: Sesungguhnya kami adalah pengikut-pengikut kamu. Oleh itu dapatkah kamu hapuskan dari kami sebahagian dari 'azab Neraka? (47) Jawab orang-orang yang telah berlagak angkuh itu: Sesungguhnya kita semua sama-sama berada dalam Neraka, sesungguhnya Allah telah pun menetapkan hukuman di antara hamba-hamba-Nya (48). Lalu berkatalah orang-orang yang berada di dalam Neraka kepada penjaga-penjaga Neraka: Pohonkanlah kepada Tuhan kamu supaya meringankan 'azab dari kami barang sehari (49). Jawab (penjaga-penjaga Neraka): Bukankah telah datang kepada kamu rasul-rasul kamu membawa keterangan-keterangan yang jelas? Jawab mereka: Ya, mereka datang. Lalu (penjaga-penjaga Neraka) berkata: Berdo'alah sendiri! Dan tiada do'a orang-orang yang kafir itu melainkan hanya sia-sia belaka (50). Sesungguhnya Kami tetap menolong rasul-rasul Kami dan orang-orang yang beriman dalam kehidupan dunia dan pada hari (Qiamat di mana) berdirinya para saksi (51). Iaitu hari yang tidak berguna kepada orang-orang yang zalim (kafir) permohonan maaf dari mereka, dan mereka akan mendapat laknat dan akan mendapat tempat kediaman yang amat dahsyat (52). Dan sesungguhnya Kami telah mengurniakan hidayat kepada Musa dan Kami kurniakan Bani Israel mewarisi kitab Taurat (53). Untuk menjadi hidayat dan peringatan kepada orang-orang yang mempunyai minda yang sihat (54). Oleh itu bersabarlah sesungguhnya janji Allah itu benar dan pohonlah keampunan terhadap dosamu dan bertasbihlah dengan memuji Tuhanmu pada waktu petang dan pagi."(55)

Sebelum ini kami telah intisarikan maudhu' pusingan ini dari surah ini, dan sebelum diterangkannya secara terperinci kami ingin menarik perhatian bahawa penceritaan babak ini di sini dari kisah ini adalah maudhu'nya selaras dengan maudhu' surah dan selaras dengan cara pengungkapannya - kadang-kadang dengan menggunakan ungkapan yang sama - dengan cara pengungkapan surah, dan setengah-setengah ungkapannya diulang-ulang, dan dengan perantaraan lidah seorang lelaki Mu'min dari keluarga Fir'aun itu lahir beberapa konsep dan ungkapan yang sama yang telah pun disebut di dalam surah ini. Lelaki Mu'min itu mengingatkan Fir'aun, Haman dan Qarun bahawa mereka hidup mewah dan berkuasa di negeri Mesir dan mengingatkan mereka supaya mereka tidak ditimpa hari malapetaka seperti hari malapetaka yang menimpa golongan-golongan yang menentang rasul. Dia juga mengingatkan mereka terhadap hari Qiamat yang ditayangkan pemandangan-pemandangannya di permulaan surah. Seterusnya dia memperkatakan tentang orang-orang yang menyangkal ayat-ayat Allah dan tentang kemurkaan Allah serta kemarahan orang-orang Mu'min terhadap mereka sebagaimana telah dibicarakan di dalam pusingan yang pertama. Kemudian ditayangkan pula pemandangan mereka sedang berada dalam keadaan hina-dina di dalam Neraka. Di mana mereka berdo'a dan memohon dengan merendahkan diri, tetapi do'a mereka tidak diperkenankan Allah sebagaimana telah ditayangkan pemandangan orang-orang yang seperti mereka sebelum ini di dalam surah ini.

Semuanya itu menyarankan bahawa logik iman dan logik orang-orang yang beriman adalah sama sahaja kerana ia diambil dari kebenaran yang sama. Dan semuanya itu menyelaraskan suasana surah dan menjadikannya satu syakhsiyah yang mempunyai bentuk rupa yang sama dan padu, dan inilah fenomena yang dapat diperhatikan pada tiap-tiap surah.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 21 - 22)

Contoh Teladan Dari Sejarah

أَوَلَمْ يَسِيرُوا فِي الْأَرْضِ فَيَنظُرُوا كَيْفَ كَانَ عَاقِبَةُ
الَّذِينَ كَانُوا مِن قَبْلِهِمْ ۚ كَانُوا هُمْ أَشَدَّ مِنْهُمْ قُوَّةً
وَآثَارًا فِي الْأَرْضِ فَأَخَذَهُمُ اللَّهُ بِذُنُوبِهِمْ وَمَا
كَانَ لَهُم مِّنَ اللَّهِ مِن وَاقٍ ﴿٢١﴾
ذَٰلِكَ بِأَنَّهُمْ كَانَت تَّأْتِيهِمْ رُسُلُهُم بِالْبَيِّنَاتِ
فَكَفَرُوا فَأَخَذَهُمُ اللَّهُ ۚ إِنَّهُ قَوِيٌّ شَدِيدُ الْعِقَابِ ﴿٢٢﴾

"Tidakkah mereka menjelajah di muka bumi dan memperhatikan bagaimana akibat yang menimpa orang-orang (kafir) yang terdahulu dari mereka? Mereka adalah lebih hebat dari mereka dari segi kekuatan dan kesan-kesan peninggalan mereka di bumi. Allah telah membinasakan mereka dengan sebab dosa-dosa mereka dan tiada siapa pun yang dapat melindungkan mereka dari 'azab Allah (21). Balasan itu disebabkan kerana mereka telah didatangi rasul-rasul mereka membawa bukti-bukti yang jelas tetapi mereka mengingkarkannya, lalu Allah binasakan mereka. Sesungguhnya Dia Maha Kuat dan amat berat balasan-Nya."(22)

Inilah jambatan yang menghubungkan di antara kisah Musa a.s. dengan maudhu' surah sebelumnya yang menyebut kisah orang-orang Musyrikin Arab yang menyangkal ayat-ayat Allah supaya mereka mengambil iktibar dari sejarah umat-umat sebelum mereka. Di sini Al-Qur'an menyuruh mereka supaya menjelajah di muka bumi dan melihat kebinasaan-kebinasaan yang menimpa umat-umat yang dahulukala yang sependirian dengan mereka, sedangkan umat-umat itu lebih hebat dari mereka dari segi kekuatan dan kesan-kesan pembangunan mereka di bumi, namun demikian mereka semuanya lemah dalam menghadapi malapetaka yang ditimpakan Allah ke atas mereka. Dosa-dosa mereka telah menyebabkan mereka tersisih dari punca

kekuatan yang sebenar dan menyebabkan mereka dimusuhi oleh kekuatan-kekuatan iman yang lain bersama-sama dengan kekuatan Allah Yang Maha Perkasa dan Maha Gagah:

فَأَخَذَهُمُ ٱللَّهُ بِذُنُوبِهِمْ وَمَا كَانَ لَهُم مِّنَ ٱللَّهِ مِن وَاقٍ ﴿٢١﴾

"Allah telah membinasakan mereka dengan sebab dosa-dosa mereka dan tiada siapa pun yang dapat melindungkan mereka dari 'azab Allah."(21)

Tiada yang dapat memberi perlindungan kepada mereka melainkan keimanan, amalan yang soleh dan berdiri di barisan iman, kebenaran dan kebaikan. Perbuatan mendustakan rasul-rasul dan keterangan-keterangan Ilahi yang jelas akan membawa kepada kehancuran dan balasan keseksaan:

ذَٰلِكَ بِأَنَّهُمْ كَانَت تَّأْتِيهِمْ رُسُلُهُم بِٱلْبَيِّنَٰتِ فَكَفَرُوا۟ فَأَخَذَهُمُ ٱللَّهُ ۚ إِنَّهُۥ قَوِىٌّ شَدِيدُ ٱلْعِقَابِ ﴿٢٢﴾

"Balasan itu disebabkan kerana mereka telah didatangi rasul-rasul mereka membawa bukti-bukti yang jelas tetapi mereka ingkarkannya, lalu Allah binasakan mereka. Sesungguhnya Dia Maha Kuat dan amat berat balasan-Nya."(22)

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 23 - 24)

Setelah mengemukakan intisari umum, Al-Qur'an mula membentangkan satu contoh dari umat-umat yang terdahulu yang lebih hebat dari mereka dari segi kekuatan dan kesan-kesan pembangunan mereka di dunia. Mereka telah dibinasakan Allah dengan sebab dosa-dosa mereka. Mereka ialah Fir'aun, Qarun dan Haman dan tokoh-tokoh pelampau yang lain yang ada bersama mereka.

Babak kisah Musa a.s. ini terbahagi kepada beberapa situasi dan pemandangan. Ia dimulakan dengan situasi membentangkan kerasulan Musa kepada Fir'aun dan para pembesarnya dan berakhir di negeri Akhirat, di mana mereka berbantah-bantah di dalam Neraka. Inilah satu penjelajahan yang jauh, tetapi Al-Qur'an hanya memilih beberapa petikan yang tertentu dari penjelajahan ini iaitu petikan-petikan yang memenuhi tujuan dari pembentangan babak ini di dalam surah ini:

وَلَقَدْ أَرْسَلْنَا مُوسَىٰ بِـَٔايَٰتِنَا وَسُلْطَٰنٍ مُّبِينٍ ﴿٢٣﴾ إِلَىٰ فِرْعَوْنَ وَهَٰمَٰنَ وَقَٰرُونَ فَقَالُوا۟ سَٰحِرٌ كَذَّابٌ ﴿٢٤﴾

"Sesungguhnya Kami telah utuskan Musa membawa ayat-ayat Kami dan hajat yang amat jelas (23). Kepada Fir'aun, Haman dan Qarun lalu mereka berkata: Dia seorang tukang sihir yang pendusta."(24)

Inilah situasi pertemuan pertama antara Musa yang membawa ayat-ayat Allah dan kekuatan kebenaran yang ada di dalam tangannya dengan Fir'aun, Haman dan Qarun yang membawa kebatilan yang palsu, kekuatan mereka yang lahir dan kedudukan mereka yang ditakuti mereka dari menghadapi kebenaran yang mempunyai kekuatan, dan pada waktu inilah mereka menggunakan perdebatan dengan alasan-alasan yang batil untuk menghapuskan kebenaran. Lalu mereka berkata:

"Dia seorang tukang sihir yang pendusta."(24)

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 25 - 27)

Kemuncak Penentangan Fir'aun Terhadap Musa

Kemudian Al-Qur'an mengintisarikan perincian cerita selepas perdebatan itu dan menggulungkan situasi perlawanan Musa dengan tukang-tukang sihir yang akhirnya beriman kepada kebenaran yang mengalahkan kebatilan mereka dan menelan ular-ular palsu mereka. Kemudahan Al-Qur'an menayangkan situasi yang belum selepas peristiwa-peristiwa:

فَلَمَّا جَآءَهُم بِٱلْحَقِّ مِنْ عِندِنَا قَالُوا۟ ٱقْتُلُوٓا۟ أَبْنَآءَ ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ مَعَهُۥ وَٱسْتَحْيُوا۟ نِسَآءَهُمْ ۚ

"Dan apabila dia membawa kepada mereka kebenaran dari sisi kami, mereka pun berkata: Bunuhlah anak-anak lelaki orang-orang yang beriman yang ada bersamanya dan biarkan anak-anak perempuan mereka sahaja yang hidup."(25)

Sebelum disempurnakan ayat ini diiringi dengan pernyataan:

وَمَا كَيْدُ ٱلْكَٰفِرِينَ إِلَّا فِى ضَلَٰلٍ ﴿٢٥﴾

"Dan tiada tipu daya orang-orang yang kafir itu melainkan berada dalam kegagalan."(25)

Itulah logik kezaliman atau keterlaluan yang amat kasar apabila ia gagal mendapat hujah dan lemah mengemukakan alasan yang betul dan takut dikalahkan oleh kebenaran, kerana kebenaran amat kuat, jelas dan terang. Apabila kebenaran berbicara dengan fitrah manusia, maka ia didengar dan disambut oleh fitrah sebagaimana sambutan tukang-tukang sihir yang didatangkan oleh Fir'aun untuk mengalahkan Musa dan kekuatan-kekuatan yang ada padanya, lalu mereka terbalik menjadi orang-orang yang pertama beriman kepada kebenaran untuk menghadapi Fir'aun yang bermaharajalela.

Adapun Fir'aun, Haman dan Qarun mereka telah berkata:

ٱقْتُلُوٓا۟ أَبْنَآءَ ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ مَعَهُۥ وَٱسْتَحْيُوا۟ نِسَآءَهُمْ ۚ

"Bunuhlah anak-anak lelaki orang-orang yang beriman yang ada bersamanya dan biarkan anak-anak perempuan mereka sahaja yang hidup."(25)

Perintah yang seumpama ini telah dikeluarkan oleh Fir'aun yang hidup pada masa kelahiran Musa a.s. Di sana ada dua kemungkinan dalam kejadian yang telah berlaku selepas dikeluarkan perintah yang pertama itu. Kemungkinan pertama, Fir'aun yang mengeluarkan perintah itu telah pun mati lalu digantikan oleh puteranya atau Tengku Mahkotanya, sedangkan perintah itu tidak pernah dijalankan di zaman pemerintahan yang baru itu sehingga muncul Nabi Musa a.s. dan berdepan dengan Fir'aun yang baru itu, yang memang mengenali Musa semasa baginda menjadi Tengku Mahkota. Baginda tahu Musa dididik di dalam istana dan baginda memang tahu mengenai perintah pertama supaya dibunuh anak-anak lelaki Bani Israel dan dibiarkan anak-anak perempuan mereka sahaja yang hidup. Pembesar-pembesar Fir'aunlah yang menyebutkan kembali perintah itu dan merekalah yang menyarankan supaya perintah itu dilakukan khusus terhadap orang-orang yang beriman kepada Musa sama ada mereka dari kumpulan ahli-ahli sihir (yang berpaling tadah) itu atau dari segelintir Bani Israel yang menyambut da'wahnya dalam keadaan takut kepada Fir'aun dan pembesar-pembesarnya. Kemungkinan yang kedua, Fir'aun itu ialah Fir'aun yang pertama yang telah mengambil Musa selaku anak angkatnya yang masih bersemayam di atas takhtanya, di mana pelaksanaan perintah yang pertama itu telah dilonggarkan selepas beberapa waktu atau telah dihentikan pelaksanaannya selepas ancaman yang ditakutinya itu tidak ada lagi, kemudian pembesar-pembesar baginda telah mengesyorkan kepadanya supaya perintah itu dibaharui semula dan dikhususkan terhadap orang-orang yang beriman kepada Musa sahaja untuk menakutkan mereka.

Tetapi Fir'aun sendiri nampaknya mempunyai satu fikiran yang lain atau satu cadangan tambahan semasa merancangkan komplot itu iaitu baginda mahu membunuh Musa sendiri. Dengan ini baharulah baginda dapat beristirehat:

وَقَالَ فِرْعَوْنُ ذَرُونِىٓ أَقْتُلْ مُوسَىٰ وَلْيَدْعُ رَبَّهُۥٓ ۖ إِنِّىٓ أَخَافُ أَن يُبَدِّلَ دِينَكُمْ أَوْ أَن يُظْهِرَ فِى ٱلْأَرْضِ ٱلْفَسَادَ ﴿٢٦﴾

"Dan Fir'aun berkata: Biarkanlah aku sendiri membunuh Musa dan biarlah dia memohon (pertolongan) dari Tuhannya. Kerana sesungguhnya aku takut dia akan menukarkan agama kamu atau menimbulkan kerosakan (huru-hara) di bumi."(26)

Dari perkataan baginda: **"Biarkanlah aku sendiri membunuh Musa"**(ذروني أقتل موسى) ... nampaknya fikiran baginda itu telah mendapat tentangan - dari segi cadangan atau bangkangan seolah-olah ada orang yang berkata: Bahawa pembunuhan Musa tidak menyelesaikan masalah. Ia mungkin menyebabkan orang ramai memandang suci kepadanya dan menganggapkannya sebagai orang yang mati syahid, dan ini menambahkan keghairahan mereka kepada Musa dan kepada agama yang dibawa olehnya terutama selepas kumpulan tukang-tukang sihir beriman kepadanya di hadapan khalayak ramai setelah mereka menerangkan sebab-sebab keimanan mereka, sedangkan dahulunya mereka khusus dibawa untuk mengalah dan menentang Musa a.s. Dan mungkin juga setengah-setengah penasihat-penasihat Fir'aun itu merasa takut bahawa Tuhan Musa akan menuntut bela terhadap mereka dengan mengazabkan mereka. Kemungkinan ini tidak jauh kerana penganut-penganut paganisme itu percaya kepada adanya banyak tuhan dan dengan mudah mereka berfikir bahawa Tuhan Musa akan menuntut bela terhadap orang-orang yang mencerobohinya dan jadilah perkataan Fir'aun: *"Biarlah dia memohon (pertolongan) dari Tuhannya"* (وليدع ربه).

Itu sebagai jawapan atas kebimbangan mereka walaupun kemungkinan tidak jauh bahawa perkataan Fir'aun yang biadab ini adalah diucapkan dengan maksud menyatakan kesombongan dan kemaharajalelaan, iaitu satu perbuatan yang menyebabkan baginda pada akhirnya menerima balasannya sebagaimana akan diterangkan kelak.

Mungkin juga ganjil apabila kita memperhatikan alasan Fir'aun yang hendak membunuh Musa itu:

إِنِّىٓ أَخَافُ أَن يُبَدِّلَ دِينَكُمْ أَوْ أَن يُظْهِرَ فِى ٱلْأَرْضِ ٱلْفَسَادَ ﴿٢٦﴾

"Kerana sesungguhnya aku takut dia akan menukarkan agama kamu atau menimbulkan kerosakan (huru-hara) di bumi."(26)

Adakah di sana ada perkataan yang lebih aneh dari perkataan Fir'aun penyembah berhala yang sesat terhadap Musa a.s.:

إِنِّىٓ أَخَافُ أَن يُبَدِّلَ دِينَكُمْ أَوْ أَن يُظْهِرَ فِى ٱلْأَرْضِ ٱلْفَسَادَ ﴿٢٦﴾

"Kerana sesungguhnya aku takut dia akan menukarkan agama kamu atau menimbulkan kerosakan (huru-hara) di bumi."(26)

Tidakkah perkataan ini merupakan satu perkataan yang diucapkan oleh setiap pemerintah yang zalim dan perosak terhadap setiap penda'wah yang memperjuangkan islah? Tidakkah perkataan ini merupakan kebatilan yang menentang kebenaran? Tidakkah perkataan ini merupakan perkataan penipuan untuk menghasut orang ramai menentang keimanan yang tenang?

Ia merupakan satu logik yang sama, yang berulang-ulang setiap kali kebenaran bertembung dengan

kebatilan, keimanan bertembung dengan kekufuran, kebaikan bertembung dengan kezaliman di sepanjang zaman dan di setiap tempat. Ia merupakan satu kisah lama yang berulang-ulang yang berlaku dari satu masa ke satu masa.

Tetapi Musa telah berlindung pada tempat yang amat kukuh dan pada benteng yang amat kuat iaitu beliau berlindung pada Allah yang melindungi sekalian orang yang mencari perlindungan:

وَقَالَ مُوسَىٰٓ إِنِّي عُذۡتُ بِرَبِّي وَرَبِّكُم مِّن كُلِّ مُتَكَبِّرٖ لَّا يُؤۡمِنُ بِيَوۡمِ ٱلۡحِسَابِ ٢٧

"Dan Musa berkata: Sesungguhnya aku berlindung pada Tuhanku dan Tuhan kamu dari setiap orang yang takbur yang tidak percaya kepada Hari Hisab."(27)

Musa berkata dengan tenang dan menyerahkan urusan-Nya kepada Allah yang menguasai setiap manusia yang takbur, menguasai setiap yang zalim dan Yang Maha Kuasa melindungi sekalian orang yang berlindung pada-Nya dari kejahatan sekalian manusia yang angkuh. Beliau telah menyebut sifat Wahdaniyah Allah Tuhannya dan Tuhan mereka yang tidak pernah dilupakan-Nya dan tidak pernah diabaikan-Nya ketika menghadapi ancaman dan ugutan. Beliau juga telah menyebut sifat Fir'aun yang tidak percaya kepada Hari Hisab, kerana tidak ada orang yang berlagak takbur jika ia percaya kepada Hari Hisab, di mana dia akan melihat dirinya pada hari itu berada dalam keadaan yang hina-dina, khusyu' dan rendah diri, tidak mempunyai sebarang kekuatan, sebarang teman dan sebarang penolong yang dapat memberi syafa'at kepadanya.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 28 - 35)

Pembelaan Terhadap Musa Dari Seorang Keluarga Fir'aun

Di sini tampillah seorang lelaki dari keluarga Fir'aun, seorang yang telah menerima kebenaran dalam hatinya, tetapi dia telah menyembunyikan keimanannya. Ia tampil ke muka membela Musa dari Fir'aun dan kaumnya. Dia berbicara dengan Fir'aun dan pembesar-pembesarnya dari berbagai-bagai segi. Dia memberi nasihat secara halus kepada hati mereka dan merangsangkan kepekaannya dengan pernyataan-pernyataan yang menakut dan meyakinkan mereka:

وَقَالَ رَجُلٞ مُّؤۡمِنٞ مِّنۡ ءَالِ فِرۡعَوۡنَ يَكۡتُمُ إِيمَٰنَهُۥٓ أَتَقۡتُلُونَ رَجُلًا أَن يَقُولَ رَبِّيَ ٱللَّهُ وَقَدۡ جَآءَكُم بِٱلۡبَيِّنَٰتِ مِن رَّبِّكُمۡۖ وَإِن يَكُ كَٰذِبٗا فَعَلَيۡهِ كَذِبُهُۥۖ وَإِن يَكُ صَادِقٗا يُصِبۡكُم بَعۡضُ ٱلَّذِي يَعِدُكُمۡۖ إِنَّ ٱللَّهَ لَا يَهۡدِي مَنۡ هُوَ مُسۡرِفٞ كَذَّابٞ ٢٨

يَٰقَوۡمِ لَكُمُ ٱلۡمُلۡكُ ٱلۡيَوۡمَ ظَٰهِرِينَ فِي ٱلۡأَرۡضِ فَمَن يَنصُرُنَا مِنۢ بَأۡسِ ٱللَّهِ إِن جَآءَنَاۚ قَالَ فِرۡعَوۡنُ مَآ أُرِيكُمۡ إِلَّا مَآ أَرَىٰ وَمَآ أَهۡدِيكُمۡ إِلَّا سَبِيلَ ٱلرَّشَادِ ٢٩

وَقَالَ ٱلَّذِيٓ ءَامَنَ يَٰقَوۡمِ إِنِّيٓ أَخَافُ عَلَيۡكُم مِّثۡلَ يَوۡمِ ٱلۡأَحۡزَابِ ٣٠

مِثۡلَ دَأۡبِ قَوۡمِ نُوحٖ وَعَادٖ وَثَمُودَ وَٱلَّذِينَ مِنۢ بَعۡدِهِمۡۚ وَمَا ٱللَّهُ يُرِيدُ ظُلۡمٗا لِّلۡعِبَادِ ٣١

وَيَٰقَوۡمِ إِنِّيٓ أَخَافُ عَلَيۡكُمۡ يَوۡمَ ٱلتَّنَادِ ٣٢

يَوۡمَ تُوَلُّونَ مُدۡبِرِينَ مَا لَكُم مِّنَ ٱللَّهِ مِنۡ عَاصِمٖۗ وَمَن يُضۡلِلِ ٱللَّهُ فَمَا لَهُۥ مِنۡ هَادٖ ٣٣

وَلَقَدۡ جَآءَكُمۡ يُوسُفُ مِن قَبۡلُ بِٱلۡبَيِّنَٰتِ فَمَا زِلۡتُمۡ فِي شَكّٖ مِّمَّا جَآءَكُم بِهِۦۖ حَتَّىٰٓ إِذَا هَلَكَ قُلۡتُمۡ لَن يَبۡعَثَ ٱللَّهُ مِنۢ بَعۡدِهِۦ رَسُولٗاۚ كَذَٰلِكَ يُضِلُّ ٱللَّهُ مَنۡ هُوَ مُسۡرِفٞ مُّرۡتَابٌ ٣٤

ٱلَّذِينَ يُجَٰدِلُونَ فِيٓ ءَايَٰتِ ٱللَّهِ بِغَيۡرِ سُلۡطَٰنٍ أَتَىٰهُمۡۖ كَبُرَ مَقۡتًا عِندَ ٱللَّهِ وَعِندَ ٱلَّذِينَ ءَامَنُواْۚ كَذَٰلِكَ يَطۡبَعُ ٱللَّهُ عَلَىٰ كُلِّ قَلۡبِ مُتَكَبِّرٖ جَبَّارٖ ٣٥

"Lalu berkatalah seorang lelaki Mu'min dari keluarga Fir'aun yang menyembunyikan keimanannya. Apakah kamu hendak membunuh seorang yang berkata: Allah itu Tuhanku sedangkan dia telah membawa kepada kamu keterangan yang jelas dari Tuhan kamu. Jika dia bohong, maka dialah yang akan menanggung akibat pembohongannya dan jika dia benar nescaya kamu akan ditimpa sebahagian 'azab yang diancamkannya kepada kamu. Sesungguhnya Allah tidak

memberi hidayat kepada orang-orang yang pelampau lagi pendusta (28). Wahai kaumku! Kamulah yang memiliki kerajaan (Mesir) pada hari ini, kamulah yang terkemuka di dunia ini, tetapi siapakah yang dapat menolong kita dari 'azab Allah jika 'azab itu menimpa kita? Jawab Fir'aun: Aku tidak kemukakan fikiranku melainkan apa yang aku pandang baik dan aku tidak tunjukkan kepada kamu melainkan jalan yang benar (29). Lalu berkatalah lelaki yang beriman itu: Wahai kaumku! Aku takut kamu akan ditimpakan malapetaka seperti hari malapetaka yang menimpa golongan-golongan (yang menentang rasul) (30). Seperti keadaan kaum Nuh, 'Ad dan Thamud dan orang-orang selepas mereka. Dan Allah tidak sekali-kali berkehendak melakukan kezaliman terhadap hamba-hamba-Nya (31). Wahai kaumku! Aku takut kamu ditimpa 'azab pada hari (Qiamat) yang penuh dengan seruan (meminta pertolongan) (32). Iaitu pada hari kamu berpaling ke belakang melarikan diri, sedangkan tiada siapa yang dapat melindungkan kamu dari 'azab Allah. Dan barang siapa yang disesatkan Allah, maka tiada siapa lagi yang dapat memberi hidayat kepada-Nya (33). Dan sesungguhnya sebelum ini Yusuf telah datang kepada kamu membawa keterangan-keterangan yang jelas, tetapi kamu masih berada di dalam keraguan terhadap ajaran yang dibawa olehnya kepada kamu, sehingga apabila dia wafat, kamu telah berkata: Allah tidak akan membangkitkan lagi seorang rasul selepasnya. Demikianlah Allah, menyesatkan orang-orang yang pelampau dan ragu-ragu (34). Iaitu orang-orang yang menyangkal ayat-ayat Allah tanpa sebarang alasan yang sampai kepada mereka. Amat besarlah kemurkaan di sisi Allah dan di sisi orang-orang yang beriman. Demikianlah Allah menutupkan setiap hati yang takbur dan sewenang-wenang."(35)

Itulah satu pengembaraan yang amat hebat yang ditempuh, oleh lelaki Mu'min bersama-sama Fir'aun dan pembesar-pembesarnya yang sedang mengatur komplot terhadap Musa dan apa yang dikemukakannya merupakan logik fitrah seorang Mu'min yang dinyatakan dengan hati-hati, pintar dan kuat. Mula-mula ia mengecam rancangan jahat yang hendak dilaksanakan mereka: **"Apakah kamu hendak membunuh seorang yang berkata: Allah itu Tuhanku "**(أتقتلون رجلاً أن يقول ربي الله).

Apakah perkataan yang jujur ini yang ada hubungan dengan kepercayaan dan keyakinan seseorang ini wajar dihukum bunuh atau ditentang dengan mencabutkan nyawanya? Ini adalah satu gambaran-gambaran perbuatan yang amat keji yang begitu jelas keburukannya.

Kemudian dia membawa mereka maju setapak lagi iaitu orang yang mengeluarkan perkataan yang jujur itu: **"Allah itu Tuhanku"**(ربي الله) adalah mempunyai alasan dan dalilnya yang kuat:

وَإِن يَكُ كَٰذِبًا فَعَلَيۡهِ كَذِبُهُۥ

"Dia telah membawa kepada kamu keterangan yang jelas dari Tuhan kamu."(28)

Lelaki itu mengisyaratkan kepada bukti-bukti yang telah dikemukakan oleh Musa a.s. dan dilihat sendiri oleh mereka, sedangkan bukti-bukti ini jika difikir secara persendirian dan jauh dari orang ramai adalah bukti-bukti yang sukar dipertikaikan oleh mereka.

Kemudian lelaki ini membuat andaian yang seburuk-buruknya dan memperlihatkan sikapnya yang adil terhadap persoalan itu sesuai dengan setinggi-tinggi andaian yang mungkin diambil mereka:

وَإِن يَكُ كَٰذِبًا فَعَلَيۡهِ كَذِبُهُۥ

"Jika Musa itu bohong maka dialah yang akan menanggung akibat bohongnya."(28)

Yakni dialah yang akan bertanggungjawab terhadap perbuatannya, menerima balasannya dan menanggung dosanya. Dan ini bukannya boleh dijadikan alasan untuk mereka membunuhnya.

Di sana ada lagi satu kemungkinan iaitu jika Musa benar, maka eloklah kemungkinan itu diperhitungkan dengan sebaik-baiknya supaya mereka tidak menerima akibatnya:

وَإِن يَكُ صَادِقًا يُصِبۡكُم بَعۡضُ ٱلَّذِي يَعِدُكُمۡ

"Dan jika dia benar nescaya kamu akan ditimpa sebahagian 'azab yang diancamkannya kepada kamu."(28)

Kemungkinan mereka ditimpa sebahagian 'azab yang diancamkan kepada mereka itu merupakan sekurang-kurang kemungkinan dan dia tidak menuntut dari mereka lebih dari itu. Inilah kemuncak keadilan dalam sesuatu perdebatan.

Kemudian dia mengancam mereka secara halus. Apabila dia mengeluarkan satu pendapat yang melibatkan Musa di samping melibatkan mereka juga iaitu:

إِنَّ ٱللَّهَ لَا يَهۡدِي مَنۡ هُوَ مُسۡرِفٞ كَذَّابٞ ٢٨

"Sesungguhnya Allah tidak memberi hidayat kepada orang-orang yang pelampau lagi pendusta."(28)

Jika si pelampau yang pendusta itu Musa, maka sudah tentu Allah tidak akan memberi hidayat dan taufiq kepadanya, oleh itu biarkanlah dia menerima balasannya, tetapi hendaklah kamu berhati-hati dari mendustakan Musa dan bertindak keterlaluan terhadapnya supaya kamu tidak ditimpa balasan seperti ini.

Ketika dia menghubungkan mereka kepada tindakan Allah terhadap mereka yang pelampau dan pendusta itu, dia mengugut mereka dengan balasan Allah dan 'azab-Nya yang tidak dapat diselamatkan darinya oleh kerajaan dan kekuasaan yang ada pada mereka. Dia menyebut ni'mat ini kepada mereka supaya mereka bersyukur bukannya ingkar:

يَٰقَوۡمِ لَكُمُ ٱلۡمُلۡكُ ٱلۡيَوۡمَ ظَٰهِرِينَ فِي ٱلۡأَرۡضِ فَمَن يَنصُرُنَا مِنۢ بَأۡسِ ٱللَّهِ إِن جَآءَنَا

"Wahai kaumku! Kamulah yang memiliki kerajaan (Mesir) pada hari ini dan kamulah yang terkemuka di negeri ini, tetapi siapakah yang dapat menolong kita dari 'azab Allah jika 'azab itu menimpa kita?"(29)

Lelaki Mu'min itu merasakan perasaan yang dirasakan oleh hati yang Mu'min iaitu 'azab balasan Allah lebih dekat kepada orang-orang yang memegang kuasa memerintah di muka bumi ini. Merekalah orang-orang yang paling wajar takutkan Allah, paling wajar bertaqwa kepada-Nya, paling wajar menaruh kebimbangan kepada-Nya, kerana Allah mengawasi mereka setiap waktu malam dan siang. Kerana itu dia mengingatkan mereka dengan kekuasaan pemerintahan mereka ketika dia menyebut pandangan yang tersemat di dalam mata hatinya ini, kemudian dia libatkan dirinya bersama mereka ketika mengingatkan mereka dengan balasan 'azab Allah:

فَمَن يَنصُرُنَا مِنۢ بَأۡسِ ٱللَّهِ إِن جَآءَنَاۚ

"Siapakah yang dapat menolong kita dari 'azab Allah jika 'azab itu menimpa kita?"(29)

Kata-kata ini untuk menyedarkan mereka bahawa segala langkah mereka adalah penting baginya, kerana dia adalah salah seorang dari mereka yang turut menunggu nasibnya bersama mereka. Jadi, dia hanya seorang penasihat sahaja yang merasa bimbang terhadap mereka, semoga ini dapat mendorong mereka memberi perhatian yang berat kepada amaran dan peringatannya dan supaya mereka memandang amarannya itu dengan hati yang suci dan ikhlas. Dia cuba menyedarkan mereka bahawa tiada siapa yang dapat menolong dan membimbing dari 'azab Allah jika ia menimpa mereka, seluruh mereka terlalu lemah untuk menolakkannya.

Di sini Fir'aun merasa tersinggung sama seperti tersinggungnya setiap pemerintah yang zalim apabila diberi nasihat kepadanya. Baginda merasa bangga dengan dosanya. Baginda memandang nasihat yang ikhlas itu sebagai mencabar kuasanya dan mengecilkan pengaruhnya dan sebagai perbuatan hendak berkongsi kuasa dan pengaruh dengannya.

قَالَ فِرۡعَوۡنُ مَآ أُرِيكُمۡ إِلَّا مَآ أَرَىٰ وَمَآ أَهۡدِيكُمۡ إِلَّا سَبِيلَ ٱلرَّشَادِ ٢٩

"Jawab Fir'aun: Aku tidak kemukakan fikiranku melainkan apa yang aku pandang baik dan aku tidak tunjukkan kepada kamu melainkan jalan yang benar."(29)

Aku tidak mencadangkan kepada kamu melainkan sesuatu yang aku pandang betul dan menganggapnya berguna. Cadanganku itu tidak syak lagi betul, baik dan tidak dapat dipertikaikan lagi. Apakah betul pemerintah-pemerintah yang zalim itu tidak memikirkan melainkan sesuatu yang baik dan betul? Apakah mereka boleh membenarkan jika ada orang lain memandang mereka telah membuat kesilapan? Apakah mereka membenarkan orang lain memberi fikiran yang lain di samping fikirannya? Jika jawapannya ya, mengapa mereka digelarkan pemerintah yang zalim?

Tetapi lelaki yang Mu'min itu tidak berpendapat demikian. Dia merasa berkewajipan mengingat, memberi nasihat dan mengeluarkan pendapatnya. Ia merasa berkewajipan berdiri di sebelah, kebenaran yang diyakini olehnya walaupun bertentangan dengan pendapat pemerintah-pemerintah yang zalim, kemudian dia mengetuk hati mereka dengan satu pernyataan lain semoga hati itu sedar, terharu dan lembut, ia mengetuk hati mereka dengan menarik perhatiannya kepada akibat-akibat kebinasaan yang menimpa golongan-golongan yang menentang rasul-rasul sebelum mereka. Peristiwa-peristiwa itu merupakan saksi yang melihat bagaimana dahsyatnya Allah membinasakan pendusta-pendusta dan pelampau-pelampau:

وَقَالَ ٱلَّذِيٓ ءَامَنَ يَٰقَوۡمِ إِنِّيٓ أَخَافُ عَلَيۡكُم مِّثۡلَ يَوۡمِ ٱلۡأَحۡزَابِ ٣٠

مِثۡلَ دَأۡبِ قَوۡمِ نُوحٖ وَعَادٖ وَثَمُودَ وَٱلَّذِينَ مِنۢ بَعۡدِهِمۡۚ وَمَا ٱللَّهُ يُرِيدُ ظُلۡمٗا لِّلۡعِبَادِ ٣١

"Lalu berkatalah lelaki yang beriman itu: Wahai kaumku! Aku takut kamu akan ditimpakan malapetaka seperti hari malapetaka yang menimpa golongan-golongan (yang menentang rasul) (30). Seperti keadaan kaum Nuh, 'Ad dan Thamud dan orang-orang selepas mereka. Dan Allah tidak sekali-kali berkehendak melakukan kezaliman terhadap hamba-hamba-Nya."(31)

Setiap golongan itu ada hari kebinasaannya masing-masing, tetapi lelaki yang Mu'min itu mengumpulkan hari-hari itu dalam satu hari sahaja:

مِّثۡلَ يَوۡمِ ٱلۡأَحۡزَابِ ٣٠

"Seperti hari malapetaka yang menimpa golongan-golongan yang menentang rasul-rasul."(30)

Itulah hari yang dapat dilihat dengan jelas betapa dahsyatnya balasan 'azab Allah. Itulah hari yang sama dari segi sifatnya yang berlaku ke atas golongan-golongan penentang rasul.

وَمَا ٱللَّهُ يُرِيدُ ظُلۡمٗا لِّلۡعِبَادِ ٣١

"Dan Allah tidak sekali-kali berkehendak melakukan kezaliman terhadap hamba-hamba-Nya."(31)

Allah membinasakan mereka dengan sebab dosa-dosa mereka dan membetulkan umat-umat di sekeliling mereka dan umat-umat yang kemudian dari mereka dengan menimpakan hari-hari 'azab Allah ke atas mereka.

Kemudian sekali lagi lelaki Mu'min itu mengetuk hati dengan mengingatkan mereka dengan Hari Qiamat yang penuh dengan seruan:

يَوْمَ تُوَلُّونَ مُدْبِرِينَ مَا لَكُم مِّنَ ٱللَّهِ مِنْ عَاصِمٍ ۗ وَمَن يُضْلِلِ ٱللَّهُ فَمَا لَهُۥ مِنْ هَادٍ ﴿٣٣﴾

"Wahai kaumku! Aku takut kamu ditimpa 'azab pada Hari (Qiamat) yang penuh dengan seruan (32). Iaitu pada hari kamu berpaling ke belakang melarikan diri, sedangkan tiada siapa yang dapat melindungkan kamu dari 'azab Allah. Dan barang siapa yang disesatkan Allah, maka tiada siapa lagi yang dapat memberi hidayat kepada-Nya."(33)

Pada hari itu para malaikat yang mengumpulkan manusia di padang Mahsyar itu berseru, dan Ashabul-A'raaf (أصحاب الأعراف) juga menyeru penghuni Syurga dan penghuni-penghuni Neraka. Sementara penghuni-penghuni Syurga menyeru penghuni-penghuni Neraka, dan penghuni-penghuni Neraka pula menyeru penghuni-penghuni Syurga. Hari itu penuh dengan seruan dalam berbagai-bagai bentuk. Penamaan hari Qiamat dengan:

يَوْمَ ٱلتَّنَادِ ﴿٣٢﴾

"Hari yang penuh dengan seruan"(32)

itu membayangkan suasana hari itu riuh rendah, hiruk-pikuk dengan suara-suara pekikan di sana sini, dan menggambarkan hari yang penuh dengan kesesakan dan pertengkaran. Ia juga sesuai dengan perkataan lelaki yang beriman itu:

يَوْمَ تُوَلُّونَ مُدْبِرِينَ مَا لَكُم مِّنَ ٱللَّهِ مِنْ عَاصِمٍ ۗ

"Iaitu pada hari kamu berpaling ke belakang melarikan diri, sedangkan tiada siapa yang dapat melindungkan kamu dari 'azab Allah."(33)

Yakni mereka mungkin lari atau cuba melarikan diri dari kedahsyatan 'azab Neraka, tetapi pada hari itu tiada siapapun yang dapat memberi perlindungan dan hari itu bukanlah masa yang boleh melarikan diri. Gambaran ketakutan, kecemasan dan gambaran lari itu merupakan gambaran utama di sini bagi kumpulan manusia-manusia angkuh dan sewenang-wenang di bumi yang memegang pangkat kebesaran dan kuasa pemerintahan!

وَمَن يُضْلِلِ ٱللَّهُ فَمَا لَهُۥ مِنْ هَادٍ ﴿٣٣﴾

"Barang siapa yang disesatkan Allah, maka tiada siapa lagi yang dapat memberi hidayat kepadanya."(33)

Mungkin ayat ini mengandungi sindiran yang halus kepada perkataan Fir'aun:

وَمَآ أَهْدِيكُمْ إِلَّا سَبِيلَ ٱلرَّشَادِ ﴿٢٩﴾

"Aku tidak tunjukkan kepada kamu melainkan jalan yang benar."(29)

Dan memberi isyarat bahawa hidayat yang sebenar ialah hidayat Allah dan barang siapa yang disesatkan Allah, maka tiada siapa lagi yang dapat memberi hidayat kepadanya, dan Allah mengetahui seluruh keadaan dan hakikat manusia yang wajar menerima hidayat dan yang wajar menerima kesesatan.

Pada akhirnya lelaki yang Mu'min itu mengingatkan sikap mereka terhadap Nabi Yusuf a.s. dan di antara zuriatnya ialah Nabi Musa a.s. Dia menerangkan bagaimana mereka meragui kerasulan Yusuf dan pengajaran-pengajaran yang dibawa oleh beliau supaya mereka tidak mengulangi pendirian itu terhadap Musa a.s. yang membenarkan apa yang dibawa oleh Yusuf a.s. sedangkan mereka telah meragui kebenaran Musa a.s. Dan seterusnya lelaki itu mendustakan anggapan mereka bahawa Allah tidak akan membangkitkan rasul yang lain selepas Nabi Yusuf, sedangkan inilah Nabi Musa a.s. seorang rasul yang dibangkitkan selepas Nabi Yusuf a.s. yang mendustakan anggapan ini:

وَلَقَدْ جَآءَكُمْ يُوسُفُ مِن قَبْلُ بِٱلْبَيِّنَٰتِ فَمَا زِلْتُمْ فِى شَكٍّ مِّمَّا جَآءَكُم بِهِۦ ۖ حَتَّىٰٓ إِذَا هَلَكَ قُلْتُمْ لَن يَبْعَثَ ٱللَّهُ مِنۢ بَعْدِهِۦ رَسُولًا ۚ كَذَٰلِكَ يُضِلُّ ٱللَّهُ مَنْ هُوَ مُسْرِفٌ مُّرْتَابٌ ﴿٣٤﴾ ٱلَّذِينَ يُجَٰدِلُونَ فِىٓ ءَايَٰتِ ٱللَّهِ بِغَيْرِ سُلْطَٰنٍ أَتَىٰهُمْ ۖ كَبُرَ مَقْتًا عِندَ ٱللَّهِ وَعِندَ ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ ۚ كَذَٰلِكَ يَطْبَعُ ٱللَّهُ عَلَىٰ كُلِّ قَلْبِ مُتَكَبِّرٍ جَبَّارٍ ﴿٣٥﴾

"Dan sesungguhnya sebelum ini Yusuf telah datang kepada kamu membawa keterangan-keterangan yang jelas, tetapi kamu masih berada di dalam keraguan terhadap ajaran yang dibawa olehnya kepada kamu, sehingga apabila dia wafat, kamu telah berkata: Allah tidak akan membangkitkan lagi seorang rasul selepasnya. Demikianlah Allah menyesatkan orang-orang yang pelampau dan ragu-ragu (34). Iaitu orang-orang yang menyangkal ayat-ayat Allah tanpa sebarang alasan yang sampai kepada mereka. Amat besarlah kemurkaan di sisi Allah dan di sisi orang-orang yang beriman. Demikianlah Allah menutupkan setiap hati yang takbur dan sewenang-wenang."(35)

Inilah kali pertama di dalam Al-Qur'an di mana disebutkan tentang kerasulan Yusuf a.s. yang diutuskan kepada penduduk Mesir. Kita telah pun mengetahui dari Surah Yusuf bahawa beliau telah sampai ke jawatan pengarah perbendaharaan negeri Mesir dan beliau telah pun mendapat gelaran "Aziz Mesir" (عزيز مصر) iaitu gelaran yang diberikan kepada Perdana Menteri Mesir (pada masa itu). Di dalam surah ini juga terdapat ayat yang mungkin dapat difahamkan bahawa beliau telah menaiki takhta kerajaan Mesir walaupun ini tidak diyakini, iaitu firman-Nya:

وَرَفَعَ أَبَوَيْهِ عَلَى ٱلْعَرْشِ وَخَرُّوا۟ لَهُۥ سُجَّدًا ۖ وَقَالَ يَٰٓأَبَتِ هَٰذَا تَأْوِيلُ رُءْيَٰىَ مِن قَبْلُ قَدْ جَعَلَهَا رَبِّى

"Dan dia (Yusuf) telah mengangkatkan kedua orang tuanya ke atas singgahsana, lalu mereka (saudara-saudaranya) merebahkan diri sujud kepadanya seraya berkata: Wahai ayahandaku! Inilah tafsir mimpiku dahulu. Sesungguhnya Tuhanku telah menjadikan mimpiku itu suatu kenyataan."

(Surah Yusuf: 100)

Mungkin singgahsana di mana beliau mengangkatkan kedua-dua ibubapanya, suatu singgahsana yang lain dari singgahsana kerajaan Fir'aun Mesir. Walau bagaimanapun Nabi Yusuf a.s. telah sampai ke peringkat kedudukan pegawai tinggi yang memerintah dan berkuasa di negeri itu. Oleh sebab itu dapatlah kita gambarkan keadaan yang dikatakan oleh lelaki Mu'min itu, iaitu keadaan keraguan mereka terhadap pengajaran yang dibawa oleh Yusuf a.s. dahulu serta sikap mereka yang berpura-pura terhadap Yusuf selaku pembesar yang berkuasa di mana mereka tidak mendustakannya secara terbuka ketika beliau berada dalam jawatan ini! Sehingga ketika dia wafat, kamu telah berkata:

لَن يَبْعَثَ ٱللَّهُ مِنۢ بَعْدِهِۦ رَسُولًا

"Allah tidak akan membangkitkan lagi seorang rasul selepasnya."(34)

Seolah-olah mereka merasa senang hati dengan kewafatannya, kerana itu mereka menzahirkan kegembiraan mereka di dalam bentuk ini dan melahirkan kebencian mereka kepada 'aqidah tauhid yang tulen yang dibawa oleh beliau kepada mereka, dan nampaknya 'aqidah ini telah dikemukakannya kepada dua orang rakan beliau semasa di dalam penjara:

ءَأَرْبَابٌ مُّتَفَرِّقُونَ خَيْرٌ أَمِ ٱللَّهُ ٱلْوَٰحِدُ ٱلْقَهَّارُ ﴿٣٩﴾

"Manakah yang lebih baik, tuhan-tuhan yang ramai atau Tuhan Yang Maha Esa dan Maha Perkasa."

(Surah Yusuf: 39)

Oleh itu mereka menyangka bahawa tidak akan datang lagi kepada mereka seorang rasul yang lain selepas beliau kerana inilah yang menjadi cita-cita mereka. Dan seringkali apabila seseorang itu menggemari sesuatu, kemudian ia percaya bahawa kegemarannya itu akan menjadi kenyataan, kerana ini akan dapat memenuhi cita-cita kegemarannya.

Lelaki yang Mu'min itu bercakap dengan keras di sini ketika dia menyebut keraguan dan keterlaluan mereka mendustakan rasul, lalu ia berkata:

كَذَٰلِكَ يُضِلُّ ٱللَّهُ مَنْ هُوَ مُسْرِفٌ مُّرْتَابٌ ﴿٣٤﴾

"Demikianlah Allah menyesatkan orang-orang yang pelampau dan ragu-ragu."(34)

Dia memberi amaran kepada mereka bahawa Allah akan menyesatkan setiap pendusta yang pelampau dan ragu-ragu di dalam 'aqidahnya walaupun telah diberi keterangan-keterangan yang jelas kepadanya.

Dan seterusnya dia memberi amaran yang keras kepada mereka bahawa orang-orang yang menyangkal ayat-ayat Allah tanpa hujah dan alasan akan ditimpa kemurkaan Allah dan kemarahan para Mu'minin, inilah seburuk-buruk perbuatan yang dilakukan mereka. Begitu juga dia mengecam sikap mereka yang takbur dan sewenang-wenang dan memberi amaran bahawa Allah akan membutakan hati orang-orang yang angkuh dan sewenang-wenang!

ٱلَّذِينَ يُجَٰدِلُونَ فِىٓ ءَايَٰتِ ٱللَّهِ بِغَيْرِ سُلْطَٰنٍ أَتَىٰهُمْ ۖ كَبُرَ مَقْتًا عِندَ ٱللَّهِ وَعِندَ ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ ۚ كَذَٰلِكَ يَطْبَعُ ٱللَّهُ عَلَىٰ كُلِّ قَلْبِ مُتَكَبِّرٍ جَبَّارٍ ﴿٣٥﴾

"Iaitu orang-orang yang menyangkal ayat-ayat Allah tanpa sebarang alasan yang sampai kepada mereka. Amat besarlah kemurkaan di sisi Allah dan di sisi orang-orang yang beriman. Demikianlah Allah menutupkan setiap hati yang takbur dan sewenang-wenang."(35)

Kenyataan lelaki yang beriman itu hampir-hampir sama dengan kenyataan Allah secara langsung di permulaan surah yang menjelaskan bahawa kemurkaan itu akan menimpa orang-orang yang menyangkal ayat-ayat Allah tanpa bukti, dan bahawa orang-orang yang takbur dan sewenang-wenang itu akan disesatkan Allah hingga tidak ada lagi di dalam hati mereka ruang dan jalan untuk menerima hidayat dan kefahaman.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 36 - 37)

Walaupun lelaki Mu'min itu telah menarik hati mereka dalam pengembaraan yang amat jauh ini, namun Fir'aun tetap berada di dalam kesesatannya dan terus berdegil mengingkarkan kebenaran, tetapi baginda berpura-pura hendak menyelidik dakwaan Musa itu. Nampaknya kesan dari logik dan hujah yang dikemukakan oleh lelaki Mu'min itu amat kuat hingga Fir'aun dan pembesar-pembesarnya tidak dapat mengabaikannya begitu sahaja. Oleh itu Fir'aun mencari jalan lari yang baru:

وَقَالَ فِرْعَوْنُ يَٰهَٰمَٰنُ ٱبْنِ لِى صَرْحًا لَّعَلِّىٓ أَبْلُغُ ٱلْأَسْبَٰبَ ﴿٣٦﴾ أَسْبَٰبَ ٱلسَّمَٰوَٰتِ فَأَطَّلِعَ إِلَىٰٓ إِلَٰهِ مُوسَىٰ وَإِنِّى لَأَظُنُّهُۥ كَٰذِبًا ۚ وَكَذَٰلِكَ زُيِّنَ لِفِرْعَوْنَ سُوٓءُ عَمَلِهِۦ وَصُدَّ عَنِ ٱلسَّبِيلِ ۚ وَمَا كَيْدُ فِرْعَوْنَ

إِلَّا فِي تَبَابٍ ﴿٣٧﴾

"Dan Fir'aun berkata: Wahai Haman! Binakan untukku sebuah bangunan yang tinggi semoga aku dapat sampai ke jalan-jalan (36). Iaitu jalan-jalan langit supaya aku dapat melihat Tuhan Musa dan sesungguhnya aku fikir dia seorang pendusta. Demikianlah didandan indah kepada Fir'aun segala perbuatannya yang buruk dan dia telah dihalangkan dari jalan (yang benar), dan tiadalah tipu daya Fir'aun itu melainkan musnah belaka."(37)

Yakni wahai Haman! Bangunkanlah untukku sebuah bangunan yang tinggi supaya aku dapat sampai ke jalan-jalan langit untuk mencari dan melihat Tuhan Musa di sana: **"Sesungguhnya aku fikir dia seorang pendusta"**(وإني لأظنه كذبا).

Demikianlah cara putar belit Fir'aun yang zalim itu untuk menghindarkan dirinya dari berdepan dengan kebenaran secara terus terang. Baginda sekali-kali tidak mahu mengakui 'aqidah tauhid yang menggoncangkan takhtanya dan mengancam dongeng-dongeng yang menjadi landasan kerajaannya. Amatlah jauh dari kemungkinan bahawa apa yang dikatakan oleh Fir'aun ini merupakan kefahamannya, dan amatlah jauh pula bahawa apa yang dikatakannya itu merupakan benar-benar serius untuk mencari Tuhan Musa dengan cara kebendaan yang bodoh itu, kerana Fir'aun-Fir'aun yang memerintah negeri Mesir itu biasanya mempunyai ilmu pengetahuan yang tinggi dan tidak munasabah mempunyai kefahaman yang seperti ini. Malah dalam satu segi, itulah cara sendaan, kesewenang-wenangan dan permainan baginda, dan dalam satu segi yang lain pula itulah cara baginda berpura-pura insaf dan hendak menyelidik untuk mendapatkan kepastian. Dan mungkin pula inilah langkah berundur dari menghadapi pukulan-pukulan logik keimanan yang terdapat dalam percakapan lelaki yang Mu'min itu! Seluruh andaian ini menunjukkan kedegilan Fir'aun mempertahankan kesesatannya, dan keangkuhannya mempertahankan kekufurannya:

وَكَذَٰلِكَ زُيِّنَ لِفِرْعَوْنَ سُوٓءُ عَمَلِهِۦ وَصُدَّ عَنِ ٱلسَّبِيلِ

"Demikianlah didandan indah kepada Fir'aun segala perbuatannya yang buruk dan dia telah dihalangkan dari jalan yang benar."(37)

Yakni baginda memang wajar dihalangkan dari jalan yang benar kerana dolak-dalik dan putar belitnya yang menyelewengkannya dari kejujuran dan dari jalan yang benar.

Kemudian diiringi dengan kenyataan bahawa tipu helah yang seperti itu akan berakhir dengan kekecewaan dan kehancuran:

وَمَا كَيْدُ فِرْعَوْنَ إِلَّا فِي تَبَابٍ ﴿٣٧﴾

"Dan tiadalah tipu daya Fir'aun itu melainkan musnah belaka."(37)

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 38 - 44)

Setelah berdepan dengan putar belit, kesewenang-wenangan dan kedegilan Fir'aun ini, lelaki yang Mu'min itu pun mengeluarkan kata-katanya yang terakhir, yang lantang dan terus terang. Setelah Dia menyeru mereka mengikutinya ke jalan Allah selaku jalan yang betul dan menerangkan kepada mereka nilai hidup dunia yang fana ini dan menggalakkan mereka supaya mencari ni'mat hidup yang kekal abadi dan mengingatkan mereka dari 'azab Akhirat. Dan seterusnya menerangkan kepada mereka tentang kepalsuan dan kebatilan yang wujud di dalam 'aqidah syirik itu:

وَقَالَ ٱلَّذِيٓ ءَامَنَ يَٰقَوْمِ ٱتَّبِعُونِ أَهْدِكُمْ سَبِيلَ ٱلرَّشَادِ ﴿٣٨﴾

يَٰقَوْمِ إِنَّمَا هَٰذِهِ ٱلْحَيَوٰةُ ٱلدُّنْيَا مَتَٰعٌ وَإِنَّ ٱلْءَاخِرَةَ هِيَ دَارُ ٱلْقَرَارِ ﴿٣٩﴾

مَنْ عَمِلَ سَيِّئَةً فَلَا يُجْزَىٰٓ إِلَّا مِثْلَهَا ۖ وَمَنْ عَمِلَ صَٰلِحًا مِّن ذَكَرٍ أَوْ أُنثَىٰ وَهُوَ مُؤْمِنٌ فَأُو۟لَٰٓئِكَ يَدْخُلُونَ ٱلْجَنَّةَ يُرْزَقُونَ فِيهَا بِغَيْرِ حِسَابٍ ﴿٤٠﴾

وَيَٰقَوْمِ مَا لِيٓ أَدْعُوكُمْ إِلَى ٱلنَّجَوٰةِ وَتَدْعُونَنِيٓ إِلَى ٱلنَّارِ ﴿٤١﴾

تَدْعُونَنِي لِأَكْفُرَ بِٱللَّهِ وَأُشْرِكَ بِهِۦ مَا لَيْسَ لِي بِهِۦ عِلْمٌ وَأَنَا۠ أَدْعُوكُمْ إِلَى ٱلْعَزِيزِ ٱلْغَفَّٰرِ ﴿٤٢﴾

لَا جَرَمَ أَنَّمَا تَدْعُونَنِيٓ إِلَيْهِ لَيْسَ لَهُۥ دَعْوَةٌ فِي ٱلدُّنْيَا وَلَا فِي ٱلْءَاخِرَةِ وَأَنَّ مَرَدَّنَآ إِلَى ٱللَّهِ وَأَنَّ ٱلْمُسْرِفِينَ هُمْ أَصْحَٰبُ ٱلنَّارِ ﴿٤٣﴾

فَسَتَذْكُرُونَ مَآ أَقُولُ لَكُمْ ۚ وَأُفَوِّضُ أَمْرِيٓ إِلَى ٱللَّهِ ۚ إِنَّ ٱللَّهَ بَصِيرٌۢ بِٱلْعِبَادِ ﴿٤٤﴾

"Dan berkatalah (lelaki) yang beriman itu: Wahai kaumku! Ikutilah aku nescaya aku membimbing kamu ke jalan yang benar (38). Wahai kaumku! Sesungguhnya kehidupan dunia hanya keni'matan (yang sebentar) sahaja dan sesungguhnya

Akhirat itulah negeri yang kekal (39). Barang siapa yang mengerjakan kejahatan, maka dia tidak akan dibalas melainkan dengan balasan yang setanding dengannya, dan barang siapa yang mengerjakan amalan yang soleh sama ada lelaki atau perempuan, sedangkan dia beriman, maka merekalah orang yang akan memasuki Syurga di mana mereka dikurniakan rezeki tanpa hisab (40). Wahai kaumku! Bagaimana aku menyeru kamu kepada keselamatan, sedangkan kamu menyeruku ke Neraka (41). Kamu menyeruku supaya ingkarkan terhadap Allah dan mempersekutukan-Nya dengan sembahan-sembahan yang aku tidak mengetahui sedikit pun (mengenai ketuhanannya), sedangkan aku menyeru kamu beriman kepada Tuhan Yang Maha Perkasa dan Maha Pengampun (42). Tidak syak lagi bahawa tuhan palsu yang kamu seru supaya aku beriman kepadanya, tidak mempunyai sebarang da'wah di dunia dan di Akhirat. Dan sesungguhnya kepulangan kita ialah kepada Allah dan sesungguhnya orang-orang yang pelampau itulah penghuni-penghuni Neraka (43). Kelak kamu akan ingat (kebenaran) apa yang aku katakan kepada kamu, dan aku menyerahkan urusanku kepada Allah. Sesungguhnya Allah Maha Melihat akan hamba-hamba-Nya."(44)

Itulah hakikat yang telah pun dijelaskan sebelum ini di permulaan surah. Kemudian hakikat-hakikat itu dijelaskan sekali lagi oleh lelaki yang Mu'min ini ketika menghadapi Fir'aun dan pembesar-pembesarnya. Katanya:

يَـٰقَوۡمِ ٱتَّبِعُونِ أَهۡدِكُمۡ سَبِيلَ ٱلرَّشَادِ ٣٨

"Wahai kaumku! Ikutilah aku nescaya aku membimbing kamu ke jalan yang benar."(38)

Sekejap tadi Fir'aun telah berkata:

وَمَآ أَهۡدِيكُمۡ إِلَّا سَبِيلَ ٱلرَّشَادِ ٢٩

"Aku tidak tunjukkan kepada kamu melainkan jalan yang benar."(29)

Oleh itu perkataan lelaki yang Mu'min itu merupakan satu cabaran yang terus terang. Dia telah mengeluarkan pandangan yang benar tanpa takut dan gentar kepada kuasa Fir'aun yang sewenang-wenang itu, juga pembesar-pembesarnya yang berkomplot seperti Haman dan Qarun iaitu dua orang tokoh yang dikatakan menjadi menteri-menteri Fir'aun.

Dia menjelaskan kepada mereka tentang hakikat kehidupan dunia ini:

إِنَّمَا هَـٰذِهِ ٱلۡحَيَوٰةُ ٱلدُّنۡيَا مَتَـٰعٞ

"Sesungguhnya kehidupan dunia ini hanya keni'matan (yang sebentar) sahaja."(39)

Yakni keni'matan yang tidak tetap dan kekal:

وَإِنَّ ٱلۡأٓخِرَةَ هِيَ دَارُ ٱلۡقَرَارِ ٣٩

"Dan sesungguhnya Akhirat itulah negeri yang kekal."(39)

Itulah kehidupan sejati yang wajar dipandang dan difikir dengan mendalam.

Dia menerangkan kepada mereka dasar hisab dan balasan di negeri Akhirat yang kekal:

مَنۡ عَمِلَ سَيِّئَةٗ فَلَا يُجۡزَىٰٓ إِلَّا مِثۡلَهَاۖ وَمَنۡ عَمِلَ صَـٰلِحٗا مِّن ذَكَرٍ أَوۡ أُنثَىٰ وَهُوَ مُؤۡمِنٞ فَأُوْلَـٰٓئِكَ يَدۡخُلُونَ ٱلۡجَنَّةَ يُرۡزَقُونَ فِيهَا بِغَيۡرِ حِسَابٖ ٤٠

"Barang siapa yang mengerjakan kejahatan, maka dia tidak akan dibalas melainkan dengan balasan yang setanding dengannya, dan barang siapa yang mengerjakan amalan yang soleh sama ada lelaki atau perempuan, sedangkan dia beriman, maka merekalah orang-orang yang akan memasuki Syurga dan di sana mereka dikurniakan rezeki tanpa hisab."(40)

Yakni mengikut kehendak kemurahan Allah ialah perbuatan yang baik itu dibalas dengan kebaikan berganda-ganda, sedangkan perbuatan yang jahat tidak dibalas dengan berganda-ganda. Itulah rahmat Allah terhadap hamba-hamba-Nya. Itulah timbangrasa terhadap kelemahan mereka dan terhadap tarikan-tarikan dan halangan-halangan yang wujud di jalan kebajikan dan kejujuran, kerana itulah perbuatan mereka yang baik itu diberi ganjaran yang berganda-ganda, dan dapat menghapuskan dosa perbuatan-perbuatan mereka yang jahat. Dan apabila mereka tiba di Syurga selepas hisab, mereka akan diberi rezeki tanpa hisab.

Lelaki yang Mu'min itu mengecam perbuatan mereka yang mengajaknya ke Neraka, sedangkan dia mengajak mereka ke Syurga. Lalu ia menyeru mereka dengan penuh kecaman:

وَيَـٰقَوۡمِ مَا لِيٓ أَدۡعُوكُمۡ إِلَى ٱلنَّجَوٰةِ وَتَدۡعُونَنِيٓ إِلَى ٱلنَّارِ ٤١

"Wahai kaumku! Bagaimana aku menyeru kamu kepada keselamatan, sedangkan kamu menyeruku ke Neraka."(41)

Mereka sebenarnya tidak menyeru lelaki yang Mu'min itu ke Neraka tetapi mereka menyerunya kepada 'aqidah syirik. Dan apakah bezanya di antara da'wah kepada syirik dan da'wah kepada Neraka? Kedua-duanya hampir sama sahaja. Dalam ayat yang berikut dia hanya menukarkan da'wah dengan satu da'wah yang lain:

تَدۡعُونَنِي لِأَكۡفُرَ بِٱللَّهِ وَأُشۡرِكَ بِهِۦ مَا لَيۡسَ لِي بِهِۦ عِلۡمٞ وَأَنَا۠ أَدۡعُوكُمۡ إِلَى ٱلۡعَزِيزِ ٱلۡغَفَّـٰرِ ٤٢

"Kamu menyeruku supaya ingkarkan Allah dan mempersekutukan-Nya dengan sembahan-sembahan yang aku tidak mengetahui sedikitpun (mengenai ketuhanannya), sedangkan aku menyeru kamu beriman kepada Tuhan Yang Maha Perkasa dan Maha Pengampun."(42)

Perbezaan di antara dua da'wah itu adalah amat jauh. Da'wah lelaki yang Mu'min itu amat jelas dan lurus. Dia menyeru mereka kepada Allah Yang Maha Perkasa dan Maha Pengampun. Dia menyeru mereka kepada Tuhan Yang Maha Esa. Di mana kesan-kesan sifat Wahdaniyah-Nya disaksikan oleh alam al-wujud. Dan dibuktikan, oleh keindahan-keindahan Penciptanya yang dilakukan dengan qudrat kuasa-Nya dan perencanaan-Nya yang rapi. Dia menyeru mereka kepada Allah supaya mereka mendapat keampunan dari-Nya, kerana Dialah sahaja yang berkuasa memberi keampunan yang limpah:

ٱلْعَزِيزِ ٱلْغَفَّٰرِ ﴿٤٢﴾

"Yang Maha Perkasa dan Maha Pengampun."(42)

Ke manakah mereka menyerunya? Mereka menyerunya kepada mengingkarkan Allah melalui perbuatan syirik yang tidak diketahui sedikitpun mengenainya dari dakwaan-dakwaan, kepercayaan-kepercayaan yang karut dan penuh teka-teki.

Dia menjelaskan tanpa sebarang syak dan ragu bahawa tuhan-tuhan sekutu itu tidak mempunyai sesuatu apa pun, juga tidak mempunyai sebarang urusan baik di dunia mahupun di Akhirat. Segala-galanya terpulang kepada Allah Yang Maha Esa, dan golongan manusia pelampau yang membuat dakwaan yang bukan-bukan terhadap Allah itu akan menjadi penghuni-penghuni Neraka:

لَا جَرَمَ أَنَّمَا تَدْعُونَنِىٓ إِلَيْهِ لَيْسَ لَهُۥ دَعْوَةٌ فِى ٱلدُّنْيَا وَلَا فِى ٱلْءَاخِرَةِ وَأَنَّ مَرَدَّنَآ إِلَى ٱللَّهِ وَأَنَّ ٱلْمُسْرِفِينَ هُمْ أَصْحَٰبُ ٱلنَّارِ ﴿٤٣﴾

"Tidak syak lagi bahawa tuhan palsu yang kamu seru supaya aku beriman kepadanya, tidak mempunyai sebarang da'wah di dunia dan di Akhirat. Dan sesungguhnya kepulangan kita ialah kepada Allah dan sesungguhnya orang-orang yang pelampau itulah penghuni-penghuni Neraka."(43)

Apakah lagi yang tinggal selepas ia memberi penerangan-penerangan yang jelas dan syumul mengenai hakikat-hakikat yang pokok dalam 'aqidah? Lelaki yang Mu'min itu telah menerangkannya dengan terus terang tanpa teragak-agak kepada Fir'aun dan para pembesarnya, setelah ia menyembunyikan keimanan. Dia telah mengumumkan hakikat ini dengan begitu jelas. Kini tiada apa lagi yang hendak dikatakan olehnya melainkan hanya menyerahkan urusannya kepada Allah, kerana dia telah meluahkan kata-katanya dan melihatkan dhamirnya sambil mengancam mereka bahawa mereka akan sedar kepada kebenaran kata-katanya pada hari Qiamat, di mana tidak berguna lagi peringatan dan segala urusan terpulang kepada Allah:

فَسَتَذْكُرُونَ مَآ أَقُولُ لَكُمْ ۚ وَأُفَوِّضُ أَمْرِىٓ إِلَى ٱللَّهِ ۚ إِنَّ ٱللَّهَ بَصِيرٌۢ بِٱلْعِبَادِ ﴿٤٤﴾

"Kelak kamu akan ingat (kebenaran) apa yang aku katakan kepada kamu, dan aku menyerahkan urusanku kepada Allah. Sesungguhnya Allah Maha Melihat akan hamba-hamba-Nya."(44)

Demikianlah berakhirnya perdebatan dan dialog itu. Di mana seorang lelaki yang beriman dari keluarga Fir'aun merakamkan kata-katanya yang benar yang kekal abadi dalam dhamir zaman.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 45 - 50)

Penjelasan ayat yang berikut menyaringkan babak-babak kisah selepas ini dan peristiwa-peristiwa yang berlaku di antara Musa, Fir'aun dan Bani Israel sehingga kepada babak tenggelamnya Fir'aun dan selamatnya Musa a.s. dan selepas itu ia merakamkan pula pemandangan-pemandangan selepas babak yang terakhir ini dan selepas tamatnya hidup dunia:

فَوَقَىٰهُ ٱللَّهُ سَيِّـَٔاتِ مَا مَكَرُوا۟ ۖ وَحَاقَ بِـَٔالِ فِرْعَوْنَ سُوٓءُ ٱلْعَذَابِ ﴿٤٥﴾ ٱلنَّارُ يُعْرَضُونَ عَلَيْهَا غُدُوًّا وَعَشِيًّا ۖ وَيَوْمَ تَقُومُ ٱلسَّاعَةُ أَدْخِلُوٓا۟ ءَالَ فِرْعَوْنَ أَشَدَّ ٱلْعَذَابِ ﴿٤٦﴾ وَإِذْ يَتَحَآجُّونَ فِى ٱلنَّارِ فَيَقُولُ ٱلضُّعَفَٰٓؤُا۟ لِلَّذِينَ ٱسْتَكْبَرُوٓا۟ إِنَّا كُنَّا لَكُمْ تَبَعًا فَهَلْ أَنتُم مُّغْنُونَ عَنَّا نَصِيبًا مِّنَ ٱلنَّارِ ﴿٤٧﴾ قَالَ ٱلَّذِينَ ٱسْتَكْبَرُوٓا۟ إِنَّا كُلٌّ فِيهَآ إِنَّ ٱللَّهَ قَدْ حَكَمَ بَيْنَ ٱلْعِبَادِ ﴿٤٨﴾ وَقَالَ ٱلَّذِينَ فِى ٱلنَّارِ لِخَزَنَةِ جَهَنَّمَ ٱدْعُوا۟ رَبَّكُمْ يُخَفِّفْ عَنَّا يَوْمًا مِّنَ ٱلْعَذَابِ ﴿٤٩﴾ قَالُوٓا۟ أَوَلَمْ تَكُ تَأْتِيكُمْ رُسُلُكُم بِٱلْبَيِّنَٰتِ ۖ قَالُوا۟ بَلَىٰ ۚ قَالُوا۟ فَٱدْعُوا۟ ۗ وَمَا دُعَٰٓؤُا۟ ٱلْكَٰفِرِينَ إِلَّا فِى ضَلَٰلٍ ﴿٥٠﴾

"Lalu Allah melindunginya dari kejahatan-kejahatan tipu daya yang dirancangkan mereka, dan keluarga Fir'aun telah ditimpa 'azab yang amat dahsyat (45). Api Neraka didedahkan ke atas mereka pagi dan petang. Dan pada hari berlakunya Qiamat (diperintahkan kepada malaikat): Masukkanlah Fir'aun dan keluarganya ke dalam 'azab yang paling dahsyat (46). Dan (kenangilah) ketika mereka berbantah-bantah di dalam Neraka, lalu berkatalah orang-

orang yang lemah dari mereka kepada orang-orang yang telah berlagak angkuh: Sesungguhnya kami adalah pengikut-pengikut kamu. Oleh itu dapatkah kamu hapuskan dari kami sebahagian dari 'azab Neraka? (47) Jawab orang-orang yang telah berlagak angkuh itu: Sesungguhnya kita semua sama-sama berada dalam Neraka dan sesungguhnya Allah telah pun menetapkan hukuman di antara hamba-hamba-Nya (48). Lalu berkatalah orang-orang yang berada di dalam Neraka kepada penjaga-penjaga Neraka: Pohonkanlah kepada Tuhan kamu supaya meringankan 'azab dari kami barang sehari (49). Jawab (penjaga-penjaga Neraka): Bukankah telah datang kepada kamu rasul-rasul kamu membawa keterangan-keterangan yang jelas? Jawab mereka: Ya, mereka datang. Lalu (penjaga-penjaga Neraka) berkata: Berdo'alah sendiri! Dan tiada do'a orang-orang yang kafir itu melainkan hanya sia-sia belaka."(50)

Dunia telah dilipat dan lembaran pertama Akhirat telah dibentangkan, tiba-tiba lelaki Mu'min yang telah berkata benar dan berlalu itu telah dilindungi Allah dari akibat-akibat tipu daya Fir'aun dan pembesar-pembesarnya. Kesan-kesan buruk dari perbuatan-perbuatan Fir'aun yang jahat itu tidak mengenainya sedikit pun baik di dunia mahupun di Akhirat, sedangkan Fir'aun dan pengikut-pengikutnya ditimpa 'azab seksa yang amat dahsyat:

ٱلنَّارُ يُعْرَضُونَ عَلَيْهَا غُدُوًّا وَعَشِيًّا ۖ وَيَوْمَ تَقُومُ ٱلسَّاعَةُ أَدْخِلُوٓا۟ ءَالَ فِرْعَوْنَ أَشَدَّ ٱلْعَذَابِ ﴿٤٦﴾

"Api Neraka didedahkan ke atas mereka pagi dan petang. Dan pada hari berlakunya Qiamat (diperintahkan kepada malaikat): Masukkanlah Fir'aun dan keluarganya ke dalam 'azab yang dahsyat."(46)

Ayat ini menyatakan bahawa mereka didedahkan kepada Neraka pagi dan petang iaitu dalam tempoh selepas mati hingga berlakunya Qiamat. Mungkin 'azab ini ialah 'azab kubur kerana selepas itu Al-Qur'an menyebut:

"Dan pada hari berlakunya Qiamat (di-perintahkan malaikat-malaikat): Masukkanlah Fir'aun dan keluarganya ke dalam 'azab yang paling dahsyat."(46)

Jadi itulah 'azab sebelum hari Qiamat, iaitu satu 'azab yang amat dahsyat. Mereka didedahkan kepada api Neraka pagi dan petang. Pendedahan itu bertujuan untuk mengazabkan mereka dengan melihat api Neraka dan menunggu diselar olehnya atau oleh bahang panasnya iaitu suatu 'azab yang amat dahsyat, atau untuk mengazabkan mereka terus dengan 'azab api Neraka itu. Seringkali perkataan "المس" (pendedahan) dipakai dengan makna "العرض" (sentuhan atau selaran) dan 'azab ini lebih dahsyat lagi. Kemudian pada hari Qiamat kelak dikatakan kepada mereka: Masuklah ke dalam 'azab yang paling dahsyat! Kemudian pada hari Qiamat kelak mereka akan dimasukkan ke dalam 'azab yang lebih dahsyat lagi.

Dalam ayat berikut, Qiamat telah pun berlaku dan Al-Qur'an menggambarkan pandangan mereka dalam Neraka sedang berbantah-bantah sesama mereka:

"Lalu berkatalah orang-orang yang lemah dari mereka kepada orang-orang yang telah berlagak angkuh: Sesungguhnya kami adalah pengikut-pengikut kamu. Oleh itu dapatkah kamu hapuskan dari kami sebahagian dari 'azab Neraka?"(47)

Orang-orang yang lemah juga dimasukkan ke dalam Neraka bersama-sama orang-orang yang kuat dan berlagak takbur. Mereka tidak diberi syafa'at dengan alasan menjadi ekor-ekor dan pak turut-pak turut sahaja. Dan 'azab mereka juga tidak diringankan dengan alasan mereka hanya kumpulan-kumpulan kambing yang dituntun. Mereka tidak mempunyai fikiran dan kehendak sendiri dan tidak pula mempunyai pilihan.

Allah telah mengurniakan kepada mereka kehormatan insaniyah, kehormatan tanggungjawab individu dan kehormatan membuat pilihan dan menggunakan kebebasan, tetapi mereka telah melepaskan semua kehormatan ini dan terus menjadi pak turut kepada pembesar-pembesar dan pemerintah-pemerintah yang zalim dan kuncu-kuncu mereka. Mereka tidak pernah berkata kepada mereka: "Jangan!" Malah tidak pernah berfikir untuk membantah dan seterusnya mereka tidak pernah memikirkan buruk baik, sesat atau tidaknya apa yang dikata dan dianjurkan oleh pembesar-pembesar itu kepada mereka: **"Sesungguhnya kami adalah pengikut-pengikut kamu"**(إنا كنا لكم تبعا).

Perbuatan mereka melepaskan semua kehormatan yang dikurniakan Allah kepada mereka dan menjadi pak turut pembesar-pembesar dengan tujuan supaya menjadi tukang-tukang syafa'at mereka di sisi Allah, lalu mereka dimasukkan ke dalam Neraka. Mereka telah diheret oleh pemimpin-pemimpin mereka ke dalam Neraka sebagaimana mereka diheret seperti kambing di dalam kehidupan dunia. Dan kini mereka memohon pertolongan kepada pembesar-pembesar itu:

"Dapatkah kamu hapuskan dari kami sebahagian dari 'azab Neraka?"(47)

Ini sesuai dengan apa yang dibayangkan oleh pemimpin-pemimpin mereka semasa di dunia bahawa mereka memimpin mereka ke jalan yang benar dan melindungi mereka dari kerosakan, juga untuk memelihara mereka dari kejahatan, kemudaratan dan tipu daya musuh.

Tetapi pemimpin-pemimpin yang angkuh dan takbur itu merasa begitu bosan dengan disesatkan pengikut-pengikut yang lemah itu lalu mereka menjawab dengan marah dan bosan. Mereka mengakui keadaan yang sebenar selepas mereka berlagak angkuh:

قَالَ ٱلَّذِينَ ٱسْتَكْبَرُوٓا۟ إِنَّا كُلٌّ فِيهَآ إِنَّ ٱللَّهَ قَدْ حَكَمَ بَيْنَ ٱلْعِبَادِ ﴿٤٨﴾

"Jawab orang-orang yang telah berlagak angkuh itu: Sesungguhnya kita semua sama-sama berada dalam Neraka, sesungguhnya Allah telah pun menetapkan hukuman di antara hamba-hamba-Nya."(48)

Yakni kita semua lemah belaka. Tiada siapa yang dapat menolong kita. Kita sama susah dan sengsara.Mengapa kamu memohon pertolongan kami sedangkan kamu sendiri melihat bahawa pembesar-pembesar dan orang-orang yang lemah semuanya sama?

إِنَّ ٱللَّهَ قَدْ حَكَمَ بَيْنَ ٱلْعِبَادِ ﴿٤٨﴾

"Sesungguhnya Allah telah pun menetapkan hukuman di antara hamba-hamba-Nya."(48)

Oleh itu tidak ada peluang lagi untuk meminda dan mengubahkan hukuman-hukuman itu. Segala perkara telah selesai dan tiada seorang hamba pun yang berkuasa meringankan sesuatu hukuman yang telah diputuskan Allah.

Apabila golongan pemimpin dan golongan pengikut itu sedar bahawa tiada tempat perlindungan yang lain melainkan pada Allah sahaja, maka mereka pun berpaling kepada penjaga-penjaga Neraka dengan keadaan hina-dina dan rendah diri memohon pertolongan:

وَقَالَ ٱلَّذِينَ فِى ٱلنَّارِ لِخَزَنَةِ جَهَنَّمَ ٱدْعُوا۟ رَبَّكُمْ يُخَفِّفْ عَنَّا يَوْمًا مِّنَ ٱلْعَذَابِ ﴿٤٩﴾

"Lalu berkatalah orang-orang yang berada di dalam Neraka kepada penjaga-penjaga Neraka: Pohonkanlah kepada Tuhan kamu supaya meringankan 'azab dari kami barang sehari."(49)

Mereka memohon pertolongan penjaga-penjaga Neraka supaya memohon kepada Allah agar meringankan 'azab mereka:

ٱدْعُوا۟ رَبَّكُمْ يُخَفِّفْ عَنَّا يَوْمًا مِّنَ ٱلْعَذَابِ ﴿٤٩﴾

"Pohonkanlah kepada Tuhan kamu supaya meringankan 'azab dari kami barang sehari sahaja."(49)

Mereka memohon hanya sehari sahaja untuk menarik nafas dan beristirehat. Dan untuk mendapat keringanan dari 'azab untuk satu hari pun memerlukan syafa'at dan do'a.

Tetapi penjaga-penjaga Neraka itu tidak dapat memperkenankan permintaan mereka yang malang itu, kerana mereka mengetahui peraturan-peraturan Allah dan Sunnatullah. Mereka mengetahui bahawa waktu permohonan itu telah terlewat. Oleh sebab itu mereka menambahkan lagi 'azab keseksaan mereka dengan mengecam dan mengingatkan mereka tentang sebab 'azab ini:

قَالُوٓا۟ أَوَلَمْ تَكُ تَأْتِيكُمْ رُسُلُكُم بِٱلْبَيِّنَٰتِ ۖ قَالُوا۟ بَلَىٰ ۚ

"Jawab (penjaga-penjaga Neraka): Bukankah telah datang kepada kamu rasul-rasul kamu membawa keterangan-keterangan yang jelas? Jawab mereka: Ya, mereka datang."(50)

Soal jawab itu sudah cukup untuk menamatkan segala dialog. Dan ketika itu penjaga-penjaga Neraka berlepas tangan dari mereka dan menyerahkan mereka kepada, perasaan putus harapan serta diiringi dengan sendaan:

قَالُوا۟ فَٱدْعُوا۟ ۗ

"Lalu (penjaga-penjaga Neraka) berkata: Berdo'alah sendiri."(50)

Yakni jika do'a itu dapat mengubahkan sesuatu dari keadaan kamu, maka silalah kamu berdo'a sendiri:

Kemudian ayat ini diiringi dengan pernyataan:

وَمَا دُعَٰٓؤُا۟ ٱلْكَٰفِرِينَ إِلَّا فِى ضَلَٰلٍ ﴿٥٠﴾

"Tiada do'a orang-orang yang kafir itu melainkan hanya sia-sia sahaja."(50)

Yakni do'a itu tidak sampai ke mana-mana dan tidak terjawab, malah diabaikan begitu sahaja sama ada pada golongan pembesar dan golongan pengikut-pengikut yang lemah.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 51 - 55)

Pada situasi yang penentu ini, Al-Qur'an mengiringi dengan ulasan yang terakhir terhadap seluruh babak ini dan terhadap kenyataannya mengenai golongan-golongan yang menentang rasul-rasul yang terdedah kepada 'azab seksa Allah selepas mereka mendustakan rasul dan berlagak angkuh.

إِنَّا لَنَنصُرُ رُسُلَنَا وَٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ فِى ٱلْحَيَوٰةِ ٱلدُّنْيَا وَيَوْمَ يَقُومُ ٱلْأَشْهَٰدُ ﴿٥١﴾

يَوْمَ لَا يَنفَعُ ٱلظَّٰلِمِينَ مَعْذِرَتُهُمْ ۖ وَلَهُمُ ٱللَّعْنَةُ وَلَهُمْ سُوٓءُ ٱلدَّارِ ﴿٥٢﴾

وَلَقَدْ ءَاتَيْنَا مُوسَى ٱلْهُدَىٰ وَأَوْرَثْنَا بَنِىٓ إِسْرَٰٓءِيلَ ٱلْكِتَٰبَ ﴿٥٣﴾

هُدًى وَذِكْرَىٰ لِأُولِي الْأَلْبَابِ ﴿٥٤﴾
فَاصْبِرْ إِنَّ وَعْدَ اللَّهِ حَقٌّ وَاسْتَغْفِرْ لِذَنبِكَ
وَسَبِّحْ بِحَمْدِ رَبِّكَ بِالْعَشِيِّ وَالْإِبْكَارِ ﴿٥٥﴾

"Sesungguhnya Kami tetap menolong rasul-rasul Kami dan orang-orang yang beriman dalam kehidupan dunia dan pada hari (Hari Qiamat di mana) berdirinya para saksi (51). Iaitu hari yang tidak berguna kepada orang-orang yang zalim (kafir) permohonan ma'af dari mereka, dan mereka akan mendapat laknat dan akan mendapat tempat kediaman yang amat dahsyat (52). Dan sesungguhnya Kami telah mengurniakan hidayat kepada Musa dan Kami kurniakan Bani Israel mewarisi kitab Taurat (53). Untuk menjadi hidayat dan peringatan kepada orang-orang yang mempunyai minda yang sihat (54). Oleh itu bersabarlah sesungguhnya janji Allah itu benar dan pohonlah keampunan terhadap dosamu dan bertasbihlah dengan memuji Tuhanmu pada waktu petang dan pagi."(55)

Ulasan yang tegas ini sesuai dengan situasi yang tegas, dan dari ulasan ini manusia dapat mengetahui contoh kesudahan kebenaran dan kebatilan di dunia dan di Akhirat, dan melihat bagaimana nasib kesudahan Fir'aun dan para pembesarnya di dalam kehidupan dunia di samping melihat mereka bertengkar di dalam Neraka. Di mana mereka berakhir dengan pengabaian dan penghinaan. Itulah kesudahan setiap persoalan yang diterangkan oleh Al-Qur'an.

Makna Kemenangan Bagi Para Rasul Dan Para Pejuang Da'wah

إِنَّا لَنَنصُرُ رُسُلَنَا وَالَّذِينَ آمَنُوا فِي الْحَيَاةِ
الدُّنْيَا وَيَوْمَ يَقُومُ الْأَشْهَادُ ﴿٥١﴾
يَوْمَ لَا يَنفَعُ الظَّالِمِينَ مَعْذِرَتُهُمْ ۖ وَلَهُمُ اللَّعْنَةُ وَلَهُمْ
سُوءُ الدَّارِ ﴿٥٢﴾

"Sesungguhnya Kami tetap menolong rasul-rasul Kami dan orang-orang yang beriman di dalam kehidupan dunia dan pada hari (Hari Qiamat di mana) berdirinya para saksi (51). Iaitu hari yang tidak berguna kepada orang-orang yang zalim (kafir) permohonan ma'af dari mereka, dan mereka akan memperolehi laknat dan akan mendapat tempat kediaman yang amat dahsyat."(52)

Mengenai kemenangan di Akhirat tiada seorang pun dari orang-orang yang beriman kepada hari Akhirat yang ingin memperdebatkan kesudahan ini. Dan tiada sebab baginya untuk berdebat. Tetapi mengenai kemenangan di dunia, ia mungkin memerlukan kepada penerangan yang jelas.

Sesungguhnya janji Allah itu tetap benar:

إِنَّا لَنَنصُرُ رُسُلَنَا وَالَّذِينَ آمَنُوا فِي الْحَيَاةِ
الدُّنْيَا

"Sesungguhnya Kami tetap menolong rasul-rasul Kami dan orang-orang yang beriman di dalam kehidupan dunia"(51)

tetapi yang dilihat manusia ialah ada rasul-rasul yang dibunuh dan ada rasul yang terpaksa berhijrah meninggalkan kampung halaman dan keluarganya kerana didusta dan diusir, dan ada orang-orang Mu'min yang hidup ditindas. Di antara mereka ada yang dicampak ke dalam parit-parit yang diunggun api, ada yang gugur syahid, ada yang hidup dalam kesempitan, kesengsaraan dan penindasan. Oleh itu,di manakah janji Allah hendak memberi kemenangan kepada mereka dalam kehidupan dunia? Dari pintu inilah syaitan menyelinap masuk ke dalam jiwa manusia melakukan berbagai-bagai hasutan dan godaan.

Tetapi manusia biasanya menilai sesuatu dari bentuk rupa yang lahir sahaja dan melupakan berbagai-bagai nilai dan hakikat-hakikat yang lain ketika membuat sesuatu penilaian. Manusia mengukur dengan masa dunia yang pendek dan mengukur dengan kawasan tempat yang terbatas. Ini adalah ukuran-ukuran manusia yang kecil. Tetapi ukuran yang syumul ialah ukuran yang meletakkan sesuatu persoalan itu dalam ruang zaman dan tempat yang luas. Ia tidak meletakkan batas-batas di antara satu masa dengan satu masa yang lain dan tidak pula di antara satu tempat dengan satu tempat yang lain. Andainya kita melihat persoalan 'aqidah dan keimanan di ruang yang luas ini tentulah kita melihat perjuangan 'aqidah itu mendapat kemenangan tanpa sebarang keraguan lagi. Kemenangan isu 'aqidah merupakan kemenangan kepada pejuang-pejuangnya, kerana pejuang-pejuang 'aqidah itu sendiri tidak mempunyai kewujudan yang berasingan di luar kewujudan perjuangan 'aqidah. Kewajipan utama yang dituntut oleh keimanan dari mereka ialah hancur lebur dalam perjuangan 'aqidah. Biarlah mereka yang tumbang asalkan 'aqidah berdiri tegak.

Manusia juga membataskan erti kemenangan itu dengan gambaran-gambaran tertentu dan biasa kepada mereka, iaitu bentuk-bentuk kemenangan yang dapat dilihat dari dekat oleh mata mereka, tetapi kemenangan itu mempunyai gambaran yang beraneka rupa, kadang-kadang setengah-setengah kemenangan itu datang dalam bentuk kekalahan pada pandangan yang pendek. Misalnya Nabi Ibrahim a.s., beliau telah dicampakkan di dalam api, tetapi dia tetap teguh tidak berganjak dari 'aqidah dan dari berda'wah kepadanya. Adakah beliau dikira menang atau kalah? Tidak syak lagi mengikut logik 'aqidah beliau telah mencapai kemuncak kemenangan apabila beliau dibuang ke dalam unggun api, dan sekali lagi beliau mencapai kemenangan apabila beliau terselamat dari jilatan api itu. Inilah dua bentuk kemenangan yang berlain-lainan, dan kedua-duanya pada lahirnya amat jauh, tetapi pada hakikatnya amat dekat. Begitu juga Sayiduna Husain r.a. beliau telah,

gugur syahid dalam satu gambaran yang agung dalam satu segi dan dalam satu gambaran yang sedih dalam satu segi yang lain. Adakah beliau dikira menang atau kalah? Mengikut pandangan yang lahir dan mengikut ukuran yang kecil beliau dikira kalah, tetapi mengikut pandangan hakikat yang tulen dan mengikut ukuran yang agung beliau dikira menang. Tiada seorang syahid di muka bumi ini yang mendapat kasih sayang dan simpati kaum Muslimin dan merangsangkan keghairahan mereka seperti simpati dan kasih sayang yang didapati oleh Sayiduna Husain r.a. sama ada dari golongan yang berpihak kepadanya atau dari golongan yang tidak berpihak kepadanya dari orang-orang Islam dan bukan Islam.

Berapa banyak pejuang-pejuang yang gugur syahid, sedangkan ia tidak dapat memberi kemenangan kepada 'aqidah dan da'wahnya walaupun dia hidup seribu tahun sebagaimana ia mendapat kemenangan 'aqidah dan da'wahnya dengan kematian syahidnya. Dia tidak dapat menerapkan konsep-konsep yang agung di dalam hati manusia dan tidak dapat memberangsangkan ribuan manusia melakukan tindakan yang besar dengan sebuah pidato seperti pidatonya yang terakhir yang ditulis dengan darahnya, di mana pidato itu tetap menjadi tenaga penggerak kepada anak cucu cicit dan mungkin menjadi tenaga penggerak yang menghayunkan langkah-langkah sejarah di sepanjang generasi.

Apakah makna kemenangan dan kekalahan? Kita perlu memeriksa kembali gambaran dan nilai-nilai kalah menang yang biasa kita gunakan dalam penilaian kita itu sebelum kita bertanya di mana janji Allah yang hendak memberi kemenangan kepada rasul-rasul-Nya dan kepada orang-orang Mu'min dalam kehidupan dunia?

Walau bagaimanapun di sana terdapat berbagai-bagai kes-kes di mana kemenangan dapat dicapai dalam bentuknya yang lahir dan dekat iaitu ketika kemenangan yang lahir dan dekat itu bersambung dengan bentuk kemenangan yang kekal dan tetap. Misalnya Nabi Muhammad s.a.w. telah mencapai kemenangan di dalam masa hayatnya, kerana kemenangan ini mempunyai kaitan dengan tujuan menegakkan 'aqidah Islam dengan hakikatnya yang sempurna di muka bumi ini, kerana 'aqidah Islamiyah ini tidak mencapai kesempurnaannya melainkan apabila ia dapat menguasai seluruh kehidupan masyarakat manusia dan kegiatannya mulai dari hati individu hingga kepada kerajaan yang memerintah. Oleh itu Allah telah menghendaki supaya Rasulullah s.a.w. yang memperjuangkan 'aqidah ini mendapat kemenangan dalam masa hayatnya untuk merealisasikan 'aqidah ini dalam bentuknya yang sempurna dan meninggalkan hakikat ini sebagai satu hakikat yang wujud dengan jelas di dalam realiti sejarah yang dapat disaksikan oleh semua orang. Dan dengan ini bersambunglah gambaran kemenangan yang dekat ini dengan gambaran kemenangan yang jauh (akan datang) dan wujudlah persamaan gambaran kemenangan yang lahir dengan gambaran kemenangan yang haqiqi mengikut perencanaan dan penyusunan Ilahi.

Di sana ada satu pertimbangan yang elok diperhatikan iaitu janji Allah itu adalah tetap benar kepada rasul-rasul-Nya dan kepada orang-orang yang beriman, tetapi hakikat iman yang sesuai dengan janji itu pastilah wujud lebih duhulu di dalam hati, hakikat iman inilah yang seringkali tidak diberi perhatian yang sewajarnya oleh manusia. Hakikat ini tidak mungkin wujud melainkan apabila hati seseorang itu bersih dari segala rupa bentuk syirik. Di sana terdapat berbagai-bagai bentuk syirik khafi (halus) dan hati seseorang tidak akan terlepas dari syirik ini melainkan apabila dia bertawajjuh dan bertawakkal kepada Allah Yang Maha Esa sahaja, melainkan apabila dia tenang dan tenteram menerima qadha' dan taqdir Allah terhadapnya dan melainkan apabila dia merasa bahawa Allah sahajalah yang mengendalikannya dan dia tidak mempunyai pilihan yang lain dari pilihan Allah dan menerima pilihan Allah itu dengan tenang, yakin, redha dan puas hati. Dan apabila seseorang itu sampai kepada darjat keimanan yang seperti ini, maka dia tidak akan mendahului Allah dan tidak akan mencadangkan kepada Allah sesuatu bentuk kemenangan dan kebajikan untuk dirinya, malah dia akan menyerahkan segala-galanya kepada Allah dan akan menerima segala bencana yang akan menimpanya sebagai ni'mat kebajikan. Itulah salah satu konsep dari konsep-konsep kemenangan, iaitu kemenangan di atas kepentingan diri dan hawa nafsu dan itulah kemenangan dalaman dan tanpa kemenangan ini, kemenangan lahir tidak akan tercapai sama sekali.

إِنَّا لَنَنصُرُ رُسُلَنَا وَٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ فِي ٱلْحَيَوٰةِ ٱلدُّنْيَا وَيَوْمَ يَقُومُ ٱلْأَشْهَٰدُ ﴿٥١﴾ يَوْمَ لَا يَنفَعُ ٱلظَّٰلِمِينَ مَعْذِرَتُهُمْ ۖ وَلَهُمُ ٱللَّعْنَةُ وَلَهُمْ سُوٓءُ ٱلدَّارِ ﴿٥٢﴾

"Sesungguhnya Kami tetap menolong rasul-rasul Kami dan orang-orang yang beriman dalam kehidupan dunia dan pada hari (Qiamat di mana) berdirinya para saksi (51). Iaitu hari yang tidak berguna kepada orang-orang yang zalim (kafir) permohonan maaf dari mereka, dan mereka akan mendapat laknat dan akan mendapat tempat kediaman yang amat dahsyat."(52)

Kita telah pun melihat di dalam pemandangan yang telah lalu bagaimana dalihan dan permintaan ma'af orang-orang kafir yang zalim itu tidak berguna kepada mereka dan bagaimana mereka berakhir dengan menerima laknat dan tempat kediaman di dalam Neraka yang amat dahsyat.

Salah satu dari gambaran-gambaran kemenangan di dalam kisah Musa a.s. ialah:

وَلَقَدْ ءَاتَيْنَا مُوسَى ٱلْهُدَىٰ وَأَوْرَثْنَا بَنِىٓ

"Dan sesungguhnya Kami telah mengurniakan hidayat kepada Musa dan Kami kurniakan Bani Israel mewarisi kitab Taurat (53). Untuk menjadi hidayat dan peringatan kepada orang-orang yang mempunyai minda yang sihat."(54)

Pengurniaan kitab suci dan hidayat, pengurniaan ni'mat mewarisi kitab suci dan hidayat merupakan satu contoh dari contoh-contoh kemenangan yang dikurniakan Allah. Contoh yang diberikan Allah dalam kisah Musa a.s. ini mendedahkan kepada kita betapa luasnya bidang kemenangan itu di mana kita dapat melihat satu bentuk kemenangan istimewa dari berbagai-bagai bentuk kemenangan yang ditunjukkan.

Di sini datanglah pernyataan yang mengakhiri bahagian ini mengarahkan Rasulullah s.a.w. dan pengikut-pengikutnya dari orang-orang yang beriman yang sedang tertindas di Makkah dan kepada setiap umatnya yang datang selepas mereka dan menghadapi situasi yang sama yang telah dihadapi mereka:

فَٱصْبِرْ إِنَّ وَعْدَ ٱللَّهِ حَقٌّ وَٱسْتَغْفِرْ لِذَنۢبِكَ وَسَبِّحْ بِحَمْدِ رَبِّكَ بِٱلْعَشِىِّ وَٱلْإِبْكَٰرِ ﴿٥٥﴾

"Oleh itu bersabarlah sesungguhnya janji Allah itu benar dan pohonlah keampunan terhadap dosamu dan bertasbihlah dengan memuji Tuhamnu pada waktu petang dan pagi."(55)

Pernyataan yang akhir ialah seruan kepada bersabar, iaitu kesabaran menghadapi pendustaan, kesabaran menghadapi penindasan, kesabaran menghadapi keangkuhan kebatilan yang mendapat kemenangan dan kekuasaan dalam jangka waktu yang tertentu menghadapi berbagai-bagai telatah tabi'at, perangai dan tindak-tanduk manusia di sana sini, kesabaran menghadapi keinginan-keinginan, kegelisahan dan cita-cita yang berkobar-kobar untuk mendapatkan kemenangan yang dekat dan seterusnya kesabaran menghadapi berbagai-bagai kecenderungan, kegelisahan dan keinginan untuk mencapai kemenangan yang dekat dan segala kegemaran dan cita-cita yang berhubung dengannya. Dan kesabaran menghadapi berbagai-bagai kerenah di tengah jalan perjuangan yang kadang-kadang datang dari pihak kawan sebelum ianya datang dari pihak lawan.

فَٱصْبِرْ إِنَّ وَعْدَ ٱللَّهِ حَقٌّ

"Oleh itu bersabarlah. Sesungguhnya janji Allah itu benar"(55)

Yakni ia tetap benar walaupun mengambil masa yang lama. Walaupun menghadapi berbagai-bagai kesulitan dan berbagai-bagai pancaroba. Ia adalah janji dari Allah yang berkuasa merealisasikannya dan menghendakinya.

Dan di tengah jalan perjuangan bawalah bekalan ini:

وَٱسْتَغْفِرْ لِذَنۢبِكَ وَسَبِّحْ بِحَمْدِ رَبِّكَ بِٱلْعَشِىِّ وَٱلْإِبْكَٰرِ ﴿٥٥﴾

"Pohonlah keampunan terhadap dosamu dan bertasbihlah dengan memuji Tuhanmu pada waktu petang dan pagi."(55)

Inilah bekalan di tengah jalan yang memerlukan kesabaran yang panjang dan sukar itu, iaitu beristighfar terhadap dosa dan bertasbih memuji Allah, kerana istighfar yang disertai dengan tasbih itu lebih dekat mendapat perkenan, malah istighfar itu sendiri merupakan satu pendidikan dan latihan jiwa, juga merupakan pembersihan bagi hati. Inilah bentuk kemenangan yang dicapai di dalam hati yang kemudian akan diiringi pula oleh satu bentuk kemenangan lagi, iaitu kemenangan dalam realiti kehidupan.

Pemilihan kata-kata:

بِٱلْعَشِىِّ وَٱلْإِبْكَٰرِ ﴿٥٥﴾

"Pada waktu pagi dan petang"(55)

dalam ayat ini dimaksudkan dengan seluruh waktu kerana pagi dan petang merupakan dua hujung waktu,atau kerana itu dilihat dari segi kedua-duanya merupakan masa kejernihan dan ketenangan hati, di mana terluangnya masa yang luas untuk berfikir dan menjelajah bersama Zikrullah.

Inilah cara yang telah dipilih oleh Allah untuk melengkapkan persediaan dan bekalan di jalan perjuangan menuju kemenangan, kerana setiap perjuangan itu memerlukan kelengkapan dan bekalan.

(Kumpulan ayat-ayat 56 - 77)

إِنَّ ٱلَّذِينَ يُجَٰدِلُونَ فِىٓ ءَايَٰتِ ٱللَّهِ بِغَيْرِ سُلْطَٰنٍ أَتَىٰهُمْ إِن فِى صُدُورِهِمْ إِلَّا كِبْرٌ مَّا هُم بِبَٰلِغِيهِ فَٱسْتَعِذْ بِٱللَّهِ إِنَّهُۥ هُوَ ٱلسَّمِيعُ ٱلْبَصِيرُ ﴿٥٦﴾

لَخَلْقُ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضِ أَكْبَرُ مِنْ خَلْقِ ٱلنَّاسِ وَلَٰكِنَّ أَكْثَرَ ٱلنَّاسِ لَا يَعْلَمُونَ ﴿٥٧﴾

وَمَا يَسْتَوِى ٱلْأَعْمَىٰ وَٱلْبَصِيرُ وَٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟

وَعَمِلُواْ ٱلصَّٰلِحَٰتِ وَلَا ٱلۡمُسِيٓءُۚ قَلِيلٗا مَّا تَتَذَكَّرُونَ ﴿٥٨﴾

إِنَّ ٱلسَّاعَةَ لَأٓتِيَةٞ لَّا رَيۡبَ فِيهَا وَلَٰكِنَّ أَكۡثَرَ ٱلنَّاسِ لَا يُؤۡمِنُونَ ﴿٥٩﴾

وَقَالَ رَبُّكُمُ ٱدۡعُونِيٓ أَسۡتَجِبۡ لَكُمۡۚ إِنَّ ٱلَّذِينَ يَسۡتَكۡبِرُونَ عَنۡ عِبَادَتِي سَيَدۡخُلُونَ جَهَنَّمَ دَاخِرِينَ ﴿٦٠﴾

ٱللَّهُ ٱلَّذِي جَعَلَ لَكُمُ ٱلَّيۡلَ لِتَسۡكُنُواْ فِيهِ وَٱلنَّهَارَ مُبۡصِرًاۚ إِنَّ ٱللَّهَ لَذُو فَضۡلٍ عَلَى ٱلنَّاسِ وَلَٰكِنَّ أَكۡثَرَ ٱلنَّاسِ لَا يَشۡكُرُونَ ﴿٦١﴾

ذَٰلِكُمُ ٱللَّهُ رَبُّكُمۡ خَٰلِقُ كُلِّ شَيۡءٖ لَّآ إِلَٰهَ إِلَّا هُوَۖ فَأَنَّىٰ تُؤۡفَكُونَ ﴿٦٢﴾

كَذَٰلِكَ يُؤۡفَكُ ٱلَّذِينَ كَانُواْ بِـَٔايَٰتِ ٱللَّهِ يَجۡحَدُونَ ﴿٦٣﴾

"Sesungguhnya orang-orang yang membantah ayat-ayat Allah tanpa satu alasan yang jelas (dari Allah) yang datang kepada mereka tiada di dalam hati mereka melainkan hanyalah cita-cita yang takbur yang mereka tidak akan dapat mencapainya. Oleh itu pohonlah perlindungan pada Allah, sesungguhnya Dia Maha Mendengar dan Maha Melihat (56). Sesungguhnya penciptaan langit dan bumi itu lebih besar daripada penciptaan manusia, tetapi kebanyakan manusia tidak mengetahui (57). Dan tiada sama si buta dengan si celik dan tidak pula sama orang-orang yang beriman dan mengerjakan amalan-amalan yang soleh dengan orang-orang yang melakukan kejahatan. Amat sedikit kamu mengambil pengajaran (58). Sesungguhnya Qiamat itu tetap akan datang tanpa sebarang keraguan padanya, tetapi kebanyakkan manusia tidak beriman (59). Dan Tuhan kamu telah berfirman: Berdo'alah kepada-Ku nescaya aku perkenankan (do'a kamu). Sesungguhnya orang-orang yang takbur dari menyembah-Ku akan masuk Neraka Jahannam dengan keadaan yang hina-dina (60). Allah yang telah menjadikan malam untuk kamu beristirehat padanya dan menjadikan siang itu mencelikkan mata. Sesungguhnya Allah mempunyai kurnia yang melimpah-ruah ke atas manusia, tetapi kebanyakan manusia tidak bersyukur (61). Itulah Allah Tuhan kamu Pencipta segala sesuatu. Tiada Tuhan melainkan Dia. Bagaimanakah kamu dapat dipesongkan? (62) Begitulah juga dipesongkan orang-orang yang mengingkarkan ayat-ayat Allah." (63).

ٱللَّهُ ٱلَّذِي جَعَلَ لَكُمُ ٱلۡأَرۡضَ قَرَارٗا وَٱلسَّمَآءَ بِنَآءٗ وَصَوَّرَكُمۡ فَأَحۡسَنَ صُوَرَكُمۡ وَرَزَقَكُم مِّنَ ٱلطَّيِّبَٰتِۚ ذَٰلِكُمُ ٱللَّهُ رَبُّكُمۡۖ فَتَبَارَكَ ٱللَّهُ رَبُّ ٱلۡعَٰلَمِينَ ﴿٦٤﴾

هُوَ ٱلۡحَيُّ لَآ إِلَٰهَ إِلَّا هُوَ فَٱدۡعُوهُ مُخۡلِصِينَ لَهُ ٱلدِّينَۗ ٱلۡحَمۡدُ لِلَّهِ رَبِّ ٱلۡعَٰلَمِينَ ﴿٦٥﴾

قُلۡ إِنِّي نُهِيتُ أَنۡ أَعۡبُدَ ٱلَّذِينَ تَدۡعُونَ مِن دُونِ ٱللَّهِ لَمَّا جَآءَنِيَ ٱلۡبَيِّنَٰتُ مِن رَّبِّي وَأُمِرۡتُ أَنۡ أُسۡلِمَ لِرَبِّ ٱلۡعَٰلَمِينَ ﴿٦٦﴾

هُوَ ٱلَّذِي خَلَقَكُم مِّن تُرَابٖ ثُمَّ مِن نُّطۡفَةٖ ثُمَّ مِنۡ عَلَقَةٖ ثُمَّ يُخۡرِجُكُمۡ طِفۡلٗا ثُمَّ لِتَبۡلُغُوٓاْ أَشُدَّكُمۡ ثُمَّ لِتَكُونُواْ شُيُوخٗاۚ وَمِنكُم مَّن يُتَوَفَّىٰ مِن قَبۡلُۖ وَلِتَبۡلُغُوٓاْ أَجَلٗا مُّسَمّٗى وَلَعَلَّكُمۡ تَعۡقِلُونَ ﴿٦٧﴾

هُوَ ٱلَّذِي يُحۡيِۦ وَيُمِيتُۖ فَإِذَا قَضَىٰٓ أَمۡرٗا فَإِنَّمَا يَقُولُ لَهُۥ كُن فَيَكُونُ ﴿٦٨﴾

"Allah yang telah menciptakan bumi untuk kamu sebagai tempat kediaman yang mantap dan langit sebagai binaan yang kukuh, dan Dialah yang membentuk kamu dan mengelokkan rupa paras kamu serta memberi rezeki kepada kamu dari benda-benda yang baik. Itulah Allah Tuhan kamu. Maha Agunglah Allah Tuhan semesta alam (64). Dialah Yang Maha Hidup. Tiada Tuhan melainkan Dia. Oleh itu berdo'alah kepada-Nya dengan mentuluskan keta'atan kepada-Nya. Segala kepujian itu terpulang kepada Allah Tuhan semesta alam (65). Katakanlah: Sesungguhnya aku telah dilarang menyembah sembahan-sembahan yang kamu sembah selain dari Allah setelah datang kepadaku keterangan-keterangan yang jelas dari Tuhanku dan aku telah diperintah supaya menyerah diri patuh kepada Tuhan semesta alam (66). Dialah yang telah menciptakan kamu dari tanah kemudian dari nutfah kemudian dari segumpal darah, kemudian kamu dilahirkan sebagai seorang kanak-kanak, kemudian kamu (terus dibesarkan) supaya kamu sampai ke usia dewasa, kemudian supaya kamu sampai ke usia orang-orang tua, dan di antara kamu ada yang diwafatkan sebelum usia itu, dan seterusnya supaya kamu sampai kepada ajal yang telah ditentukan dan supaya kamu berfikir (67). Dialah yang menghidup dan mematikan. Dan apabila Dia telah menetapkan kewujudan sesuatu, maka Dia hanya berkata kepadanya: Jadilah engkau! Maka ia pun terus jadi." (68).

أَلَمۡ تَرَ إِلَى ٱلَّذِينَ يُجَٰدِلُونَ فِيٓ ءَايَٰتِ ٱللَّهِ أَنَّىٰ

يُصۡرَفُونَ ٦٩

ٱلَّذِينَ كَذَّبُواْ بِٱلۡكِتَٰبِ وَبِمَآ أَرۡسَلۡنَا بِهِۦ رُسُلَنَاۖ فَسَوۡفَ يَعۡلَمُونَ ٧٠

إِذِ ٱلۡأَغۡلَٰلُ فِيٓ أَعۡنَٰقِهِمۡ وَٱلسَّلَٰسِلُ يُسۡحَبُونَ ٧١

فِي ٱلۡحَمِيمِ ثُمَّ فِي ٱلنَّارِ يُسۡجَرُونَ ٧٢

ثُمَّ قِيلَ لَهُمۡ أَيۡنَ مَا كُنتُمۡ تُشۡرِكُونَ ٧٣

مِن دُونِ ٱللَّهِۖ قَالُواْ ضَلُّواْ عَنَّا بَل لَّمۡ نَكُن نَّدۡعُواْ مِن قَبۡلُ شَيۡـٔٗاۚ كَذَٰلِكَ يُضِلُّ ٱللَّهُ ٱلۡكَٰفِرِينَ ٧٤

ذَٰلِكُم بِمَا كُنتُمۡ تَفۡرَحُونَ فِي ٱلۡأَرۡضِ بِغَيۡرِ ٱلۡحَقِّ وَبِمَا كُنتُمۡ تَمۡرَحُونَ ٧٥

ٱدۡخُلُوٓاْ أَبۡوَٰبَ جَهَنَّمَ خَٰلِدِينَ فِيهَاۖ فَبِئۡسَ مَثۡوَى ٱلۡمُتَكَبِّرِينَ ٧٦

فَٱصۡبِرۡ إِنَّ وَعۡدَ ٱللَّهِ حَقّٞۚ فَإِمَّا نُرِيَنَّكَ بَعۡضَ ٱلَّذِي نَعِدُهُمۡ أَوۡ نَتَوَفَّيَنَّكَ فَإِلَيۡنَا يُرۡجَعُونَ ٧٧

"Tidakkah engkau melihat kepada orang-orang yang membantah ayat-ayat Allah, bagaimanakah mereka boleh dipesongkan? (69) Iaitu orang-orang yang mendustakan kitab Al-Qur'an dan ajaran yang Kami telah utuskan kepada rasul-rasul Kami. Kelak mereka akan mengetahui (70). Ketika belenggu-belenggu dan rantai-rantai dipasang di leher mereka seraya mereka diseret (71). Ke dalam air yang amat panas kemudian mereka dibakar di dalam Neraka (72). Kemudian dikatakan kepada mereka: Manakah berhala-berhala yang kamu sekutukan? (73) Selain dari Allah. Jawab mereka: Mereka telah hilang lenyap dari kami, malah kami dahulu tidak pernah menyembah sesuatu. Demikianlah Allah menyesatkan orang-orang yang kafir (74). Balasan itu disebabkan kerana kamu bersuka ria di bumi tanpa mengikut jalan yang benar dan kerana kamu terlalu banyak bergembira (75). Masuklah kamu pintu-pintu Neraka Jahannam di mana kamu hidup kekal di dalamnya. Itulah seburuk-buruk tempat kediaman bagi orang-orang yang takbur (76). Oleh itu bersabarlah, sesungguhnya janji Allah itu tetap benar. (Sama sahaja) sama ada Kami sempat memperlihatkan kepadamu sebahagian 'azab yang Kami janjikan untuk mereka atau Kami wafatkan engkau (sebelum itu), maka seluruh mereka tetap dikembalikan kepada Kami".(77)

Pusingan ini mempunyai hubungan yang serapat-rapatnya dengan pusingan sebelumnya. Ia merupakan lanjutan dari pelajaran yang telah lalu dan penyempurnaan arahan kepada Rasulullah s.a.w. supaya bersabar menghadapi pendustaan, penindasan dan penghalangan kaum Musyrikin dari agama yang benar dan kebanggaan mereka dengan agama yang batil. Dan selepas arahan ini Al-Qur'an mendedahkan sebab yang menjadi punca mengapa mereka menyangkalkan ayat-ayat Allah tanpa hujah dan tanpa alasan. Sebabnya ialah perasaan takbur dan sombong. Perasaan inilah yang menghalangi mereka dari menerima agama yang benar, sedangkan mereka lebih kecil dan lebih kerdil dari ketakburan yang berkecamuk di dalam hati mereka.

Oleh sebab itu Al-Qur'an kemudiannya menyedarkan mereka terhadap keagungan kejadian alam buana yang diciptakan Allah dan kekerdilan kejadian manusia dibandingkan dengan kejadian langit dan bumi. Pelajaran ini terus menayangkan setengah-setengah bukti kekuasaan Allah pada kejadian-kejadian alam dan limpah kurnia Allah memberi kemudahan kepada manusia menggunakan ni'mat kejadian alam itu, sedangkan mereka lebih kecil dan lebih kerdil dari alam itu. Ia juga menyebut limpah kurnia Allah terhadap diri mereka sendiri, dan seluruh bukti dan ni'mat itu membuktikan keesaan Allah Pencipta yang dipersekutukan mereka, dan kemudian ia memerintah Rasulullah s.a.w. supaya mengisytiharkan 'aqidah tauhid dengan terus terang dan berpaling dari sembahan-sembahan yang disembah mereka selain dari Allah. Pusingan ini berakhir dengan satu pemandangan yang dahsyat dari pemandangan-pemandangan Qiamat, di mana mereka ditanya dengan penuh penghinaan mengenai tuhan-tuhan yang mereka sekutukannya dengan Allah, dan seterusnya ia diakhiri seperti pusingan yang telah lalu dengan mengarah Rasulullah s.a.w. supaya terus bersabar sama ada Allah panjangkan usianya hingga dapat menyaksikan sendiri setengah-setengah 'azab yang dijanjikan kepada orang-orang kafir atau beliau diwafatkan Allah sebelum datangnya janji Allah itu, kerana segala urusan di tangan Allah dan walau dalam keadaan apa pun mereka sekalian tetap kembali kepada Allah.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 56 - 60)

إِنَّ ٱلَّذِينَ يُجَٰدِلُونَ فِيٓ ءَايَٰتِ ٱللَّهِ بِغَيۡرِ سُلۡطَٰنٍ أَتَىٰهُمۡ إِن فِي صُدُورِهِمۡ إِلَّا كِبۡرٞ مَّا هُم بِبَٰلِغِيهِۚ فَٱسۡتَعِذۡ بِٱللَّهِۖ إِنَّهُۥ هُوَ ٱلسَّمِيعُ ٱلۡبَصِيرُ ٥٦

لَخَلْقُ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضِ أَكْبَرُ مِنْ خَلْقِ ٱلنَّاسِ وَلَٰكِنَّ أَكْثَرَ ٱلنَّاسِ لَا يَعْلَمُونَ ﴿٥٧﴾ وَمَا يَسْتَوِى ٱلْأَعْمَىٰ وَٱلْبَصِيرُ وَٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ وَعَمِلُوا۟ ٱلصَّٰلِحَٰتِ وَلَا ٱلْمُسِىٓءُ ۚ قَلِيلًا مَّا تَتَذَكَّرُونَ ﴿٥٨﴾

إِنَّ ٱلسَّاعَةَ لَءَاتِيَةٌ لَّا رَيْبَ فِيهَا وَلَٰكِنَّ أَكْثَرَ ٱلنَّاسِ لَا يُؤْمِنُونَ ﴿٥٩﴾

وَقَالَ رَبُّكُمُ ٱدْعُونِىٓ أَسْتَجِبْ لَكُمْ ۚ إِنَّ ٱلَّذِينَ يَسْتَكْبِرُونَ عَنْ عِبَادَتِى سَيَدْخُلُونَ جَهَنَّمَ دَاخِرِينَ ﴿٦٠﴾

"Sesungguhnya orang-orang yang membantah ayat-ayat Allah tanpa satu alasan yang jelas (dari Allah) yang datang kepada mereka tiada di dalam hati mereka melainkan hanyalah cita-cita yang takbur yang mereka tidak akan dapat mencapainya. Oleh itu pohonlah perlindungan pada Allah, sesungguhnya Dia Maha Mendengar dan Maha Melihat (56). Sesungguhnya penciptaan langit dan bumi itu lebih besar daripada penciptaan manusia, tetapi kebanyakkan manusia tidak mengetahui (57).Dan tiada sama si buta dengan si celik dan tidak pula sama orang-orang yang beriman dan mengerjakan amalan-amalan yang soleh dengan orang-orang yang melakukan kejahatan. Amat sedikit kamu mengambil pengajaran (58). Sesungguhnya Qiamat itu tetap akan datang, tanpa sebarang keraguan padanya, tetapi kebanyakkan manusia tidak beriman (59). Dan Tuhan kamu telah berfirman: Berdo'alah kepada-Ku nescaya aku perkenankan (do'a kamu). Sesungguhnya orang-orang yang takbur dari menyembah-Ku akan masuk Neraka Jahannam dengan keadaan yang hina-dina."(60)

Makhluk manusia ini seringkali lupakan dirinya. Dia lupa bahawa dia hanya satu makhluk yang kerdil dan lemah. Kekuatannya bukan diambil dari dirinya, tetapi hasil dari perhubungannya dengan Allah sebagai sumber utama segala kekuatan. Ia memutuskan hubungannya dengan Allah lalu ia merasa sombong dan takbur dan seluruh hati berkecamuk dengan perasaan angkuh yang diambil dari syaitan yang telah binasa dengan sifat yang angkuh ini kemudian dia menggoda pula manusia dengan sifat yang angkuh itu.

Manusia menyangkal ayat-ayat Allah dengan penuh takbur, sedangkan ayat-ayat Allah itu amat jelas kepada fitrahnya. Ia berkata kepada dirinya dan kepada orang lain bahawa dia menyangkalkan ayat-ayat itu kerana dia tidak yakin, tetapi Allah Maha Mengetahui, Maha Mendengar dan Maha Melihat rahsia-rahsia hati itu mendedahkan bahawa satu-satunya sebab yang sebenar dia menyangkal ayat-ayat Allah ialah perasaan takbur dan sombong, itulah perasaan yang berkecamuk di dalam hatinya. Perasaan takbur inilah yang mendorongnya mempertikaikan perkara-perkara yang tidak patut dipertikaikan. Perasaan takbur inilah yang telah membawanya menyangkal hakikat-hakikat yang lebih besar dari hakikat dirinya dan membawanya cuba mengambil tempat yang bukan tempatnya dan tidak layak dengannya. Dia tidak mempunyai sesuatu hujah dan alasan selain dari sikapnya yang takbur dan sombong:

إِنَّ ٱلَّذِينَ يُجَٰدِلُونَ فِىٓ ءَايَٰتِ ٱللَّهِ بِغَيْرِ سُلْطَٰنٍ أَتَىٰهُمْ ۙ إِن فِى صُدُورِهِمْ إِلَّا كِبْرٌ مَّا هُم بِبَٰلِغِيهِ ۚ

"Sesungguhnya orang-orang yang membantah ayat-ayat Allah tanpa satu alasan yang jelas (dari Allah) yang datang kepada mereka tiada di dalam hati mereka melainkan hanyalah cita-cita yang takbur yang mereka tidak akan dapat mencapainya."(56)

Andainya manusia memahami hakikat dirinya dan memahami hakikat alam al-wujud, sekiranya dia mengenai peranannya dan menunaikannya dengan sebaik-baiknya, tanpa mencuba melewati batasnya, sekiranya dia yakin bahawa dia hanya satu makhluk dari makhluk-makhluk yang tidak terbilang banyaknya yang dicipta dan dikuasai oleh Allah Pencipta alam al-wujud mengikut perencanaan-Nya, dan tiada siapapun yang mengetahui perencanaan-Nya yang tidak diketahui oleh sesiapa pun hanya Dia, sekiranya manusia mengetahui bahawa peranannya telah ditentukan mengikut hakikatnya di alam al-wujud ini, sekiranya dia memahami semuanya ini tentulah dia yakin dan tenang, dan tentulah dia merasa rendah diri dan hidup damai dengan dirinya sendiri dan dengan alam di sekelilingnya, dan tentulah dia menyerah dirinya kepada Allah.

فَٱسْتَعِذْ بِٱللَّهِ ۖ إِنَّهُۥ هُوَ ٱلسَّمِيعُ ٱلْبَصِيرُ ﴿٥٦﴾

"Oleh itu pohonlah perlindungan pada Allah. Sesungguhnya Dia Maha Mendengar dan Maha Melihat."(56)

Memohon perlindungan pada Allah dalam menghadapi perasaan takbur ini membayangkan betapa buruknya perasaan ini, kerana seseorang itu memohon perlindungan pada Allah dari sesuatu yang keji dan buruk yang diduga menimbulkan bahaya kejahatan dan gangguan, dan semuanya ini terdapat pada sifat takbur. Ia menyusahkan diri seseorang dan menyusahkan orang lain di sekelilingnya. Ia menyakiti hati yang disaranginya dan menyakiti hati orang lain. Ia adalah benar-benar satu sifat yang jahat yang wajar dipohon perlindungan dari Allah.

إِنَّهُۥ هُوَ ٱلسَّمِيعُ ٱلْبَصِيرُ ﴿٥٦﴾

"Sesungguhnya Dia Maha Mendengar dan Maha Melihat."(56)

Yakni mendengar dan melihat tindak-tanduk takbur itu. Sifat takbur yang keji itu dapat dilihat pada gerak-geri yang dapat dipandang dan pada tutur kata yang dapat didengar, Rasulullah s.a.w. menyerahkan urusannya kepada Allah Yang Maha Mendengar dan Maha Mengetahui supaya memberi perlindungan kepadanya mengikut tadbir yang baik pada pandangan Allah.

Kemudian Al-Qur'an mendedahkan kepada manusia kedudukannya yang sebenar di dalam alam buana yang besar ini, dan tentang kekerdilan kejadiannya dibandingkan dengan setengah-setengah makhluk Allah yang dapat dilihat oleh mereka. Dan mereka akan menginsafi betapa besarnya kejadian alam buana ini dengan semata-mata melalui penglihatannya, dan perasaan mereka terhadap alam buana ini akan bertambah besar apabila mereka mengetahui hakikatnya:

"Sesungguhnya penciptaan langit dan bumi itu lebih besar daripada penciptaan manusia, tetapi kebanyakkan manusia tidak mengetahui."(57)

Manusia dapat melihat langit dan bumi yang tersergam di hadapannya dan dapatlah ia mengukurkan dirinya dengan kedua-duanya. Tetapi apabila ia mengetahui hakikat nisbah-nisbah, dimensi-dimensi, hakikat saiz-saiz dan kekuatan-kekuatan yang wujud di langit dan bumi ini, tentu perasaan suburnya akan menjadi rendah dan kecil sehingga perasaan itu hampir-hampir hancurluluh kerana merasa dirinya terlalu kerdil, kecuali ia teringat kepada unsur yang luhur (unsur roh) yang telah diletakkan Allah di dalam dirinya. Kerana unsur inilah ia dimuliakan Allah dan unsur inilah satu-satunya kekuatan yang dapat dipegang olehnya di hadapan kebesaran alam buana yang amat luas itu.

Dengan selayang pandang sahaja merenungi kejadian langit dan bumi ini sudah cukup untuk mendapatkan kefahaman dan keinsafan itu.

Bumi yang menjadi alam hidup kita ini hanya sebuah planet yang kecil di antara planet-planet yang menjadi pengikut matahari yang lain. Bongkah bumi ialah tiga persejuta dari bongkah matahari dan saiznya kurang dari satu persejuta saiz bumi.

Matahari ini merupakan salah satu matahari dari kira-kira seratus juta matahari-matahari yang wujud dari galaksi yang dekat dengan kita. Sehingga hari ini manusia telah menemui kira-kira seratus juta galaksi ini yang bertaburan di angkasa raya yang amat luas, di sekeliling galaksi-galaksi itu, di mana matahari hampir-hampir tidak kelihatan. Jumlah galaksi yang diketemui manusia itu adalah satu jumlah yang kecil yang hampir-hampir tidak tersebut dalam binaan alam buana ini, tetapi walaupun jumlah itu kecil, namun ia adalah amat besar dan memusingkan kepala manusia untuk memahaminya. Jarak di antara kita dengan matahari ialah kira-kira sembilan puluh tiga juta batu. Matahari ialah ketua keluarga bumi kita yang kecil, malah mengikut pendapat yang kuat ia merupakan ibu kepada bumi yang kecil ini, dan bumi kita tidak jauh dari pangkuan ibunya lebih dari jarak ini iaitu sembilan puluh tiga juta batu sahaja.

Galaksi yang diikuti matahari mempunyai garispusat kira-kira seribu juta tahun cahaya. Dimaksudkan dengan satu tahun cahaya ialah jarak perjalanan enam ratus juta batu, kerana kederasan cahaya ialah seratus lapan puluh enam ribu batu dalam satu detik.

Sedekat-dekat galaksi yang lain kepada bumi ialah sejauh kira-kira tujuh ratus ribu lima puluh tahun cahaya dari kita.

Sekali lagi kami tegaskan bahawa jarak ini, dimensi-dimensi ini dan saiz-saiz ini ialah sekadar yang dapat diketahui ilmu pengetahuan manusia yang kerdil, sedangkan ilmu manusia itu sendiri mengakui bahawa apa yang ditemuinya hanya merupakan satu sektor yang kecil di alam buana yang lebar ini. Allah S.W.T. berfirman:

لَخَلْقُ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضِ أَكْبَرُ مِنْ خَلْقِ ٱلنَّاسِ وَلَٰكِنَّ أَكْثَرَ ٱلنَّاسِ لَا يَعْلَمُونَ ﴿٥٧﴾

"Sesungguhnya penciptaan langit dan bumi ini lebih besar dari penciptaan manusia, tetapi kebanyakan manusia tidak mengetahui."(57)

Tidak ada pada qudrat Allah sesuatu yang lebih besar dan sesuatu yang lebih kecil, dan tidak ada pula sesuatu yang lebih sukar atau lebih mudah, kerana Allah menciptakan segala-gala sesuatu itu dengan satu kalimat "kun" sahaja, maka segala-gala sesuatu itu muncul ke alam al-wujud dengan sifat-sifatnya yang sempurna sebagaimana yang diketahui dan dikira oleh manusia. Di manakah manusia dibandingkan dengan alam buana yang besar itu dan sampai ke manakah kebesaran kejadian manusia dibandingkan dengan kejadian alam yang besar itu?

وَمَا يَسْتَوِى ٱلْأَعْمَىٰ وَٱلْبَصِيرُ وَٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ وَعَمِلُوا۟ ٱلصَّٰلِحَٰتِ وَلَا ٱلْمُسِىٓءُ ۚ

"Dan tiada sama si buta dengan si celik dan tidak pula sama orang-orang yang beriman dan mengerjakan amalan-amalan yang soleh dengan orang-orang yang melakukan kejahatan."(58)

Yakni orang yang celik tentulah melihat dan mengetahui dan tentulah mengenal nilai dirinya. Dia tidak angkuh, sombong dan takbur kerana dia melihat dan mengenal, sedangkan orang yang buta pula tidak nampak dan tidak tahu di mana

tempatnya, tidak tahu nisbahnya dengan kejadian-kejadian di sekelilingnya, kerana itu dia tersalah membuat perhitungan dan penilaian tentang kedudukan dirinya dan kedudukan benda-benda di sekelilingnya. Dia teraba-raba di sana sini kerana tidak dapat membuat perhitungan yang tepat. Demikian juga orang yang beriman dan mengerjakan amalan yang soleh tidak sama dengan orang yang tidak beriman dan melakukan kejahatan-kejahatan. Orang-orang yang beriman melihat dan mengetahui dan kerana itu mereka dapat membuat perhitungan dan penilaian yang baik, sedangkan orang-orang yang tidak beriman berada dalam keadaan yang buta dan jahil, kerana itu mereka melakukan perbuatan-perbuatan yang salah, iaitu salah terhadap diri mereka sendiri, salah terhadap orang lain dan terutamanya salah dalam memahami nilai diri mereka dan nilai kejadian di sekeliling mereka, juga salah dalam mengukurkan diri mereka dengan kejadian-kejadian di sekeliling mereka. Mereka adalah orang-orang yang buta matahati:

قَلِيلًا مَّا تَتَذَكَّرُونَ ﴿٥٨﴾

"Amat sedikit kamu mengambil pengajaran."(58)

Yakni andainya kita mengambil peringatan tentulah kita mengetahui kerana perkara ini sangat terang dan dekat tidak memerlukan lebih banyak dari hanya mengambil peringatan dan diberi peringatan sahaja. Kemudian sekiranya kita teringat kepada Akhirat, dan percaya kepada kedatangannya dan memahami kedudukan kita di alam Akhirat dan menghadirkan pemandangan kita di Akhirat, tentulah kita yakin:

إِنَّ ٱلسَّاعَةَ لَآتِيَةٌ لَّا رَيْبَ فِيهَا وَلَٰكِنَّ أَكْثَرَ ٱلنَّاسِ لَا يُؤْمِنُونَ ﴿٥٩﴾

"Sesungguhnya Qiamat itu tetap akan datang, tanpa sebarang keraguan padanya, tetapi kebanyakkan manusia tidak beriman."(59)

Oleh kerana, itu mereka terus menyangkal dan berlagak sombong. Mereka tidak tunduk kepada kebenaran dan tidak mengetahui tempat mereka yang sebenar.

Bertawajjuh dengan beribadat kepada Allah serta berdo'a dan memohon kepada-Nya merupakan amalan-amalan yang boleh menyembuhkan hati dari perasaan takbur yang berkecamuk di dalamnya hingga mendorongnya menyangkal ayat-ayat Allah tanpa hujah dan tanpa bukti. Allah S.W.T. sentiasa membuka pintu-Nya supaya kita bertawajjuh dan berdo'a kepada-Nya. Dia telah mengisytiharkan kepada kita bahawa Dia mewajibkan ke atas diri-Nya memperkenankan do'a siapa sahaja yang berdo'a kepada-Nya, dan Dia telah memberi amaran kehinaan dan 'azab Neraka kepada orang-orang yang sombong dari mengerjakan ibadat kepada-Nya:

وَقَالَ رَبُّكُمُ ٱدْعُونِىٓ أَسْتَجِبْ لَكُمْ ۚ إِنَّ ٱلَّذِينَ يَسْتَكْبِرُونَ عَنْ عِبَادَتِى سَيَدْخُلُونَ جَهَنَّمَ دَاخِرِينَ ﴿٦٠﴾

"Dan Tuhan kamu telah berfirman: Berdo'alah kepada-Ku nescaya aku perkenankan (do'a kamu). Sesungguhnya orang-orang yang takbur dari menyembah-Ku akan masuk Neraka Jahannam dengan keadaan yang hina-dina."(60)

Berdo'a mempunyai adab caranya iaitu mengikhlaskan hati kepada Allah dan menaruh sepenuh kepercayaan bahawa Allah akan memperkenankannya serta jangan mencadangkan kepada Allah satu bentuk perkenan yang tertentu, atau menentukan waktu atau tempat yang tertentu kerana mengaturkan cadangan-cadangan seperti ini bukanlah dari adab memohon kepada Allah, juga mengi'tiqadkan bahawa keinginan bertawajjuh dan berdo'a kepada Allah itu merupakan taufiq dari Allah dan penerimaan do'a itu merupakan limpah kurnia dari-Nya. Saydina Umar r.a. pernah berkata: "Aku tidak menanggung kesusahan diperkenankan do'a, tetapi aku menanggung kesusahan berdo'a oleh itu jika aku diilhamkan berdo'a, maka tetaplah do'a itu diperkenankan Allah." Inilah perkataan yang terbit dari hati yang 'arifibillah, iaitu hati yang memahami bahawa apabila Allah menetapkan penerimaan do'a atau perkenan, maka sekaligus Dia tetapkan pula keinginan berdo'a kepada-Nya. Kedua-duanya selaras apabila ditaufiqkan Allah.

Adapun orang-orang yang sombong dari bertawajjuh kepada Allah, maka balasan mereka yang setimpal ialah mereka diheret ke dalam Neraka dengan keadaan yang hina dina. Inilah kesudahan takbur yang membusungkan hati manusia di bumi yang kecil ini dan di dalam kehidupan dunia yang murah ini dan membuat mereka lupa kepada kebesaran penciptaan Allah di samping lupakan keagungan Allah dan lupakan Akhirat yang tetap akan datang, juga lupakan kedudukannya yang hina-dina di Akhirat setelah berlagak congkak bongkak.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 61 - 65)

Setelah menyebut keadaan mereka yang sombong dari menyembah Allah, Al-Qur'an menayangkan pula setengah-setengah ni'mat Allah yang dikurniakan kepada manusia, iaitu ni'mat-ni'mat yang membuktikan keagungan dan kebesaran-Nya. Mereka bukan sahaja tidak bersyukur terhadap ni'mat-ni'mat itu, malah berlagak sombong dari beribadat dan bertawajjuh kepada Allah.

ٱللَّهُ ٱلَّذِى جَعَلَ لَكُمُ ٱلَّيْلَ لِتَسْكُنُوا۟ فِيهِ وَٱلنَّهَارَ مُبْصِرًا ۚ إِنَّ ٱللَّهَ لَذُو فَضْلٍ عَلَى ٱلنَّاسِ وَلَٰكِنَّ أَكْثَرَ ٱلنَّاسِ لَا يَشْكُرُونَ ﴿٦١﴾

ذَٰلِكُمُ ٱللَّهُ رَبُّكُمْ خَٰلِقُ كُلِّ شَىْءٍ لَّآ إِلَٰهَ إِلَّا هُوَ ۖ فَأَنَّىٰ تُؤْفَكُونَ ﴿٦٢﴾ كَذَٰلِكَ يُؤْفَكُ ٱلَّذِينَ كَانُوا۟ بِـَٔايَٰتِ ٱللَّهِ يَجْحَدُونَ ﴿٦٣﴾ ٱللَّهُ ٱلَّذِى جَعَلَ لَكُمُ ٱلْأَرْضَ قَرَارًا وَٱلسَّمَآءَ بِنَآءً وَصَوَّرَكُمْ فَأَحْسَنَ صُوَرَكُمْ وَرَزَقَكُم مِّنَ ٱلطَّيِّبَٰتِ ۚ ذَٰلِكُمُ ٱللَّهُ رَبُّكُمْ ۖ فَتَبَارَكَ ٱللَّهُ رَبُّ ٱلْعَٰلَمِينَ ﴿٦٤﴾ هُوَ ٱلْحَىُّ لَآ إِلَٰهَ إِلَّا هُوَ فَٱدْعُوهُ مُخْلِصِينَ لَهُ ٱلدِّينَ ۗ ٱلْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ ٱلْعَٰلَمِينَ ﴿٦٥﴾

"Allah yang telah menjadikan malam untuk kamu beristirehat padanya dan menjadikan siang itu mencelikkan mata. Sesungguhnya Allah mempunyai kurnia yang melimpah-ruah ke atas manusia, tetapi kebanyakkan manusia tidak bersyukur (61). Itulah Allah Tuhan kamu Pencipta segala sesuatu. Tiada Tuhan melainkan Dia. Bagaimanakah kamu dapat dipesongkan? (62). Begitulah juga dipesongkan orang-orang yang mengingkarkan ayat-ayat Allah (63). Allah yang telah menciptakan bumi untuk kamu sebagai tempat kediaman yang mantap dan langit sebagai binaan yang kukuh, dan Dialah yang membentuk kamu dan mengelokkan rupa paras kamu serta memberi, rezeki kepada kamu dari benda-benda yang baik. Itulah Allah Tuhan kamu. Maha Agunglah Allah Tuhan semesta alam (64). Dialah Yang Maha Hidup. Tiada Tuhan melainkan Dia. Oleh itu berdo'alah kepada-Nya dengan mentuluskan keta'atan kepada-Nya. Segala kepujian itu terpulang kepada Allah Tuhan semesta alam."(65)

Malam dan siang merupakan dua gejala alam. Bumi dan langit juga merupakan dua makhluk alam ini. Ia disebut bersama sifat Allah yang membentuk manusia dengan rupa paras yang cantik dan mengurniakan rezeki-rezeki yang baik kepada mereka. Semuanya disebut ketika dibicarakan ni'mat-ni'mat dan limpah kurnia Allah terhadap manusia. Juga disebut ketika dibicarakan keesaan Allah dan penumpuan seluruh keta'atan kepada Allah sahaja. Ini menunjukkan bahawa gejala-gejala, makhluk-makhluk dan konsep-konsep Wahdaniyah dan keta'atan itu mempunyai hubungan dan pertalian yang rapat di antara satu sama lain. Dan semuanya wajib difikirkan dalam lingkungannya yang luas dan wajib diperhatikan hubungan-hubungannya yang harmoni.

Alam buana ini dibina di atas asas yang dibina oleh Allah, kemudian ditadbirkan mengikut undang-undang yang diatur oleh Allah. Asas dan undang-undang inilah yang telah membolehkan adanya makhluk-makhluk yang hidup di bumi ini, serta membolehkannya berkembang maju. Asas dan peraturan inilah juga yang membolehkan adanya kehidupan manusia dalam bentuknya yang kita ketahui, yang sesuai dengan keperluan-keperluan mereka, iaitu keperluan struktur kejadian dan fitrah mereka. Allah telah menciptakan malam untuk manusia sebagai waktu beristirehat dan bersenang-senang, dan menciptakan siang yang terang benderang untuk menyenangkan manusia melihat dan bergerak. Dia menjadikan bumi sebagai tempat kediaman yang baik untuk menjalankan kehidupan dan kegiatan. Dia menjadikan langit sebagai bumbung yang kukuh teguh, tidak pecah dan runtuh. Nisbah dan ukuran-ukuran jauh dekat, tinggi rendah bintang-bintangnya tidak pernah mungkir dan andainya berlaku kemungkiran nescaya manusia tidak mungkin wujud di permukaan bumi dan mungkin hayat juga tidak mungkin wujud. Allahlah yang telah menyediakan rezeki-rezeki yang baik yang lahir dari bumi dan diturunkan dari langit untuk keni'matan manusia. Allahlah yang telah menciptakan manusia dengan sebaik-baik rupa dan meletakkan di dalam dirinya ciri-ciri, kesediaan-kesediaan dan bakat-bakat yang sesuai dengan alam buana ini iaitu ciri-ciri dan bakat-bakat yang sesuai dengan suasana hidupnya yang berhubung rapat dengan alam buana yang besar ini. Semua ciptaan ini mempunyai hubungan yang rapat dan harmoni seperti yang dapat dilihat oleh anda. Oleh sebab itulah semua ciptaan-ciptaan itu telah disebut di dalam satu tempat yang berhubung rapat.Dan semua ciptaan itu dijadikan bukti keesaan Allah. Dan di bawah bayangan-Nya diarahkan hati manusia supaya menyembah Allah yang tunggal dan mentuluskan keta'atan kepada-Nya seraya mengucap "الحمدلله رب العالمين". Kemudian Al-Qur'an menjelaskan bahawa yang berkuasa menciptakan segala kejadian dengan teratur dan seimbang seperti inilah yang layak menjadi Tuhan, iaitu Allah Tuhan yang memelihara alam semesta. Bagaimanakah manusia boleh terpesong dari kebenaran yang amat jelas ini?

Di sini kami ingin sebutkan pandangan-pandangan sepintas lalu mengenai setengah-setengah sudut hubungan dalam pelan penciptaan alam buana dan hubungannya dengan kehidupan manusia, iaitu pandangan-pandangan yang sesuai dengan keterangan-keterangan ringkas yang disebut di dalam Al-Qur'an...

"Sekiranya bumi tidak berputar di sekeliling dirinya menghadapi matahari tentulah tidak ada pertukaran malam dan siang.

"Sekiranya bumi berputar di sekeliling dirinya lebih cepat dari putarannya yang ada sekarang ini nescaya rumah-rumah akan runtuh bertaburan, bumi akan pecah berantakan di angkasa raya.

"Sekiranya bumi berputar di sekeliling dirinya lebih perlahan dari putarannya yang ada sekarang ini nescaya manusia akan mati kerana panas dan dingin. Nisbah kecepatan putaran bumi di sekeliling dirinya yang ada sekarang ini merupakan kadar kecepatan yang amat sesuai dengan kehidupan haiwan dan kehidupan tumbuh-tumbuhan dengan erti kata yang seluas-luasnya.

"Sekiranya tidak kerana putaran bumi di sekeliling dirinya nescaya keringlah air segala laut dan lautannya.

"Apa akan terjadi jika paksi bumi itu lurus dan bumi beredar mengikut jalan peredarannya di sekeliling matahari dalam bentuk satu bulatan, di mana matahari menjadi pusatnya? Jika berlaku demikian, maka musim-musim tidak akan wujud lagi dan manusia tidak akan mengenal musim panas dan musim sejuk, musim bunga dan musim gugur." [1]

"Sekiranya kulit bumi ini lebih tebal beberapa kaki dari kulitnya yang ada sekarang ini nescaya ia akan menyedut karbon dioksid dari oksigen yang mengakibatkan tidak mungkin wujudnya hayat tumbuh-tumbuhan..

"Sekiranya udara lebih tipis dari keadaannya yang ada sekarang, nescaya setengah-setengah tahi bintang yang sekarang menembusi udara luar dengan jumlahnya yang berjuta-juta itu akan menghentam semua bahagian permukaan bumi. Tahi-tahi bintang itu meluncur dengan kederasan di antara enam dan empat puluh batu sesa'at dan ia boleh menyalakan segala sesuatu yang boleh terbakar. Andainya tahi-tahi bintang ini meluncur perlahan seperti kederasan peluru senapang, nescaya ia akan gugur dan pecah di bumi semuanya dan akibatnya amat dahsyat. Manusia yang dilanggar oleh tahi bintang yang kecil yang meluncur dengan kederasan yang melebihi kederasan peluru senapang sebanyak sembilan puluh kali akan hancur berkecai dengan semata-mata kepanasan laluannya sahaja.

"Sekiranya nisbah oksigen di dalam udara itu lima puluh peratus misalnya atau lebih banyak bukannya dua puluh satu peratus, maka semua bahan-bahan yang boleh terbakar di alam ini akan terdedah kepada kebakaran hingga cetusan bunga api pertama dari petir yang mengenai satu pokok kayu itu boleh membakar hutan rimba dan meledakkannya. Dan sekiranya, nisbah oksigen itu turun kepada sepuluh peratus atau kurang lagi, maka hayat di bumi, lama kelamaan lagi akan pupus dengan sendiri, dan dalam keadaan ini unsur-unsur tamadun yang dini'mati manusia seperti api amat sedikit boleh didapati mereka.[2]

Di sana terdapat beribu-ribu penyesuaian dalam pelan penciptaan alam buana ini. Andainya ada sesuatu yang mungkir nescaya gambaran hayat yang kita ketahui sesuai dengan manusia itu tidak akan wujud lagi.

Manusia sendiri pula diciptakan dengan bentuk rupa yang unik di antara makhluk-makhluk bernyawa yang lain. Ia dilengkapkan dengan sistem peralatan badan yang sempurna, yang dapat melaksanakan semua tugas-tugasnya dengan mudah dan halus. Bentuk rupanya sesuai dengan suasana umum alam ini yang membolehkannya wujud dan bergerak di tengah-tengah persekitaran alam seperti sekarang ini. Selain dari itu manusia dikurniakan satu ciri agung yang melayakkannya menjadi khalifah di bumi ini, iaitu dia dikurniakan akal dan daya membuat hubungan roh dengan alam yang wujud di sebalik benda-benda yang berbentuk dan ber'aradh (iaitu alam ketuhanan).

Andainya kita mengkaji kehalusan ciptaan manusia dan keserasian segala bahagian anggota tubuh badannya dan fungsi-fungsinya masing-masing yang termasuk dalam firman-Nya nescaya kita akan berdiri kagum di hadapan setiap anggota yang kecil, malah di hadapan setiap sel yang tunggal dari entiti insan yang amat halus dan menarik itu.

Sebagai contoh kehalusan yang menarik itu ialah rahang manusia dan kedudukan gigi-gigi yang ada padanya. Rahang ini diciptakan begitu halus hingga penonjolan satu persepuluh milimeter di gusi atau di lidah akan mengganggu gusi dan lidah ini. Dan sekiranya penonjolan sebesar ini wujud pada geraham atau pada gigi, maka ia akan menyebabkan geraham dan gigi itu berantuk dan bergesel dengan geraham dan gigi yang bertentangan dengannya. Begitu juga wujudnya sekeping kertas yang tipis seperti kertas penggulung rokok di antara rahang atas dan rahang bawah boleh menyebabkan kertas itu berbekas dengan tekanan dua rahang ke atasnya dan tanda-tanda tekanan itu boleh dilihat pada kertas itu, kerana rahang-rahang itu diciptakan begitu halus hingga kedua-duanya dapat bertemu dengan tepat dan sempurna untuk mengunyah dan mengisar benda-benda yang senipis kertas penggulung rokok.

Kemudian struktur kejadian manusia dilengkapkan dengan sempurna untuk hidup di alam ini. Matanya diukur mengikut getaran cahaya yang perlu dilihat olehnya mengikut fungsinya di bumi ini. Dan telinganya juga diukur mengikut getaran bunyi yang perlu didengar olehnya mengikut fungsinya di bumi ini. Setiap indera dan setiap anggotanya adalah direkabentuk mengikut keadaan persekitaran yang disediakan untuk hidupnya dan dilengkapkan dengan daya penyesuaian yang tertentu apabila keadaan-keadaan itu berubah.

Pendeknya manusia itu diciptakan sesuai dengan alam sekitar ini, di mana dia dapat hidup, menerima kesan dan memberi kesan. Di sana ada hubungan yang amat rapat di antara rekabentuk alam sekitar ini dengan rupa bentuk manusia. Yakni rupa bentuk manusia yang seperti ini mempunyai hubungan yang

---

1 *Dipetik dari buku* مع الله في السماء .

2 *Dipetik dari buku* العلم يدعو للإيمان *terjemahan Mahmud Soleh al-Falaki.*

rapat dengan alam sekitarnya iaitu bumi dan langit. Inilah ciri mu'jizat yang terdapat di dalam Al-Qur'an.

Dengan penerangan yang ringkas ini cukuplah untuk menggambarkan kehalusan ciptaan Allah dan keseimbangan ciptaan di antara alam dan manusia.

Marilah kita berhenti sebentar di hadapan nas-nas Al-Qur'an:

ٱللَّهُ ٱلَّذِي جَعَلَ لَكُمُ ٱلَّيۡلَ لِتَسۡكُنُواْ فِيهِ وَٱلنَّهَارَ مُبۡصِرًاۚ

"Allah yang telah menjadikan malam untuk kamu beristirehat padanya dan menjadikan siang itu mencelikkan mata."(61)

Ketenangan di waktu malam itu merupakan satu keperluan kepada setiap makhluk yang hidup. Di sana pastilah ada satu tempoh gelap (malam) di mana sel-sel yang hidup dapat bertenang dan beristirehat untuk melaksanakan kegiatannya di dalam cahaya (siang). Tidur sahaja tidak cukup untuk mendapatkan ketenangan itu, malah pastilah adanya malam dan pastilah adanya gelap. Tisu-tisu hidup yang terus menerus terdedah kepada cahaya sehingga kepada had yang memenatkannya akan rosak kerana ia tidak dapat meni'mati ketenangan yang diperlukan.

وَٱلنَّهَارَ مُبۡصِرًاۚ

"Menjadikan siang mencelik."(61)

Ungkapan ini menggambarkan hari siang seolah-olah makhluk hidup yang mencelikkan mata, sedangkan yang melihat di dalam siang itu ialah manusia, kerana inilah sifat yang biasa.

Pertukaran malam dan siang seperti ini merupakan satu ni'mat yang mengandungi berbagai-bagai ni'mat yang lain. Andainya malam atau siang sahaja yang terus berkekalan atau lebih panjang masanya dari masa yang ada sekarang ini nescaya hayat akan pupus. Oleh sebab itu tidaklah hairan mengapa setelah menyebut pertukaran siang dan malam ini Al-Qur'an terus iringi dengan menyebut kurnia Allah yang limpah yang tidak disyukuri oleh kebanyakkan manusia:

إِنَّ ٱللَّهَ لَذُو فَضۡلٍ عَلَى ٱلنَّاسِ وَلَٰكِنَّ أَكۡثَرَ ٱلنَّاسِ لَا يَشۡكُرُونَ ٦١

"Sesungguhnya Allah mempunyai kurnia yang melimpah-ruah ke atas manusia tetapi kebanyakkan manusia tidak bersyukur."(61)

Kemudian kejadian dua gejala alam itu diiringi pula dengan pernyataan bahawa yang berkuasa menjadikan malam dan siang itulah Tuhan yang layak menyandang nama yang agung ini:

ذَٰلِكُمُ ٱللَّهُ رَبُّكُمۡ خَٰلِقُ كُلِّ شَيۡءٖ لَّآ إِلَٰهَ إِلَّا

"Itulah Allah Tuhan kamu Pencipta segala sesuatu. Tiada Tuhan melainkan Dia. Bagaimanakah kamu dapat dipesongkan?"(62)

Adalah satu hal yang amat menghairankan iaitu manusia memang melihat tangan qudrat Allah pada segala sesuatu. Mereka tahu Allah itulah Pencipta segala sesuatu. Mereka tahu hakikat ini dengan pengetahuan yang yakin dan pasti, tidak dapat ditolak oleh akal mereka kerana segala sesuatu itu telah wujud dan mustahil ada orang yang sanggup mendakwa bahawa dialah yang menciptakannya, dan tidak pula betul jika dikatakan bahawa segala sesuatu itu telah terjadi sendiri tanpa pencipta. Semuanya amat menghairankan apabila manusia masih terus tidak mahu beriman dan tidak mahu mengakui kebenaran:

"Bagaimanakah kamu dapat dipesongkan?"(62)

Demikianlah manusia dipesongkan dari kebenaran yang amat jelas ini. Demikianlah hal ini berlaku kepada orang-orang yang pertama menerima Al-Qur'an ini dan akan terus berlaku di setiap zaman tanpa sebab, tanpa hujah dan tanpa bukti yang terang:

كَذَٰلِكَ يُؤۡفَكُ ٱلَّذِينَ كَانُواْ بِـَٔايَٰتِ ٱللَّهِ يَجۡحَدُونَ ٦٣

"Begitulah juga dipesongkan orang-orang yang mengingkarkan ayat-ayat Allah."(63)

Kemudian Al-Qur'an berpindah pula dari kejadian malam dan siang kepada penciptaan bumi sebagai tempat kediaman yang mantap dan langit sebagai satu binaan yang teguh:

ٱللَّهُ ٱلَّذِي جَعَلَ لَكُمُ ٱلۡأَرۡضَ قَرَارٗا وَٱلسَّمَآءَ بِنَآءٗ

"Allah yang telah menciptakan bumi untuk kamu sebagai tempat kediaman yang mantap dan langit sebagai binaan yang kukuh."(64)

Bumi itu tempat kediaman yang amat sesuai untuk kehidupan manusia kerana bumi telah diatur dengan berbagai-bagai penyesuaian yang setengah-setengahnya telah pun diterangkan tadi dengan ringkas. Langit merupakan satu binaan yang tetap teguh segala nisbahnya, segala ukuran tinggi rendah, jauh dekat, panjang lebar dan segala pergerakan dan peredarannya. Dan oleh sebab itulah ia menjamin keteguhan dan kemantapan bagi kehidupan manusia. Ia dikira dengan kiraan yang rapi dalam pelan alam ini dan binaannya direncanakan dengan perencanaan yang halus.

Al-Qur'an menghubungkan kejadian langit dan bumi dengan kejadian manusia dan rezeki-rezekinya yang baik yang telah Kami jelaskan setengah-setengah rahsianya:

وَصَوَّرَكُمْ فَأَحْسَنَ صُوَرَكُمْ وَرَزَقَكُم مِّنَ ٱلطَّيِّبَٰتِ

"Dialah yang membentuk kamu dan mengelokkan rupa paras kamu serta memberi rezeki kepada kamu dari benda-benda yang baik."(64)

Kemudian bukti-bukti kekuasaan Allah dan limpah kurnia-Nya diiringi dengan pernyataan yang sama dengan pernyataan pertama diiringi pula dengan kenyataan:

ذَٰلِكُمُ ٱللَّهُ رَبُّكُمْ ۖ فَتَبَارَكَ ٱللَّهُ رَبُّ ٱلْعَٰلَمِينَ ﴿٦٤﴾

"Itulah Allah Tuhan kamu. Maha Agunglah Allah Tuhan semesta alam."(64)

Itulah Allah yang mencipta, yang menentukan perencanaan dan pentadbiran Yang memelihara dan menentukan tempat kamu di dalam kerajaan-Nya. Itulah Allah Tuhan kamu. Maha Agunglah Allah dan berganda-gandalah keagungan dan kebesaran-Nya sebagai Tuhan semesta alam.

هُوَ ٱلْحَىُّ

"Dialah Yang Maha Hidup."(65)

Ya! Dialah sahaja Yang Maha Hidup, iaitu hidup zati yang tidak dibikin dan tidak dicipta, tidak bermula dan tidak berakhir, tidak berubah, tidak fana dan tidak bertukar-tukar. Dan tiada suatu pun yang mempunyai sifat ini melainkan hanya Allah S.W.T. sahaja.

Dialah sahaja yang mempunyai sifat Uluhiyah yang unik di samping mempunyai sifat hayat yang unik. Jadi Yang Maha Hidup dan Maha Esa ialah Allah:

لَآ إِلَٰهَ إِلَّا هُوَ

"Tiada Tuhan melainkan Dia."(65)

فَٱدْعُوهُ مُخْلِصِينَ لَهُ ٱلدِّينَ ۗ

"Oleh itu berdo'alah kepada-Nya dengan mentuluskan keta'atan kepada-Nya."(65)

dan sanjungkan-Nya di dalam do'a ini:

ٱلْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ ٱلْعَٰلَمِينَ ﴿٦٥﴾

"Segala kepujian terpulang kepada Allah, Tuhan yang memelihara semesta alam."(65)

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 66 - 68)

Di hadapan bukti-bukti kekuasaan Allah di dalam kejadian-kejadian alam dan di hadapan berbagai-bagai limpah kurnia-Nya dan pernyataan-pernyataan yang mengiringinya dan di sa'at-sa'at yang penuh dengan hakikat Wahdaniyah, hakikat Uluhiyah dan hakikat Rububiyah, datanglah perintah kepada Rasulullah s.a.w. supaya mengisytiharkan kepada kaum Musyrikin bahawa dia dilarang menyembah sembahan-sembahan yang disembah mereka selain dari Allah, dan bahawa dia diperintah menyerahkan dirinya kepada Allah, Tuhan yang memelihara semesta alam:

قُلْ إِنِّى نُهِيتُ أَنْ أَعْبُدَ ٱلَّذِينَ تَدْعُونَ مِن دُونِ ٱللَّهِ لَمَّا جَآءَنِىَ ٱلْبَيِّنَٰتُ مِن رَّبِّى وَأُمِرْتُ أَنْ أُسْلِمَ لِرَبِّ ٱلْعَٰلَمِينَ ﴿٦٦﴾

"Katakanlah: Sesungguhnya aku telah dilarang menyembah sembahan-sembahan yang kamu sembah selain dari Allah setelah datang kepadaku keterangan-keterangan yang jelas dari Tuhanku dan aku telah diperintah supaya menyerah diri patuh kepada Tuhan semesta alam."(66)

Yakni isytiharkanlah kepada orang-orang yang berpaling dari ayat-ayat Allah dan mengingkarkan ni'mat-ni'mat yang dikurniakan-Nya bahawa engkau dilarang menyembah tuhan-tuhan yang disembahkan mereka selain Allah. Katakanlah:

إِنِّى نُهِيتُ

"Aku telah dilarang."(66)

لَمَّا جَآءَنِىَ ٱلْبَيِّنَٰتُ مِن رَّبِّى

"Setelah datang kepadaku keterangan-keterangan yang jelas dari Tuhanku."(66)

Yakni aku mempunyai bukti yang jelas dan aku percayakannya dan berdasarkan bukti inilah aku isytiharkan 'aqidah tauhid yang benar dan menamatkan ibadat kepada yang lain dari Allah dan menyerah patuh kepada Allah yang memelihara semesta alam, dan dengan dua aspek ini, maka sempurnalah 'aqidah tauhid.

Kemudian Al-Qur'an menayangkan pula satu lagi bukti dari bukti-bukti kekuasaan Allah yang terdapat pada kejadian diri manusia sendiri setelah menayangkan bukti-bukti kekuasaan Allah pada kejadian-kejadian alam, iaitu bukti hidup manusia dengan peringkat-peringkat perkembangan-nya yang mena'jubkan, dan dari sini Al-Qur'an menjadikannya sebagai muqaddimah untuk menjelaskan bahawa seluruh hakikat hidup adalah berada di tangan Allah:

هُوَ ٱلَّذِى خَلَقَكُم مِّن تُرَابٍ ثُمَّ مِن نُّطْفَةٍ ثُمَّ مِنْ عَلَقَةٍ ثُمَّ يُخْرِجُكُمْ طِفْلًا ثُمَّ لِتَبْلُغُوٓا۟ أَشُدَّكُمْ ثُمَّ لِتَكُونُوا۟ شُيُوخًا ۚ وَمِنكُم مَّن يُتَوَفَّىٰ مِن قَبْلُ ۖ وَلِتَبْلُغُوٓا۟ أَجَلًا مُّسَمًّى وَلَعَلَّكُمْ تَعْقِلُونَ ﴿٦٧﴾

هُوَ ٱلَّذِى يُحْىِۦ وَيُمِيتُ ۖ فَإِذَا قَضَىٰٓ أَمْرًا فَإِنَّمَا يَقُولُ لَهُۥ كُن فَيَكُونُ ﴿٦٨﴾

"Dialah yang telah menciptakan kamu dari tanah kemudian dari nutfah kemudian dari segumpal darah, kemudian kamu dilahirkan sebagai seorang kanak-kanak, kemudian kamu (terus dibesarkan) supaya kamu sampai ke usia dewasa, kemudian supaya kamu sampai ke usia orang-orang tua, dan di antara kamu ada yang diwafatkan sebelum usia itu, dan seterusnya supaya kamu sampai kepada ajal yang telah ditentukan dan supaya kamu berfikir (67). Dialah yang menghidup dan mematikan. Dan apabila Dia telah menetapkan kewujudan sesuatu, maka Dia hanya berkata kepadanya: Jadilah engkau, maka ia pun terus jadi."(68)

Di dalam penciptaan manusia ada perkara-perkara yang tidak diketahui manusia kerana ia berlaku sebelum wujudnya manusia, dan ada pula perkara-perkara yang dilihat dan diperhatikan olehnya, tetapi perkara-perkara ini baru sahaja diketahui iaitu selepas turunnya Al-Qur'an ini berabad-abad lamanya.

Penciptaan manusia dari tanah merupakan satu hakikat yang berlaku sebelum wujudnya manusia. Tanah ini merupakan pokok pangkal seluruh hayat di muka bumi ini termasuk hayat insan. Dan tiada siapa yang mengetahui bagaimana peristiwa mu'jizat penciptaan manusia yang agung ini berlaku di dalam sejarah bumi dan di dalam sejarah hayat. Dan setelah itu manusia berkembang biak melalui perkahwinan, iaitu melalui percantuman nutfah lelaki dengan telur perempuan di dalam rahim dalam bentuk darah segumpal. Dan pada akhir peringkat perkembangan janin lahirlah bayi setelah sifat sel pertama itu melalui beberapa perubahan dan perkembangan yang besar. Peringkat-peringkat perkembangan ini, jika direnung dengan teliti, adalah lebih panjang dan lebih besar dari peringkat-peringkat perkembangan yang dilalui seseorang bayi mulai dari masa lahirnya hingga masa matinya. Ayat-ayat ini hanya menyebut beberapa peringkat perkembangan yang besar sahaja iaitu peringkat bayi, peringkat dewasa kira-kira dalam usia tiga puluh tahun, kemudian peringkat tua, peringkat-peringkat ini merupakan peringkat paling kuat di antara peringkat awal dan peringkat akhir yang lemah.

وَمِنكُم مَّن يُتَوَفَّىٰ مِن قَبْلُ ۖ

"Dan di antara kamu ada yang diwafatkan sebelum usia itu."(67)

Yakni sebelum sampai kepada semua peringkat-peringkat ini atau setengah-setengahnya:

وَلِتَبْلُغُوٓا۟ أَجَلًا مُّسَمًّى

"Dan seterusnya supaya kamu sampai kepada ajal yang telah ditentukan."(67)

Yakni ditentukan dengan tepat tidak terlewat dan tidak terdahulu sesa'at pun.

"Dan supaya kamu berfikir."(67)

Yakni usaha mengikut perjalanan perkembangan janin dan perjalanan perkembangan bayi dan memikirkan penciptaannya yang cantik dan teratur rapi itu memberi peranan yang amat besar kepada akal.

Perjalanan perkembangan janin merupakan satu perjalanan yang amat mena'jubkan dan menarik. Banyak di antara perjalanan perkembangan ini dapat kita ketahui setelah majunya ilmu kedoktoran terutama ilmu janin, tetapi Al-Qur'an telah menyebut perjalanan perkembangan itu dengan cukup halus sejak kira-kira empat belas abad yang lampau. Ini adalah satu perkara yang menarik perhatian, di mana setiap yang berakal tidak mungkin melaluinya tanpa berhenti merenungi dan memikirkannya.

Perjalanan perkembangan janin dan perjalanan perkembangan bayi kedua-duanya mempengaruhi perasaan manusia dan menarik hatinya dalam setiap masyarakat dan dari segenap peringkat kecerdasan akal. Setiap generasi manusia, dapat merasakan kesan hakikat ini mengikut cara dan maklumat masing-masing. Al-Qur'an telah mengemukakan hakikat ini kepada semua generasi manusia hingga mereka dapat memahami dan merasakannya, kemudian terserah kepada merekalah sama ada mereka menerima atau tidak menerima.

Kemudian Al-Qur'an iringi dengan menjelaskan hakikat kuasa menghidup dan kuasa memati dan hakikat penciptaan semuanya:

هُوَ ٱلَّذِى يُحْىِۦ وَيُمِيتُ ۖ فَإِذَا قَضَىٰٓ أَمْرًا فَإِنَّمَا يَقُولُ لَهُۥ كُن فَيَكُونُ ﴿٦٨﴾

"Dialah yang menghidup dan mematikan dan apabila Dia telah menetapkan kewujudan sesuatu, maka Dia hanya berkata kepadanya: Jadilah engkau! Maka ia pun terus jadi."(68)

Al-Qur'an banyak menyebut tentang hidup dan mati kerana kedua-duanya menyentuh hati manusia begitu kuat dan mendalam dan kerana kedua-duanya merupakan dua gejala yang amat ketara dan berulang-ulang dilihat manusia. Qudrat menghidup dan qudrat memati itu mempunyai pengertian yang lebih luas dari pengertian yang nampak pada seimbas lalu, kerana hidup itu beraneka ragam dan mati juga beraneka ragam. Melihat bumi yang tandus mati kemudian melihatnya pula subur dengan tumbuh-tumbuhan yang hidup, melihat pokok yang kering daun-daun dan dahan-dahannya pada satu musim kemudian melihatnya pula segar bugar dan hidup subur di setiap tempat, menghijau, berdaun dan bebunga pada musim yang lain seolah-olah hayat terpancar dan melimpah dari pokok itu, melihat telur

kemudian melihat anak yang keluar darinya, melihat benih-benih kemudian melihat tumbuh-tumbuhan yang terbit darinya, melihat perjalanan dari hidup kepada mati sama seperti melihat perjalanan dari mati kepada hidup, semuanya menarik hati setiap orang dan merangsangkan renungannya dan pemikirannya mengikut masing-masing jiwa dan keadaan.

Kemudian dari hakikat hidup dan mati berpindah pula kepada-hakikat penciptaan dan alat penciptaan. Semuanya terletak pada sepatah kata "kun" dan selepas itu segala sesuatu yang hendak diciptakan itu muncul ke alam al-wujud. "Maha Agunglah Allah sebaik-baik Pencipta."

* * * * * *

(Petafsiran ayat-ayat 69 - 76)

Di hadapan penciptaan hidup manusia dan dalam bayangan pemandangan hidup dan mati dan di hadapan hakikat penciptaan Ilahi yang mena'jubkan itu, ketaralah dengan jelas bahawa perbuatan menyangkalkan ayat-ayat Allah dan mendustakan rasul-rasul itu merupakan satu perbuatan yang aneh dan keji. Oleh sebab itulah Allah menghadapi perbuatan itu dengan ancaman yang amat menakutkan dalam bentuk satu pemandangan dari pemandangan-pemandangan Qiamat yang dahsyat:

أَلَمْ تَرَ إِلَى الَّذِينَ يُجَادِلُونَ فِي آيَاتِ اللَّهِ أَنَّىٰ يُصْرَفُونَ ﴿٦٩﴾

الَّذِينَ كَذَّبُوا بِالْكِتَابِ وَبِمَا أَرْسَلْنَا بِهِ رُسُلَنَا ۖ فَسَوْفَ يَعْلَمُونَ ﴿٧٠﴾

إِذِ الْأَغْلَالُ فِي أَعْنَاقِهِمْ وَالسَّلَاسِلُ يُسْحَبُونَ ﴿٧١﴾

فِي الْحَمِيمِ ثُمَّ فِي النَّارِ يُسْجَرُونَ ﴿٧٢﴾

ثُمَّ قِيلَ لَهُمْ أَيْنَ مَا كُنْتُمْ تُشْرِكُونَ ﴿٧٣﴾

مِنْ دُونِ اللَّهِ ۖ قَالُوا ضَلُّوا عَنَّا بَلْ لَمْ نَكُنْ نَدْعُو مِنْ قَبْلُ شَيْئًا ۚ كَذَٰلِكَ يُضِلُّ اللَّهُ الْكَافِرِينَ ﴿٧٤﴾

ذَٰلِكُمْ بِمَا كُنْتُمْ تَفْرَحُونَ فِي الْأَرْضِ بِغَيْرِ الْحَقِّ وَبِمَا كُنْتُمْ تَمْرَحُونَ ﴿٧٥﴾

ادْخُلُوا أَبْوَابَ جَهَنَّمَ خَالِدِينَ فِيهَا ۖ فَبِئْسَ مَثْوَى الْمُتَكَبِّرِينَ ﴿٧٦﴾

"Tidakkah engkau melihat kepada orang-orang yang membantah ayat-ayat Allah bagaimana mereka boleh dipesongkan? (69) Iaitu orang-orang yang mendustakan kitab Al-Qur'an dan pengajaran yang Kami telah utuskannya kepada rasul-rasul Kami. Kelak mereka akan mengetahui (70). Ketika belenggu-belenggu dan rantai-rantai di pasang di leher mereka seraya mereka diseret (71). Ke dalam air yang amat panas kemudian mereka dibakar di dalam Neraka (72). Kemudian dikatakan kepada mereka: Manakah berhala-berhala yang kamu sekutukan (73). Selain dari Allah. Jawab mereka: Mereka telah hilang lenyap dari kami, malah kami dahulu tidak pernah menyembah sesuatu. Demikianlah Allah menyesatkan orang-orang yang kafir (74). Balasan itu disebabkan kerana kamu bersuka ria di bumi tanpa mengikut jalan yang benar dan kerana kamu terlalu banyak bergembira (75). Masuklah kamu pintu-pintu Neraka Jahannam di mana kamu hidup kekal di dalamnya. Itulah seburuk-buruk tempat kediaman bagi orang-orang yang takbur."(76)

Al-Qur'an menyatakan kehairanan terhadap orang-orang yang menyangkalkan ayat-ayat Allah semasa dibentangkan ayat-ayat ini sebagai pendahuluan untuk menerangkan akibat yang menunggu mereka di sana.

أَلَمْ تَرَ إِلَى الَّذِينَ يُجَادِلُونَ فِي آيَاتِ اللَّهِ أَنَّىٰ يُصْرَفُونَ ﴿٦٩﴾

الَّذِينَ كَذَّبُوا بِالْكِتَابِ وَبِمَا أَرْسَلْنَا بِهِ رُسُلَنَا ۖ

"Tidakkah engkau melihat kepada orang-orang yang membantah ayat-ayat Allah bagaimana mereka boleh dipesongkan? Iaitu orang-orang yang mendustakan kitab Al-Qur'an dan segala pengajaran yang Kami utuskannya kepada rasul-rasul Kami."(69-70)

Yakni mereka mendustakan sebuah kitab dan mendustakan seorang rasul, tetapi dengan pendustaan ini bererti mereka mendustakan segala apa yang telah dibawa oleh para rasul yang terdahulu, kerana 'aqidah yang dibawa mereka hanya satu sahaja dan 'aqidah itu tergambar dengan sempurnanya di dalam agama Islam sebagai risalah yang terakhir. Oleh sebab itu pendustaan mereka bererti pendustaan terhadap setiap risalah dan setiap rasul. Segala pendusta sama ada di zaman dahulu,atau di zaman baru telah melakukan perbuatan ini apabila ia mendustakan Rasulnya yang membawa satu agama yang benar dan 'aqidah tauhid.

فَسَوْفَ يَعْلَمُونَ ﴿٧٠﴾

"Kelak mereka akan mengetahui."(70)

Kemudian Al-Qur'an menayangkan pemandangan 'azab yang akan diketahui mereka. Ia bukannya semata-mata 'azab, malah 'azab yang disertai penghinaan.

إِذِ الْأَغْلَالُ فِي أَعْنَاقِهِمْ وَالسَّلَاسِلُ يُسْحَبُونَ ﴿٧١﴾

"Ketika belenggu-belenggu dan rantai-rantai di pasang di leher mereka seraya mereka diseret."(71)

Yakni mereka diseret dengan penghinaan yang seperti ini sama dengan binatang-binatang ternakan dan binatang-binatang buas yang diheret manusia. Di atas asas apakah mereka patut dimuliakan, sedangkan mereka telah menanggalkan tanda kemuliaan dari diri mereka?

Dan setelah diheret dan ditarik dengan penuh 'azab dan penghinaan, maka pada akhirnya mereka dihumban ke dalam air yang amat panas dan kemudian ke dalam Neraka:

فِي ٱلْحَمِيمِ ثُمَّ فِي ٱلنَّارِ يُسْجَرُونَ ﴿٧٢﴾

"Ke dalam air yang amat panas kemudian mereka dibakar di dalam Neraka."(72)

Mereka diikat dan ditarik seperti anjing ke tempat yang penuh dengan air yang amat panas dan ke Neraka yang bernyala-nyala. Demikianlah berakhirnya perjalanan mereka.

Dan di tengah keseksaan itu mereka dihina pula dengan kata-kata:

ثُمَّ قِيلَ لَهُمْ أَيْنَ مَا كُنتُمْ تُشْرِكُونَ ﴿٧٣﴾

"Kemudian dikatakan kepada mereka: Manakah berhala-berhala yang kamu sekutukan selain dari Allah."(73)

Kemudian mereka menjawab dengan jawapan orang yang baru sedar dari kekeliruannya yang hampa dan kecewa:

مِن دُونِ ٱللَّهِ قَالُوا۟ ضَلُّوا۟ عَنَّا بَل لَّمْ نَكُن نَّدْعُوا۟ مِن
قَبْلُ شَيْـًٔا كَذَٰلِكَ يُضِلُّ ٱللَّهُ ٱلْكَٰفِرِينَ ﴿٧٤﴾

"Selain dari Allah. Jawab mereka: Mereka telah hilang lenyap dari kami, malah kami dahulu tidak pernah menyembah sesuatu.Demikianlah Allah menyesatkan orang-orang yang kafir."(74)

Yakni mereka telah menghilangkan diri dari kami. Kami tidak lagi mengetahui jalan mereka dan mereka juga tidak lagi memperkenalkan sesuatu jalan kepada kami, malah kami tidak pernah menyembah apa-apa sebelum ini. Segala-galanya prasangka dan kesesatan belaka.

Selepas jawapan yang penuh hampa itu diiringi dengan sebuah kenyataan umum:

كَذَٰلِكَ يُضِلُّ ٱللَّهُ ٱلْكَٰفِرِينَ ﴿٧٤﴾

"Demikianlah Allah menyesatkan orang-orang yang kafir."(74)

Kemudian satu kecaman yang akhir ditujukan kepada mereka:

ذَٰلِكُم بِمَا كُنتُمْ تَفْرَحُونَ فِي ٱلْأَرْضِ بِغَيْرِ ٱلْحَقِّ
وَبِمَا كُنتُمْ تَمْرَحُونَ ﴿٧٥﴾

ٱدْخُلُوٓا۟ أَبْوَٰبَ جَهَنَّمَ خَٰلِدِينَ فِيهَا فَبِئْسَ مَثْوَى
ٱلْمُتَكَبِّرِينَ ﴿٧٦﴾

"Balasan itu disebabkan kerana kamu bersuka ria di bumi tanpa mengikut jalan yang benar dan kerana kamu terlalu banyak bergembira (dalam maksiat) (75). Masuklah kamu pintu-pintu Neraka Jahannam di mana kamu hidup kekal di dalamnya. Itulah seburuk-buruk tempat kediaman bagi orang-orang yang takbur."(76)

Ya Allah Yang Maha Penolong! Di manakah 'azab mereka ditarik dengan rantai-rantai dan belenggu-belenggu dan diseksa dengan air panas dan Neraka? Nampaknya 'azab ini hanya merupakan 'azab permulaan masuk ke dalam Neraka Jahannam yang kekal abadi.

فَبِئْسَ مَثْوَى ٱلْمُتَكَبِّرِينَ ﴿٧٦﴾

"Itulah seburuk-buruk tempat kediaman bagi orang-orang yang takbur."(76)

Yakni dengan sebab sikap takbur dan sombong inilah mereka dibalas dengan penghinaan itu.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat 77)

Di hadapan pemandangan penghinaan dan 'azab yang ngeri ini, juga di hadapan, akibat penyangkalan ayat-ayat Allah dan keangkuhan yang membusung di dalam dada, Al-Qur'an berpaling kepada Rasulullah s.a.w., dan memerintah beliau supaya bersabar menghadapi keangkuhan dan sangkalan kaum Musyrikin dan supaya beliau tetap percaya kepada janji Allah yang benar sama ada Allah memperlihatkan kepada beliau setengah-setengah 'azab yang dijanjikan terhadap mereka dalam masa hidup beliau atau beliau diwafatkan sebelum itu, dan mengendalikan urusan 'azab dari pihaknya, kerana seluruh persoalan ini adalah terpulang kepada Allah dan tugas seseorang rasul hanya menyampaikan sahaja dan seluruh mereka akan kembali kepada Allah.

فَٱصْبِرْ إِنَّ وَعْدَ ٱللَّهِ حَقٌّ فَإِمَّا نُرِيَنَّكَ بَعْضَ ٱلَّذِى
نَعِدُهُمْ أَوْ نَتَوَفَّيَنَّكَ فَإِلَيْنَا يُرْجَعُونَ ﴿٧٧﴾

"Oleh itu bersabarlah sesungguhnya janji Allah itu tetap benar. (Sama sahaja) sama ada Kami sempat memperlihatkan kepadamu sebahagian 'azab yang Kami janjikan untuk mereka atau Kami wafatkan engkau (sebelum itu), maka seluruh mereka tetap dikembalikan kepada Kami."(77)

Di sini kita berdepan dengan satu peringatan yang wajar direnungi dengan mendalam, iaitu Rasulullah s.a.w. yang telah menghadapi penindasan, pembohongan, keangkuhan dan keingkaran kaum Musyrikin itu, telah diperintah Allah seolah-olah seperti berikut: "Tunaikanlah kewajipanmu dan

berhentilah setakat itu kerana hasil natijahnya bukan urusanmu", hinggakan kepuasan untuk melihat terlaksananya setengah-setengah janji 'azab ke atas orang-orang yang angkuh dan pendusta itu juga tidak boleh diharap-harapkan oleh hati beliau. Tugas beliau hanya bertindak menunaikan kewajipannya. Ini sahaja sudah cukup dan beliau boleh berlalu, kerana urusan ini bukan urusannya dan bukan persoalannya. Segala-galanya terpulang kepada Allah dan Allahlah yang akan bertindak mengikut apa yang dikehendaki-Nya.

Ya Allah! Alangkah tingginya dan alangkah sempurnanya adab sopan yang telah ditetapkan Allah terhadap para pejuang da'wah Islam ini yang ditujukan pada peribadi Rasulullah yang mulia.

Menunggu janji Ilahi ini adalah satu perkara yang amat sukar kepada jiwa manusia. Ia memerlukan kesabaran untuk menghadapi keinginan-keinginan hati manusia yang amat kuat. Oleh sebab itu arahan bersabar disebutkan di tempat ini. Ia bukan ulangan dari perintah bersabar yang telah lalu, malah ia merupakan arahan bersabar dari jenis yang baru yang mungkin lebih sukar dari arahan bersabar menghadapi penindasan, keangkuhan dan pendustaan.

Menahan keinginan jiwa manusia untuk melihat sendiri bagaimana Allah menghukumkan musuh-musuh-Nya dan musuh-musuh da'wah-Nya, iaitu musuh-musuh yang berseteru dengan mereka adalah satu perkara yang amat susah dan payah, tetapi kesabaran itulah adab sopan Ilahi yang ditetapkan Allah kepada hamba-hamba pilihan-Nya, dan kesabaran itu adalah bertujuan untuk membersihkan jiwa mereka dari segala keinginan peribadi walaupun dalam bentuk mencapai kemenangan mengalahkan musuh-musuh agama ini.

Setiap hati para penda'wah kepada Allah segialah memikirkan peringatan Ilahi ini dengan mendalam pada setiap waktu. Inilah pelampung keselamatan dalam menghadapi gelombang keinginan peribadi yang pada mulanya kelihatan bersih dan jujur. Kemudian diharungi dan direnangi syaitan.

(Kumpulan ayat-ayat 78 - 85)

وَلَقَدْ أَرْسَلْنَا رُسُلًا مِّن قَبْلِكَ مِنْهُم مَّن قَصَصْنَا
عَلَيْكَ وَمِنْهُم مَّن لَّمْ نَقْصُصْ عَلَيْكَ ۗ وَمَا كَانَ
لِرَسُولٍ أَن يَأْتِيَ بِآيَةٍ إِلَّا بِإِذْنِ اللَّهِ ۚ فَإِذَا جَاءَ أَمْرُ
اللَّهِ قُضِيَ بِالْحَقِّ وَخَسِرَ هُنَالِكَ الْمُبْطِلُونَ ﴿٧٨﴾
اللَّهُ الَّذِي جَعَلَ لَكُمُ الْأَنْعَامَ لِتَرْكَبُوا مِنْهَا
وَمِنْهَا تَأْكُلُونَ ﴿٧٩﴾
وَلَكُمْ فِيهَا مَنَافِعُ وَلِتَبْلُغُوا عَلَيْهَا حَاجَةً فِي
صُدُورِكُمْ وَعَلَيْهَا وَعَلَى الْفُلْكِ تُحْمَلُونَ ﴿٨٠﴾
وَيُرِيكُمْ آيَاتِهِ فَأَيَّ آيَاتِ اللَّهِ تُنكِرُونَ ﴿٨١﴾
أَفَلَمْ يَسِيرُوا فِي الْأَرْضِ فَيَنظُرُوا كَيْفَ كَانَ
عَاقِبَةُ الَّذِينَ مِن قَبْلِهِمْ ۚ كَانُوا أَكْثَرَ مِنْهُمْ
وَأَشَدَّ قُوَّةً وَآثَارًا فِي الْأَرْضِ فَمَا أَغْنَىٰ عَنْهُم مَّا
كَانُوا يَكْسِبُونَ ﴿٨٢﴾
فَلَمَّا جَاءَتْهُمْ رُسُلُهُم بِالْبَيِّنَاتِ فَرِحُوا بِمَا عِندَهُم
مِّنَ الْعِلْمِ وَحَاقَ بِهِم مَّا كَانُوا بِهِ يَسْتَهْزِئُونَ ﴿٨٣﴾
فَلَمَّا رَأَوْا بَأْسَنَا قَالُوا آمَنَّا بِاللَّهِ وَحْدَهُ وَكَفَرْنَا
بِمَا كُنَّا بِهِ مُشْرِكِينَ ﴿٨٤﴾
فَلَمْ يَكُ يَنفَعُهُمْ إِيمَانُهُمْ لَمَّا رَأَوْا بَأْسَنَا ۖ سُنَّتَ اللَّهِ
الَّتِي قَدْ خَلَتْ فِي عِبَادِهِ ۖ وَخَسِرَ هُنَالِكَ الْكَافِرُونَ ﴿٨٥﴾

"Dan sesungguhnya Kami telah mengutuskan para rasul sebelummu, di antara mereka ada yang Kami telah ceritakan kisah mereka kepadamu dan ada pula di antara mereka yang belum lagi Kami ceritakan kisah mereka kepadamu. Dan tiadalah kuasa bagi seorang rasul membawa suatu mu'jizat kecuali dengan keizinan Allah. Dan apabila telah tiba perintah Allah nescaya diputuskan perkara itu dengan hukuman yang benar dan pada ketika itu rugilah orang-orang yang menentang kebenaran (78). Allahlah yang telah menciptakan untuk kamu binatang-binatang ternakan supaya kamu mengenderai sebahagiannya dan sebahagian lagi kamu makan (79). Dan kamu mendapat berbagai-bagai manfa'at yang lain pada binatang-binatang itu dan supaya kamu mengenderainya untuk menyampaikan hajat yang tersimpan di dalam dada kamu. Dan di atas binatang-binatang ternakan dan di atas kapal-kapal kamu diangkutkan (80). Dan Dia memperlihatkan kepada kamu bukti-bukti kekuasaan-Nya, maka manakah satu dari bukti-bukti kekuasaan Allah yang dapat diingkari kamu (81). Apakah tidak mereka menjelajah di bumi melihat bagaimana akibat yang menimpa orang-orang yang terdahulu dari mereka? Orang-orang itu lebih ramai dari mereka, dan lebih kuat dari segi kekuatan dan peninggalan di bumi, tetapi segala apa yang diusahakan orang-orang itu tidak dapat menolong mereka (82). Apabila rasul-rasul yang diutuskan kepada mereka membawa keterangan-keterangan yang jelas, mereka bergembira dengan ilmu pengetahuan (keduniaan) yang ada pada mereka lalu mereka ditimpa oleh 'azab Allah yang selalu diejek-ejekkan mereka (83). Dan apabila mereka melihat 'azab Kami, mereka berkata: Kami beriman kepada Allah Yang Maha Esa sahaja dan kami

ingkarkan terhadap sembahan-sembahan yang kami sekutukannya dengan Allah (84). Maka sekali-kali tidak berguna kepada mereka iman mereka ketika melihat 'azab Kami itu. Itulah Sunnatullah yang telah berlaku ke atas hamba-hamba-Nya dan di masa itu rugilah orang-orang yang kafir."(85)

(Latar belakang dan pokok pembicaraan)

Pusingan ini menyempurnakan pernyataan iringan yang disebut pada akhir pelajaran yang telah lalu. Iaitu menyempurnakan arahan yang dituju kepada Rasulullah s.a.w. dan orang-orang Mu'min supaya bersabar sehingga diizinkan Allah dan dilaksanakan janji-janji baik dan janji-janji 'azab-Nya, sama ada pelaksanaan itu berlaku semasa hayat Rasulullah s.a.w. atau ditunda selepas wafatnya, kerana urusan ini bukan urusan beliau, malah ia adalah urusan 'aqidah ini, juga urusan orang-orang yang beriman dengannya dan orang-orang yang menyangkal dan berlagak sombong terhadapnya, dan yang berhak memutuskan urusan ini ialah Allah, kerana Dialah yang memimpin harakah 'aqidah ini dan mengaturkan langkah-langkahnya mengikut kehendak iradat-Nya.

Dalam pusingan yang baru ini, yang menjadi pusingan penamat bagi surah ini, Al-Qur'an membentangkan beberapa aspek yang lain mengenai hakikat ini, iaitu kisah perjuangan 'aqidah ini adalah satu kisah yang amat panjang dan tua. Ia bukannya dimulakan dengan risalah Islam dan dengan Rasulullah s.a.w. yang membawanya, malah sebelum beliau telah pun diutuskan para rasul yang ramai. Setengah dari mereka telah diceritakan Allah kisah perjuangan mereka kepada beliau dan setengah yang lain pula tidak diceritakannya kepada beliau. Semua rasul-rasul itu ditentang dengan pendustaan dan sikap yang angkuh. Semua mereka diminta menunjukkan mu'jizat-mu'jizat dan semua mereka bercita-cita semoga Allah menunjukkan mu'jizat yang dapat menundukkan orang-orang yang mendustakan da'wah mereka. Tetapi mu'jizat itu tidak berlaku melainkan hanya dengan keizinan Allah pada waktu yang dikehendaki Allah, kerana da'wah ini adalah da'wah-Nya. Dialah yang mengendalikannya mengikut kehendak iradat-Nya.

Tetapi di alam buana ini juga terdapat berbagai-bagai bukti kekuasaan Allah yang terbentang di hadapan mata manusia di setiap zaman dan tempat. Di antaranya yang diperkatakan di dalam pusingan ini ialah bukti-bukti binatang ternakan, kapal, dan lain-lainnya yang disebut secara umum. Semua bukti-bukti itu tidak dapat disangkal oleh sesiapa pun.

Surah ini ditamatkan dengan satu sentuhan yang kuat yang mengisahkan kebinasaan umat-umat yang dahulu kala yang mendustakan da'wah rasul-rasul kerana terpedaya dengan kekuatan pembangunan dan ilmu pengetahuan mereka, kemudian mereka ditimpa 'azab yang menjadi Sunnatullah:

فَلَمْ يَكُ يَنفَعُهُمْ إِيمَـٰنُهُمْ لَمَّا رَأَوْا۟ بَأْسَنَا ۖ سُنَّتَ ٱللَّهِ

ٱلَّتِى قَدْ خَلَتْ فِى عِبَادِهِۦ ۖ وَخَسِرَ هُنَالِكَ ٱلْكَـٰفِرُونَ ﴿٨٥﴾

"Maka sekali-kali tidak berguna kepada mereka iman mereka ketika melihat 'azab Kami itu. Itulah Sunnatullah yang telah berlaku ke atas hamba-hamba-Nya dan di masa itu rugilah orang-orang yang kafir."(85)

Dengan nada inilah surah ini ditamatkan. Seluruh pembicaraannya berkisar di sekitar perjuangan di antara kebenaran dan kebatilan, keimanan dan kekufuran, kebaikan dan keterlaluan sehingga diakhiri dengan ayat yang akhir.

وَلَقَدْ أَرْسَلْنَا رُسُلًا مِّن قَبْلِكَ مِنْهُم مَّن قَصَصْنَا عَلَيْكَ وَمِنْهُم مَّن لَّمْ نَقْصُصْ عَلَيْكَ ۗ وَمَا كَانَ لِرَسُولٍ أَن يَأْتِىَ بِـَٔايَةٍ إِلَّا بِإِذْنِ ٱللَّهِ ۚ فَإِذَا جَآءَ أَمْرُ ٱللَّهِ قُضِىَ بِٱلْحَقِّ وَخَسِرَ هُنَالِكَ ٱلْمُبْطِلُونَ ﴿٧٨﴾

"Dan sesungguhnya Kami telah mengutuskan para rasul sebelummu, di antara mereka ada yang Kami telah ceritakan kisah mereka kepadamu dan ada pula di antara mereka yang belum lagi Kami ceritakan kisah mereka kepadamu. Dan tiadalah kuasa bagi seorang rasul membawa suatu mu'jizat kecuali dengan keizinan Allah. Dan apabila telah tiba perintah Allah nescaya diputuskan perkara itu dengan hukuman yang benar dan pada ketika itu rugilah orang-orang yang menentang kebenaran."(78)

Perjuangan 'aqidah ini mempunyai banyak contoh-contohnya yang telah terdahulu. Sebahagiannya telah diceritakan Allah kepada Rasul-Nya di dalam Al-Qur'an ini dan sebahagian yang lain tidak diceritakannya. Dan dalam kisah-kisah perjuangan rasul-rasul yang diceritakannya itu menunjukkan wujudnya jalan da'wah yang panjang, sambung menyambung, jelas dan terang segala batu-batu tandanya, juga menunjukkan berlakunya Sunnatullah yang tidak pernah mungkir dan wujudnya penerangan yang jelas mengenai hakikat risalah dan tugas para rasul dan batas-batasnya dengan penerangan yang amat halus.

Ayat ini menjelaskan satu hakikat yang perlu disematkan dalam hati manusia dan dijadikan alasan pegangannya dan pengakuannya yang kuat iaitu:

وَمَا كَانَ لِرَسُولٍ أَن يَأْتِىَ بِـَٔايَةٍ إِلَّا بِإِذْنِ ٱللَّهِ

"Tiadalah kuasa bagi seseorang rasul membawa sesuatu mu'jizat kecuali dengan keizinan Allah."(78)

Hati manusia - walaupun hati Rasul - sentiasa bercita-cita supaya da'wahnya mendapat kemenangan dan supaya para penentangnya tunduk dengan segera. Ia bercita-cita supaya lahirnya mu'jizat yang dapat menewaskan segala penentangan, tetapi Allah mahukan para hamba pilihan-Nya supaya bersabar dengan kesabaran yang mutlak dan melatihkan diri mereka bersikap demikian. Allah telah

menjelaskan kepada mereka bahawa tugas mereka hanya menyampaikan da'wah dan bahawa urusan melahirkan mu'jizat itu adalah urusan-Nya yang ditentukan mengikut kehendak iradat-Nya dengan tujuan supaya hati mereka tenang, tenteram dan redha dengan kadar pencapaian yang dapat dilakukan mereka dan setelah itu menyerahkan segala urusan kepada Allah.

Allah juga mahukan manusia memahami tabi'at Uluhiyah dan Nubuwah (kenabian). Mereka harus mengetahui bahawa rasul itu adalah manusia dari kalangan mereka sendiri yang telah dipilih Allah dan diberikan tugas yang tertentu kepada mereka dan mereka sama sekali tidak berkuasa dan sama sekali tidak boleh mencuba untuk melangkah lebih jauh dari tugas mereka itu. Begitu juga mereka harus mengetahui bahawa tertundanya kelahiran bukti-bukti kekuasaan itu adalah satu rahmat kepada mereka, kerana Allah telah pun menetapkan dalam perencanaan-Nya bahawa ia akan membinasakan semua pendusta-pendusta selepas lahirnya mu'jizat-mu'jizat itu, jadi mu'jizat itu hanya ditangguhkan sahaja sebagai rahmat dari Allah:

فَإِذَا جَآءَ أَمْرُ ٱللَّهِ قُضِىَ بِٱلْحَقِّ وَخَسِرَ هُنَالِكَ ٱلْمُبْطِلُونَ ﴿٧٨﴾

"Apabila telah tiba perintah Allah nescaya diputuskan perkara itu dengan hukuman yang benar dan pada ketika itu rugilah orang-orang yang menentang kebenaran."(78)

Kerana di sana tidak ada lagi ruang untuk beramal, bertaubat dan pulang kepada Allah selepas Allah menetapkan keputusan-Nya yang akhir.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 79 - 81)

Kemudian Al-Qur'an menarik pandangan orang-orang yang menuntut kelahiran mu'jizat-mu'jizat itu kepada memperhatikan mu'jizat-mu'jizat Allah yang terbentang di hadapan mereka, iaitu mu'jizat-mu'jizat yang mereka telah lupakannya kerana terlalu biasa, sedangkan jika mereka memerhatikannya, maka ia merupakan sebahagian mu'jizat yang dituntut oleh mereka. Ia juga menjadi bukti Uluhiyah Allah, kerana tertolaknya sebarang dakwaan yang mengatakan bahawa ada yang lain dari Allah yang menciptakannya, juga tertolaknya sebarang dakwaan yang mengatakan ia terjadi tanpa pencipta yang mentadbir dan mempunyai iradat:

ٱللَّهُ ٱلَّذِى جَعَلَ لَكُمُ ٱلْأَنْعَٰمَ لِتَرْكَبُوا۟ مِنْهَا وَمِنْهَا تَأْكُلُونَ ﴿٧٩﴾ وَلَكُمْ فِيهَا مَنَٰفِعُ وَلِتَبْلُغُوا۟ عَلَيْهَا حَاجَةً فِى صُدُورِكُمْ وَعَلَيْهَا وَعَلَى ٱلْفُلْكِ تُحْمَلُونَ ﴿٨٠﴾

وَيُرِيكُمْ ءَايَٰتِهِۦ فَأَىَّ ءَايَٰتِ ٱللَّهِ تُنكِرُونَ ﴿٨١﴾

"Allahlah yang telah menciptakan untuk kamu binatang-binatang ternakan supaya kamu mengenderai sebahagiannya dan sebahagian lagi kamu makan (79). Dan kamu mendapat berbagai-bagai manfa'at yang lain pada binatang-binatang itu dan supaya kamu mengenderainya untuk menyampaikan hajat yang tersemat di dalam dada kamu. Dan di atas binatang-binatang ternakan dan di atas kapal-kapal kamu diangkutkan (80). Dan Dia memperlihatkan kepada kamu bukti-bukti kekuasaan-Nya, maka manakah satu dari bukti-bukti kekuasaan Allah yang dapat diingkari kamu."(81)

Perkhidmatan Binatang-binatang Ternakan Dan Kapal-kapal Kepada Manusia

Penciptaan binatang-binatang ternakan ini pada mulanya merupakan satu mu'jizat sama seperti penciptaan manusia. Bagaimana binatang itu dihidup dan disusun kejadiannya dan dibentuk rupa parasnya semuanya merupakan mu'jizat-mu'jizat belaka yang tidak dapat didakwa dan diciptakan oleh manusia. Di samping itu binatang-binatang ternakan ini ditundukkan kepada penggunaan manusia, sedangkan setengah-setengah binatang itu mempunyai tubuh badan yang lebih besar dan kekuatan yang lebih hebat dari mereka. Dan Allahlah yang menciptakan-Nya:

ٱللَّهُ ٱلَّذِى جَعَلَ لَكُمُ ٱلْأَنْعَٰمَ لِتَرْكَبُوا۟ مِنْهَا وَمِنْهَا تَأْكُلُونَ ﴿٧٩﴾

"Allahlah yang telah menciptakan untuk kamu binatang-binatang ternakan supaya kamu mengenderai sebahagiannya dan sebahagian lagi kamu makan."(79)

Oleh itu adalah tidak patut sekali-kali dihormati andainya ada orang yang mendakwa bahawa binatang-binatang ternakan terjadi sendiri sedemikian rupa dan bahawa binatang-binatang ternakan itu bukanlah ciptaan mu'jizat dibandingkan dengan penciptaan manusia atau mendakwa bahawa binatang ternakan tidak membuktikan wujudnya Tuhan Pencipta yang menjadikannya dan menundukkannya kepada penggunaan manusia dengan ciri-ciri yang diadakan pada binatang-binatang itu dan pada manusia, kerana logik fitrah tidak mengakui cara perdebatan ini.

Al-Qur'an mengingatkan mereka dengan ni'mat-ni'mat yang besar yang terdapat pada kejadian-kejadian mu'jizat ini:

لِتَرْكَبُوا۟ مِنْهَا وَمِنْهَا تَأْكُلُونَ ﴿٧٩﴾

"Supaya kamu mengenderai sebahagiannya dan sebahagian lagi kamu makan."(79)

Supaya kamu mengenderainya untuk menyampaikan hajat tersemat di dalam dada kamu.

وَعَلَيْهَا وَعَلَى ٱلْفُلْكِ تُحْمَلُونَ ﴿٨٠﴾

"Dan di atas binatang-binatang ternakan dan di atas kapal-kapal kamu diangkutkan."(80)

Hajat-hajat yang tersemat di dalam hati yang hendak dicapai dengan menaiki binatang-binatang ternakan itu adalah hajat-hajat yang besar di zaman itu, iaitu sebelum wujudnya alat-alat pengangkutan, perjalanan dan perhubungan yang lain dari binatang-binatang ternakan ini. Dan hingga sekarang ini pun, malah di zaman akan datang juga, masih wujud hajat-hajat yang hanya boleh dicapai dengan mengenderai binatang-binatang ternakan. Hingga pada sa'at ini perjalanan ke setengah-setengah bukit dan gunung-ganang tidak boleh dicapai melainkan dengan menaiki binatang-binatang ternakan walaupun terdapat keretapi, kereta dan kapalterbang, kerana jalan-jalan itu terlalu sempit yang hanya cukup dilalui tapak kaki binatang-binatang ternakan.

وَعَلَيْهَا وَعَلَى ٱلْفُلْكِ تُحْمَلُونَ ﴿٨٠﴾

"Dan di atas binatang-binatang ternakan dan di atas kapal-kapal kamu diangkutkan."(80)

Kapal-kapal juga merupakan salah satu penciptaan mu'jizat dari bukti-bukti kekuasaan Allah, juga merupakan salah satu ni'mat dari ni'mat-ni'mat yang dikurniakan Allah kepada manusia. Perjalanan kapal-kapal di atas permukaan air itu berlaku di atas asas undang-undang alam dan berbagai-bagai penyesuaian dalam pelan penciptaan alam buana iaitu pelan penciptaan langit dan bumi, daratan dan perairannya, juga sifat benda-benda dan anasir-anasir alam. Semuanya pasti wujud untuk membolehkan kapal-kapal itu berlari di atas permukaan air sama ada ia berjalan dengan kekuatan layar atau dengan kuasa wap atau dengan tenaga atom atau dengan lain-lain tenaga yang disimpankan Allah di dalam alam ini. Kapal-kapal ini dapat digunakan dengan mudah oleh manusia. Oleh kerana itu kapal-kapal itu disebut di tempat kumpulan bukti-bukti kekuasaan-Nya juga di tempat kumpulan ni'mat-ni'mat-Nya.

Alangkah banyaknya ayat-ayat atau bukti-bukti kekuasaan Allah (mu'jizat-mu'jizat penciptaan Allah) yang bertaburan di merata pelusuk alam buana yang tidak dapat disangkalkan oleh manusia yang berfikir deagan serius:

وَيُرِيكُمْ ءَايَٰتِهِۦ فَأَيَّ ءَايَٰتِ ٱللَّهِ تُنكِرُونَ ﴿٨١﴾

"Dan Dia memperlihatkan kepada kamu bukti-bukti kekuasaan-Nya, maka manakah satu dari bukti-bukti kekuasaan Allah yang dapat diingkari kamu."(81)

Ya, di sana memang ada orang yang menyangkal dan mempertikaikan ayat-ayat Allah, dan memang ada orang yang menggunakan hujah yang batil untuk menghapuskan kebenaran, tetapi setiap orang dari mereka menyangkal dan berhujah semata-mata kerana dolak dalik, kerana kepentingan diri, kerana takbur atau kerana memesongkan kebenaran untuk satu tujuan yang lain bukannya untuk mencari hakikat yang sebenar.

Di sana ada orang yang menyangkal ayat-ayat Allah kerana dia seorang pemerintah yang sewenang-wenang seperti Fir'aun dan tokoh-tokoh setandingnya yang takutkan kehilangan kerajaannya, bimbangkan keselamatan takhtanya kerana takhta kerajaannya telah ditegakkan di atas dongeng-dongeng yang melenyapkan kebenaran, sedangkan kebenaran itu hanya tegak apabila tegaknya hakikat ketuhanan Yang Maha Esa.

Di sana ada orang yang menyangkal ayat-ayat Allah kerana dia seorang penganut ideologi politik seperti ideologi komunisme, iaitu satu ideologi yang akan hancur apabila tegaknya hakikat 'aqidah samawiyah di dalam jiwa manusia, kerana ideologi itu mahu membelenggukan manusia di bumi dan meletakkan hati mereka pada alat-alat kelengkapan dan keinginan-keinginan jasad-jasad mereka sahaja. Ia mahu mengosongkan hati mereka dari ibadat kepada Allah supaya mereka hanya menyembah ideologi itu atau menyembah pemimpinnya.

Di sana ada orang yang menyangkal ayat-ayat Allah kerana ia ditindas oleh kuasa ahli-ahli agama sebagaimana yang telah berlaku di dalam sejarah gereja di Zaman-zaman Tengah, dan oleh kerana itu dia mahu melepaskan dirinya dari cengkaman kuasa gereja itu lalu dia berjuang secara melampau hingga menolak tuhan gereja itu sendiri iaitu tuhan yang namanya selalu digunakan oleh gereja untuk mengabdikan manusia.

Di sana terdapat berbagai-bagai sebab lagi. Tetapi logik fitrah bencikan perdebatan dan pertikaian seperti itu dan tetap mengakui hakikat yang tersemat dalam hati alam buana dan dibuktikan oleh ayat-ayat Allah selepas setiap perdebatan.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 82 - 85)

Pada akhirnya tibalah pernyataan penamat dengan nada yang amat kuat:

أَفَلَمْ يَسِيرُوا۟ فِى ٱلْأَرْضِ فَيَنظُرُوا۟ كَيْفَ كَانَ عَٰقِبَةُ ٱلَّذِينَ مِن قَبْلِهِمْ ۚ كَانُوٓا۟ أَكْثَرَ مِنْهُمْ وَأَشَدَّ قُوَّةً وَءَاثَارًا فِى ٱلْأَرْضِ فَمَآ أَغْنَىٰ عَنْهُم مَّا كَانُوا۟ يَكْسِبُونَ ﴿٨٢﴾

فَلَمَّا جَآءَتْهُمْ رُسُلُهُم بِٱلْبَيِّنَٰتِ فَرِحُوا۟ بِمَا عِندَهُم مِّنَ ٱلْعِلْمِ وَحَاقَ بِهِم مَّا كَانُوا۟ بِهِۦ يَسْتَهْزِءُونَ ﴿٨٣﴾

فَلَمَّا رَأَوْا۟ بَأْسَنَا قَالُوٓا۟ ءَامَنَّا بِٱللَّهِ وَحْدَهُۥ وَكَفَرْنَا بِمَا كُنَّا بِهِۦ مُشْرِكِينَ ﴿٨٤﴾

فَلَمۡ يَكُ يَنفَعُهُمۡ إِيمَٰنُهُمۡ لَمَّا رَأَوۡاْ بَأۡسَنَاۖ سُنَّتَ ٱللَّهِ ٱلَّتِي قَدۡ خَلَتۡ فِي عِبَادِهِۦۖ وَخَسِرَ هُنَالِكَ ٱلۡكَٰفِرُونَ ﴿٨٥﴾

"Apakah tidak mereka menjelajah di bumi dan melihat bagaimana akibat yang menimpa orang-orang yang terdahulu dari mereka. Orang-orang itu lebih ramai dari mereka, lebih kuat dan lebih banyak kesan-kesan peninggalan di bumi, tetapi segala apa yang diusahakan orang-orang itu tidak dapat menolong mereka (82). Apabila rasul-rasul yang diutuskan kepada mereka membawa keterangan-keterangan yang jelas, mereka bergembira dengan ilmu pengetahuan (keduniaan) yang ada pada mereka lalu mereka ditimpa oleh 'azab Allah yang selalu diejek-ejekkan mereka (83). Dan apabila mereka melihat 'azab Kami, mereka berkata: Kami beriman kepada Allah Yang Maha Esa sahaja dan kami ingkarkan sembahan-sembahan yang kami sekutukannya dengan Allah (84). Maka sekali-kali tidak berguna kepada mereka keimanan mereka ketika melihat 'azab Kami itu. Itulah Sunnatullah yang telah berlaku ke atas hamba-hamba-Nya, dan di masa itu rugilah orang-orang yang kafir."(85)

Tauladan-tauladan Dari Kebinasaan Umat Yang Lampau

Kisah kebinasaan umat-umat dahulukala itu memang banyak di dalam sejarah manusia. Setengahnya masih terdapat kesan-kesan peninggalan yang menceritakan kisah-kisah itu dan setengahnya pula diingat dalam cerita-cerita lisan atau tercatat di dalam lembaran-lembaran dan buku-buku. Al-Qur'an banyak sekali menarik perhatian manusia kepada kisah-kisah itu kerana kisah-kisah itu membuktikan wujudnya hakikat-hakikat yang kukuh dalam garisan perjalanan hidup manusia, dan kerana kisah-kisah itu meninggalkan kesan yang mendalam di dalam jiwa manusia. Al-Qur'an berbicara dengan fitrah manusia dengan hujah-hujah yang dapat diterima olehnya, kerana Allah yang menurunkan Al-Qur'an ini mengetahui hakikat fitrah itu mengetahui jalan-jalan dan pintu-pintunya. Setengah-setengah pintunya dapat dibuka dengan ketukan-ketukan yang perlahan dan setengah-setengahnya pula hanya dapat dibuka apabila diketuk dengan ketukan yang berulang-ulang lagi setelah sekian lama dilekati karat.

Di sini Al-Qur'an mengajak mereka menjelajah di bumi dengan mata yang terbuka, perasaan yang segar dan hati yang insaf supaya melihat dan merenungi segala apa yang telah berlaku di bumi sebelum mereka dan kesudahan yang menimpa umat-umat sebelum mereka. Apakah tidak mereka menjelajah di bumi dan melihat bagaimana akibat yang menimpa orang-orang yang terdahulu dari mereka? Dan sebelum menyebut akibat itu, Al-Qur'an memerikan keadaan umat-umat sebelum mereka dan membandingkannya dengan keadaan mereka agar perbandingan dan contoh teladan itu mencapai kesempurnaannya:

كَانُوٓاْ أَكۡثَرَ مِنۡهُمۡ وَأَشَدَّ قُوَّةٗ وَءَاثَارٗا فِي ٱلۡأَرۡضِ

"Orang-orang itu lebih ramai dari mereka, lebih kuat dan lebih banyak kesan-kesan peninggalan di bumi."(82)

Umat-umat itu cukup ramai, cukup kuat dan hebat pembangunan dan kemajuan mereka. Di antara mereka ialah generasi-generasi dan umat-umat sebelum bangsa Arab yang sebahagiannya telah diceritakan Allah kepada Rasul-Nya dan sebahagian yang lain belum lagi diceritakannya. Di antara mereka ialah kaum-kaum yang diketahui kisah mereka oleh orang-orang Arab yang telah melihat kesan-kesan peninggalan mereka semasa melalui negeri-negeri itu dalam persafiran mereka:

فَمَآ أَغۡنَىٰ عَنۡهُم مَّا كَانُواْ يَكۡسِبُونَ ﴿٨٢﴾

"Tetapi segala apa yang diusahakan orang-orang itu tidak dapat menolong mereka."(82)

Kekuatan, keramaian dan pembangunan yang dibangga-banggakan mereka dan mempesonakan mereka itu tidak dapat melindungkan mereka dari 'azab Allah, malah perasaan bangga dan angkuh dengan kemajuan mereka itulah yang menjadi punca kecelakaan dan sebab kebinasaan mereka:

فَلَمَّا جَآءَتۡهُمۡ رُسُلُهُم بِٱلۡبَيِّنَٰتِ فَرِحُواْ بِمَا عِندَهُم مِّنَ ٱلۡعِلۡمِ

"Apabila rasul-rasul yang diutuskan kepada mereka membawa keterangan-keterangan yang jelas, mereka bergembira dengan ilmu pengetahuan (keduniaan) yang ada pada mereka."(83)

Ilmu pengetahuan tanpa keimanan itu merupakan satu godaan atau ujian yang membuat seseorang itu buta dan melampau. Ini disebabkan ilmu pengetahuan yang zahir ini selalu menimbulkan perasaan angkuh, kerana orang yang memiliki ilmu pengetahuan seperti itu merasa dirinya berkuasa mengendali dan menguasai kuasa-kuasa alam yang besar dengan ilmu pengetahuannya dan merasa dirinya memiliki qudrat, keupayaan yang amat besar hingga dia meletakkan dirinya pada tempat yang lebih tinggi dari darjat dan kedudukannya yang sebenar. Dia lupa kepada ruang-ruang alam yang amat luas yang masih belum diketahuinya, sedangkan ruang-ruang itu wujud di alam buana ini dan mereka tidak mempunyai sebarang kuasa di atasnya dan tidak pula mempunyai apa-apa ilmu pengetahuan mengenainya selain dari ilmu pengetahuan mengenai pinggir-pinggirnya yang dekat sahaja. Inilah punca yang menyebabkan dia merasa sombong dan memandang dirinya lebih dari hakikatnya yang sebenar. Dia terpesona dengan ilmu pengetahuannya dan lupakan kejahilannya. Andainya dia ukurkan ilmu pengetahuan yang diketahuinya itu dengan ilmu pengetahuan yang tidak diketahuinya, dan andainya dia ukurkan apa yang mampu difahaminya di alam buana dengan apa yang tidak mampu difahami rahsianya, tentulah dia akan tunduk dari kesombongannya dan tentulah dia akan mengurangkan perasaan gembira dan terpesona dengan ilmu pengetahuan itu.

Mereka begitu gembira terpesona dengan ilmu pengetahuan mereka dan mengejek orang-orang

yang cuba memberi peringatan kepada mereka terhadap akibat di sebalik kegembiraan itu:

وَحَاقَ بِهِم مَّا كَانُوا۟ بِهِۦ يَسْتَهْزِءُونَ ﴿٨٣﴾

"Lalu mereka ditimpa oleh 'azab Allah yang selalu diejek-ejekkan mereka."(83)

Dan setelah mereka melihat 'azab Allah, jatuhlah topeng kesombongan mereka dan sedarlah mereka sejauh mana mereka telah terkeliru, lalu mereka mengakui kebenaran yang telah diingkarkan mereka, mengakui keesaan Allah dan mengingkarkan sembahan-sembahan mereka yang lain dari Allah, tetapi sayang masa telah luput:

فَلَمَّا رَأَوْا۟ بَأْسَنَا قَالُوٓا۟ ءَامَنَّا بِٱللَّهِ وَحْدَهُۥ وَكَفَرْنَا بِمَا كُنَّا بِهِۦ مُشْرِكِينَ ﴿٨٤﴾

"Dan apabila mereka melihat 'azab Kami, mereka berkata: Kami beriman kepada Allah Yang Maha Esa sahaja dan kami ingkarkan sembahan-sembahan yang kami sekutukannya dengan Allah."(84)

Itu disebabkan kerana sunnatullah telah menetapkan bahawa taubat itu tidak akan diterima setelah zahirnya 'azab Allah. Taubat di masa ini merupakan taubat kerana takut bukannya taubat kerana iman:

سُنَّتَ ٱللَّهِ ٱلَّتِى قَدْ خَلَتْ فِى عِبَادِهِۦ

"Itulah Sunnatullah yang telah berlaku ke atas hamba-hamba-Nya."(85)

Sunnatullah itu tetap teguh, tidak bergoncang, tidak berubah dan tidak menyimpang dari jalannya yang lurus.

وَخَسِرَ هُنَالِكَ ٱلْكَٰفِرُونَ ﴿٨٥﴾

"Dan di masa itu rugilah orang-orang yang kafir."(85)

* * * * * *

Dengan pemandangan yang dahsyat ini, iaitu, pemandangan 'azab Allah yang menimpa para pendusta dan pemandangan mereka meminta pertolongan, keluh-kesah dalam ketakutan, dan mengumumkan pengakuan beriman dan menyerah diri, maka berakhirlah surah ini. Dan pengakhiran ini seleras dengan suasana, bayangan dan pokok pembicaraan surah ini.

Di celah-celah surah ini kita telah melalui berbagai-bagai persoalan 'aqidah yang biasa dibicarakan oleh Surah-surah Makkiyah yang lain iaitu persoalan tauhid, persoalan kebangkitan selepas mati dan persoalan wahyu, tetapi semua persoalan ini bukanlah merupakan persoalan-persoalan pokok surah ini, malah yang menjadi pokok persoalan surah ini ialah konflik di antara kebenaran dan kebatilan, di antara keimanan dan kekufuran, di antara kebaikan dan kezaliman. Ciri-ciri konflik inilah yang melukiskan syakhsiyah surah ini dengan sifat-sifatnya yang membezakannya dari surah-surah Al-Qur'an yang lain.

* * * * * *